



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 12

Khamis

6 April 2023

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 1)
Waktu Mesyuarat dan Urusan	
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023	(Halaman 33)
Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023	(Halaman 78)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023	(Halaman 97)
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023	(Halaman 119)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
5. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
6. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
7. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
8. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
9. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
10. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
11. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
12. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
13. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
14. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
15. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
16. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
17. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
18. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
19. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
20. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
21. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
22. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
23. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
24. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
25. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
26. “ Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
27. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
28. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
29. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
30. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
31. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
32. “ Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 33. | Yang Berhormat | Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis) |
| 34. | “ | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 35. | “ | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 36. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 37. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 38. | “ | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 39. | “ | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 40. | “ | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 41. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 42. | “ | Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah) |
| 43. | “ | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 44. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 45. | ” | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 46. | “ | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 47. | “ | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 48. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluwing (Sarawak) |
| 49. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 50. | “ | Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 51. | “ | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 52. | “ | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 53. | “ | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 54. | “ | Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik) |
| 55. | “ | Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri] |

AHLI TIDAK HADIR (*samb/-*)

4. Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
5. “ Dato’ Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
6. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
7. “ Dato’ Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
8. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Datuk Paul Igai (Dilantik)
2. “ Dato’ Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Utama Haji Mohamad Bin Hassan [Menteri Pertahanan] (Rembau)
2. “ Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad [Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Setiawangsa)
3. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)] (Pengerang)
4. “ Dr. Zaliha Binti Mustafa [Menteri Kesihatan] (Sekijang)
5. “ Tuan Khairul Firdaus Bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
6. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong)
7. “ Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas)] (Hulu Rajang)
8. “ Tuan Sim Chee Keong [Timbalan Menteri Kewangan II] (Bukit Mertajam)
9. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)
11. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
12. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Khamis, 6 April 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini Khamis, 6 April 2023 merupakan hari kedua belas persidangan Dewan Negara bersamaan dengan 15 Ramadan 1444 Hijrah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada usul 11(1) yang telah pun Majlis Dewan ini putuskan dan luluskan pada 28 Mac 2023 yang lalu, saya hendak menetapkan bahawa urusan mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan rang undang-undang seperti berikut:

- (i) D.R. 13/2023 – Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023;
- (ii) D.R. 14/2023 – Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023;
- (iii) D.R. 5/2023 – Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023; dan
- (iv) D.R. 6/2023 – Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah kerajaan akan menanggung kos tambahan akibat kelewatan penyerahan kapal LCS.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan perolehan LCS ini, memang sudah banyak kali

diberikan jawapan, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga rasanya kerana ia merupakan soalan *favourite* yang orang bertanya tentang perolehan LCS ini yang kita- semua tahu ia telah tergendala dan juga pembinaannya lewat daripada apa yang sepatutnya.

Kelewatan ini berpunca daripada pelbagai sebablah, Tuan Yang di-Pertua. Antaranya, projek ini diberhentikan pada tahun 2019 untuk dibuat *review* dan kemudian hendak disambung semula. Selepas itu, COVID dua tahun. Jadi, projek ini terbengkalai, tergendala selama tiga tahun.

Walau bagaimanapun, dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, projek LCS ini merupakan kepentingan negara, kepentingan untuk kita memperkasakan keupayaan pertahanan negara terutamanya daripada segi keupayaan Tentera Laut Diraja Malaysia. Seperti yang saya sebut dua hari lepas di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak boleh memandang ringan tentang kedaulatan negara. Perairan negara kita dicerobohi berpuluh-puluh kali tetapi disebabkan oleh keupayaan kita tidak seberapa, maka pihak yang berkenaan terus mencerooboh tanpa segan silu.

Maka, jawapan yang tepat kepada isu ini, menjaga kedaulatan negara khususnya ruang udara negara kita dan juga perairan negara kita dan sempadan negara kita adalah untuk kita memperkasakan keupayaan pertahanan negara.

Jadi, soal kepada perolehan LCS ini, walaupun menjadi sebagai topik perbualan ramai, empat kali Jemaah Menteri telah pun meluluskan. Tiga buah kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, tiga Kerajaan membuat keputusan. Kerajaan selepas tahun 2018, kerajaan selepas itu, kerajaan selepas itu dan pada kali ini Kementerian Pertahanan akan mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri semula. Walaupun kelulusan-kelulusan terdahulu empat kali telah pun diluluskan tetapi memandangkan ini merupakan kerajaan yang baharu, Kementerian Pertahanan berpandangan adalah wajib untuk kita mendapatkan kelulusan baharu daripada kerajaan ini.

Sepatutnya kita telah pun mendapatkan kelulusan daripada MJM, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat Kerajaan. Akan tetapi, disebabkan ada satu masalah yang dihadapi untuk kita menyelesaikan seperti mana yang telah pun diperakukan oleh PAC iaitu ada beberapa perkara yang perlu – ada tujuh perkara yang PAC telah menyebut supaya perlu dilakukan.

■1010

Jadi, kita telah melakukan empat, Tuan Yang di-Pertua. Satu masih lagi belum dapat kita buat iaitu untuk kita melaporkan kepada Parlimen dan kita juga tidak mahu bercadang untuk melaporkan kepada Parlimen. Kita bercadang untuk melaporkan kepada *Select Committee* Parlimen berkenaan dengan *progress* pembinaan LCS ini.

Tuan Yang di-Pertua, LCS ini perlu diteruskan dan seperti mana yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Cuma, yang mengganggu sedikit urusan untuk kita meneruskan pembinaan ini Tuan Yang di-Pertua, disebabkan ada suatu perkara yang perlu kita selesaikan iaitu ada satu syarikat yang ditubuhkan sebagai orang tengah. Syarikat orang tengah ini yang hendak kita lupuskan, supaya pihak pembina ataupun *shipyard* yang membina *Boustead Naval Shipyard* tidak lagi perlu berurusan dengan orang tengah. Kalau tidak dahulu dia berurusan dengan orang tengah. Orang tengah berurusan dengan OEM. Jadi, ini akan kita potong, akan kita lupuskan.

Persetujuan untuk ini telah pun kita capai. Cumanya, ada kaveat-kaveat yang perlu kita pastikan ia dilakukan dan ada satu kaveat yang kita tidak mahu berkompromi kerana mereka ini minta supaya mereka ini dikecualikan daripada apa jua sebarang tindakan pada masa akan datang. *We don't want to compromise on that* dengan izin. Kita tidak mahu.

Sebab apa Tuan Yang di-Pertua, bagi kami Kementerian Pertahanan terpulang kepada agensi yang menyiasat dan agensi pendakwaan. Itu bukan dalam ruang lingkup Kementerian Pertahanan. Jadi, siapa-siapa sahaja yang akan disiasat terpulang pada mereka. Ini telah pun dipersetujui iaitu kita perlu menandatangani apa yang dipanggil sebagai *Universal Settlement Agreement* untuk syarikat tengah ini. Apa yang dipanggil *Contraves Advanced Coordinator* (CAD), Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini kita akan bayar. Memang pun pembayaran tersebut merupakan pembayaran yang perlu dibayar untuk menyelesaikan pembayaran kepada OEM-OEM yang telah pun menghantar dan juga yang telah pun kita pesan barang-barang daripada mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* dalam bulan April ini kita akan dapat. Kertas Mesyuarat Jemaah Menteri telah pun diedarkan untuk mendapat ulasan-ulasan daripada kementerian-kementerian berkenaan yang secara tidak rasminya telah pun bersetuju oleh kesemua kementerian untuk meneruskan projek LCS ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana, kita tidak boleh berlengah lagi. Keupayaan pertahanan negara perlu dilengkapkan, perlu kita perkasakan. Jika tidak, orang tidak ada lagi segan silu dengan kita.

Jadi, soal untuk kita memandang ke belakang tidak timbul lagi sudah. Kita akan ke hadapan adalah untuk kita meneruskan projek LCS ini. Kapal pertama daripada segi pembinaannya sudah banyak siap, Tuan Yang di-Pertua. Dia membina kapal LCS ini pakai blok-blok. Semua blok sudah siap melainkan blok yang utama iaitu teras menara itu. Itu belum dibuat. Memang saja tidak diletakkan kerana kita hendak letakkan *Comunications Management System* (CMS). Enjin semua sudah letak dalam. Enjin-enjin semua sudah ada. *Gearbox* sudah ada. Dia punya *propeller* sudah ada dan dia punya *shaft* sudah ada. Semua sudah pasang melainkan *Comunications Management System* (CMS) dan juga dia punya peluru-peluru ataupun torpedo-torpedo yang perlu kita masukkan. Kemudian, baru kita letakkan dia punya teras tersebut. *No issue*.

Daripada segi *design*, kita tidak- *design* itu bukan kepunyaan negara kita. *Design* kepunyaan negara Perancis. Syarikat Naval Group. Syarikat Naval Group telah pun memperakui daripada segi *design* kapal tersebut 84 peratus. Akan tetapi kesiapan pembinaannya sudah 90 lebih peratus. Kesiapan pembinaan *body* dia 96 peratus. Akan tetapi CMS belum masuk. Keupayaan *combat*-nya pun belum dipasang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Maka, secara keseluruhannya pembinaan fizikal kapal pertama itu 80 lebih peratus, Tuan Yang di-Pertua.

Ia akan mengambil masa lebih kurang sembilan bulan daripada sekarang. Daripada 3.0. Kalau 3.0 kita bulan April nanti, sembilan bulan dari bulan April, kapal siap pembinaannya. Pembinaan kapal ini dia ada tiga fasa Tuan Yang di-Pertua. Siap pembinaan dia *dry dock* kemudian dibawa ke *harbor*. Di situ kita panggil *harbor acceptance trial*. Hendak tengok juga kapal ini boleh mengapung tidak. Kalau tidak, masuk dalam laut terus tenggelam pun tidak boleh juga. Itu mengambil banyak masa.

Selepas daripada *harbor acceptance trial* kita akan pergi *sea acceptance trial* pula untuk kita lihat sama ada dia betul-betul 90 darjah atau tidak. Kalau dia senget satu darjah pun nanti dia tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua. Kita terpaksa pulangkan balik masuk *dry dock* kerana peluru-peluru kita, LCS ini ada tiga jenis *weapon combatan* keupayaan dia iaitu *surface to sub* untuk *submarine*. Dia ada 20 *sonars* di kiri kanan badan dia untuk mendengar apa sahaja bunyi di bawah. Selepas itu ada *surface to surface* iaitu kapal dengan kapal punya *missile* dan juga *surface to air missile*.

Kapal ini merupakan kapal terancang, Tuan Yang di-Pertua. malangnya tidak siap dalam masa yang ditetapkan. Ia merupakan generasi kapal yang terbaik. Ini kalau dilihat daripada segi radar sebabnya semuanya *concealed* Tuan Yang di-Pertua. Kalau dalam radar dilihat dia macam kapal nelayan biasa sahaja sebab dia tidak nampak dia punya meriam, tidak nampak dia punya torpedo. Tidak ada. Semuanya *been concealed*. Apabila hendak guna dia akan buka dan dia akan membuat tembakan yang diperlukan *insya-Allah*. Jadi, *harbor acceptance trial* dan juga *sea acceptance trial* ini mengambil masa lebih kurang 20 bulan pula. Selama 20 hingga 22 bulan. Kalau sudah siap barulah mentauliahkan kapal itu diserahkan kepada Tentera Laut Diraja kita sebagai hendak dinamakan apa sahaja selepas ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal kepada Yang Berhormat Dr. Azam sahabat saya dari Seremban, Tuan Yang di-Pertua. Kita belum mendapat lagi keputusan kelulusan Majlis Mesyuarat Jemaah Menteri sama ada tambah ataupun tidak tetapi apa yang kita lakukan sekarang ini, kerana kita masih ada siling bajet itu lagi. Siling bajet itu ada RM3 bilion lebih lagi Tuan Yang di-Pertua. Itu yang kita akan gunakan dan terpulang nanti kepada Mesyuarat Jemaah Menteri sama ada kita hendak membina lebih ataupun tidak.

Setakat sekarang ini, keputusan Jemaah Menteri yang lalu-lalu kita hanya membina lima. Kita tidak membina enam kerana kapal yang keenam itu belum buat apa-apa lagi. Kapal

yang kelima kita sudah buat 20 lebih peratus. Buat blok dia. Jadi, itu tidak ada masalah kerana dia punya *jig* semua sudah ada. Cuma kita hendak taruk dia punya *plate* sahaja kemudian kita akan letakkan. Enjin semua sudah beli Tuan Yang di-Pertua. Lima biji kapal punya enjin semua sudah ada. Lima biji *gearbox* semua sudah ada. Lima biji *propeller*, lima biji *shaft* semua ada. Cuma CMS dia kita nak tengok, nak *reboot* balik kerana dia sudah 4 hingga 5 tahun.

Jadi, sama ada CMS ini perlu kita *reboot* dan untuk kita tambah nilai kerana tahulah sistem ini dia berubah dan juga sistem sentiasa sahaja di-*upgrade*. Kita perlu membuatkan *upgrading on our CMS* ataupun *Communications Management System* kita. Itu jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Azam dahulu.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat keputusan yang dibuat untuk membeli LCS atau membina LCS ini seawal 2011 dan perolehan telah pun bermula beberapa tahun selepas itu. Jadi, jangka masa itu amat panjang. Sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri maklumkan tadi, contohnya enjin sudah adapun di *warehouse*.

Jadi, persoalannya adalah tidakkah semua barang-barang ini telah menjadi *outdated*? Kalau kita tengok kereta pun dalam beberapa tahun contohnya kalau *Honda* dahulu 2.0 sekarang 1.5 dengan *turbo*. Jadi begitu juga dengan enjin. Tidakkah ia akan menjadi keupayaan LCS ini akan berkurang kerana barang-barang yang sepatutnya *up-to-date* tetapi sudah menjadi *outdated*. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Azam. Seperti yang saya terangkan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Enjin tidak *outdated*. Diesel enjin ini dari *MTU Services* daripada Germany. Dia tidak akan *outdated*. Enjin jarang *outdated*. Yang *outdated* dia punya reka bentuk sahaja ataupun *combatant ability* ataupun kekuatan *combatant* peluru berpandu. Yang saya katakan tadi kita kena *reboot*, yang kita kena ubah suai, tambah nilai, kita *upgrade* ialah CMS kita iaitu *Communications Management System* kita kerana di situ banyak kita pakai *switches* yang memerlukan *upgrading* kita.

■1020

Gearbox; *gearbox* sama, Tuan Yang di-Pertua. *Gearbox is gearbox*-lah. Mana ada *gearbox 2.0*, *gearbox 3.0*, tidak ada. Enjin; enjin yang sama. Sentiasa sahaja di-*test*; okey, tidak ada masalah. Enjin ini ada dua *management system*. Satu *is gas turbine*, satu *is diesel*.

So, kita tidak pernah pakai kapal laut ataupun kapal perang sebagai *gas turbine*, tidak perlu. *Gas turbine* dan juga *nuclear-powered engine* selalunya digunakan di dalam *submarine* kerana kalau kita pakai *submarine* pakai *nuclear-powered engine*, Tuan Yang di-Pertua, ia

boleh duduk di dalam laut selama-lamanya. Selagi *nuclear reactor* itu ada, boleh pakai, ia tidak payah timbul. Melainkan orang kelasinya semua habis mati, baru terpaksa timbullah.

Akan tetapi kalau pakai *diesel engine- diesel engine*, kalau dalam *submarine* saya bagi sedikitlah ya. *Diesel engine*, Tuan Yang di-Pertua, ia sebenarnya diesel untuk menguasai bateri. Apabila kita buat ia punya – hidupkan enjinnya, *submarine* kena mengapung sebab ia tidak boleh duduk di dalam laut dan hidupkan enjin diesel, habis nanti udara disedut, kelasinya semua mati. Ia kena terapung dan ia akan ambil, besar lorong udaranya, ambil udara. Selepas *fully charge* bateri, boleh jalanlah, lebih kurang seminggu, dua minggu. Selepas itu, ia kena naik balik, ia hidupkan enjin diesel itu.

Itulah sebabnya enjin diesel ini lebih senyap kerana apabila di dalam laut, ia tidak pakai enjin, ia pakai bateri. Ia berjalan pakai bateri. Kalau nuklear, ia bising sedikit kerana reaktor nuklear ini, ia perlu disejukkan. Ia punya *propeller* ada dua, tiga untuk menyejukkan reaktor nuklear tersebut.

Jadi kita punya enjin tidak ada masalah, *gearbox* sama, *propellers* yang sama. Itu sebabnya kita tutup. Kalau nanti siapa-siapa pergi ke Lumut, kita tutup, kita tidak tunjuk apa jenis *propeller* yang kita pakai kerana itu rahsia ya. *Propeller* ini pun juga akan menentukan kelajuan, menentukan macam mana kapal ini dioperasi nanti, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi *shaft*; *shaft* yang sama tetapi yang perlu bak kata Yang Berhormat Senator Dr. Azam tadi, kita perlu me-reboot balik ataupun kita perlu menaik taraf kita punya *Communication Management System* (CMS) termasuk juga kita telah pun menukar jenis peluru berpandu yang kita hendak pakai, Tuan Yang di-Pertua, iaitu daripada jenis dahulu, sekarang kita ambil dari Norway. Saya tidak perlu sebut jenis apa kerana itu rahsia pertahanan negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Yang Berhormat...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: [Bangun]

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: [Bangun]

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan teknikal yang sangat padulah.

Cuma sekarang ini, *design* asal bermula 2011, asalnya enam buah jadi lima buah. Kos baki ada RM3 bilion lebih. Apa jaminan dengan kenaikan sumber-sumber bahan mentah – Besi naik, beberapa peralatan lain naik – Ia tidak akan melebihi baki wang yang ada iaitu RM3.1 bilion? Okey, sekarang rakyat boleh terima dengan baki itu untuk menyiapkan lima daripada enam.

Apakah jaminan bahawa tidak akan tambah lagi? Daripada RM3.1 bilion, yang mana saya sangsi fasal barang-barang mentah sedang menaik sekarang ini. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Tuan Yang di-Pertua, itu kenaikan harga barang, harga besi, harga macam-macam di luar jangkaan kita. Apa yang perlu kita lakukan ialah kita akan menyiapkan kapal-kapal mengikut apa bajet yang sedia ada.

Terpulang kepada keputusan mesyuarat Jemaah Menteri yang akan kita buat tidak lama lagi. Boleh jadi dalam dua, tiga minggu dari sekarang, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita meneruskan.

Akan tetapi, kalau daripada segi logiknya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu buat. Kalau kita siapkan kapal mengikut apa yang ada ini, ia akan menjadi kapal yang termahal dalam dunia. Jadi, kita kena *spread* kita punya *infra*, kos kita. Kita perlu siapkan lima. Kalau adapun tambahan, jika adapun tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ia akan *minimal*. Kalau kita buat dua, RM9 bilion, ia jadi sebuah kapal RM4.5 bilion; menjadi kapal yang paling mahal dalam dunia.

Akan tetapi, kalau kita siapkan, tambah lagi tiga atau dua buah, ia akan – Kos *infra* ataupun kos pembinaan itu kita *spread*-kan. Ia tidak lari sangat; kita sudah buat *calculation*, ia tidak jauh sangat lari. Kalau di Egypt, mereka membina LCS dari Türkiye, RM1.8 bilion. Pakistan juga membina LCS mereka, RM1.8 bilion.

Kita kalau bina lima, tambah sedikit kos, saya tidak tahu berapa. Ia akan menjadi kurang, Tuan Yang di-Pertua. Ia akan menjadi RM2 bilion lebih; RM2.2 hingga RM2.4 bilion.. Jadi, kita boleh kurangkan kos daripada segi itu, daripada kita meneruskan dan tanpa kita tambah kos yang saya tidak tahu, sama ada kelulusan dapat ataupun tidak.

Ia akan menjadi kapal itu mahal. Kita sudah bajet, kita sudah guna RM6 bilion tetapi itu beli enjin-enjin, Tuan Yang di-Pertua, ada barangnya.. Ada barang, bukan kata tidak ada barang; *shaft*-nya, *gearbox*-nya, enjinnya. Semua ada dalam stor ya. Semua orang sudah tengok sudah ya.

Akan tetapi, kalau kita menyiapkan dua buah sahaja, ia tidak masuk, orang kata tidak logik untuk kita melakukan, menyiapkan dua buah sahaja ya. Lebih baik kita menambah sedikit untuk kita *spread the infra cost*, *spread the building cost*, pembinaannya.

Jadi, itu sebabnya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang lalu telah pun memperakukan dan meluluskan supaya kita membina lima buah tetapi ia punya tambahan itu terpulang kepada Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan datang. Kalau Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan datang katakan buat yang ada ini dahulu, yang RM3 bilion itu, kita buat. Kita akan buat, kita akan akur.

Akan tetapi, *recommendations* ataupun pertimbangan kita, perakuan kita daripada Kementerian Pertahanan adalah supaya kita menyiapkan apa yang telah kita bina ya, yang lima buah itu dan barang-barang yang telah kita beli. Sekarang, barangnya sudah ada, Tuan Yang di-Pertua. Cuma kalau boleh, menambah sedikit sahaja.

Ia akan menjadi kekuatan pertahanan negara kita. Kita akan dapat banyak kapal dan kos pembinaannya akan kita kurangkan kerana banyak kapal yang kita bina dengan

menambah sedikit, daripada kita terlampau *rigid* sangat, buat sahaja apa yang ada, peruntukan *balance* bajet yang ada, siling yang ada ini, ia akan menjadikan kapal itu kapal termahal di dunia, Tuan Yang di-Pertua. *The whole world*, seluruh dunia akan ketawakan kita.

So, cukup-cukuplah Malaysia ini sudah jadi bahan ketawa orang, supaya kita buat yang betul, yang penting seperti yang saya sebutkan tadi. Kami Kementerian Pertahanan tidak akan mahu melihat keupayaan pertahanan negara kita diperlekehkan *dek* kawan dan lawan. Itu sahaja.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Saya ingin mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Kelewatan tadi yang pertama disebut puncanya ialah kerana ditangguhkan dalam tahun 2019. Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, tahun 2019 itu pada bulan April, sepatutnya sebuah kapal sudah berlayar. Belayar, bukannya tengah buat. Belayar.

Jadi, kelewatan itu memang berlaku y, dan banyak punca yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu benar belaka kerana dalam PAC yang saya menganggotainya, isu ini telah dibincangkan hampir dua tahun dan kita telah mengeluarkan kenyataan.

Cuma persoalannya, jika lima buah kapal sahaja yang siap. Yang dirancang enam buah. Ertinya, yang dirancang dalam pemikiran tentera laut ialah suatu pasukan pertahanan dengan enam buah kapal. Adakah dengan hanya tinggal lima buah dan kapal pula terlewat empat, lima tahun, ia menjejaskan perancangan pertahanan di maritim kita? Adakah jawapan Menteri yang lepas tentang tambahan tiga buah LMS ini dapat memberikan harapan bahawa kekurangan satu itu dapat ditampung oleh LMS yang saya rasa jauh perbezaan peranannya daripada LCS ini? Terima kasih.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kapal yang dibina itu merupakan keputusan Jemaah Menteri yang lalu. Empat keputusan Jemaah Menteri semuanya kepada lima buah sahaja. Kalau kita hendak buat, kita perlu menambah duit yang lebih banyak sebab lima buah ini adalah disebabkan oleh enjin-enjin, set-set kelengkapan untuk membina kapal semua sudah dibeli. Enjin untuk kapal kelima itu semua sudah ada tetapi kapal keenam belum dibeli ya. *Gearbox* sudah ada, *shaft*-nya sudah ada, *propeller* sudah ada ya.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua ialah kita perlu melakukan – Sebab ada pertukaran *design*, sebab daya *combatant* itu kita tukar beberapa jenis peluru berpandu. Kita hendak supaya *uniformity* ataupun nanti LMS dengan LCS kita ini menggunakan daya *combatant* yang sama. Jangan pula kita samakan daya *combatant* ataupun LMS yang sedia ada ini,

batch pertama, sekarang ini *batch* kedua yang tiga buah itu. Ia lain. LMS yang *batch* kedua ini ia hampir sama keupayaan *combatant*-nya dengan LCS.

■1030

Cuma ia tidak ada *surface to sub*. LMS baharu ini *batch* dua ini Tuan Yang di-Pertua *surface to surface*, *surface to air* ada dan yang lain-lain. Bahkan kita mempunyai *option* iaitu *vertical launching missile* daripada – itu sebabnya kita kalau biasanya LMS ini 90 meter sahaja. Kita akan memesan dan kita telah pun membuat spesifikasi kita 99 ke-110 meter. Kita tengok macam mana, sebagaimana kita hendak meletakkan sama ada kita ada *option* untuk kita buat *vertical launching* punya roket daripada *surface to air* Tuan Yang di-Pertua, di belakang dan siap untuk kita punya *helicopter landing* dan yang lain-lain. Itu LMS.

Berkenaan dengan isu dibawa oleh Yang Berhormat Dr. Mohd Hatta, lima dengan enam itu, lima pun okey Tuan Yang di-Pertua tetapi *idealy* dahulu ia katakan hendak letak tiga di medan timur, tiga di medan barat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terpulang kepada seperti yang saya sebut baharu-baharu ini. Kita pula sedang meneliti kita punya dasar ataupun kita punya filosofi pertahanan negara di mana apakah dia? Filosofi kita ialah berasaskan kepada *threat*, kepada ancaman. Ancaman ia apa dan dari mana?

Jadi, di situ nanti kita akan pertimbangkan kerana sekarang ini berat sebelah sikit, kita punya Medan Barat kita. Dulunya satu sahaja. Tidak ada Medan Barat, Medan Timur. Dahulu di timur ini semua *support services*, sekarang ini Medan Timur itu menjadi lebih penting kalau daripada segi keupayaan ketenteraan Tentera Laut kita kerana di situ kita perlu menjaga kedaulatan perairan negara Tuan Yang di-Pertua. Hari-hari orang duduk di situ Tuan Yang di-Pertua dan mengatakan ini tempat dia dan kita juga letakkan ini tempat kita. Hampir 30 peratus kita punya GDP kita dari sana.

Jadi, apakah kita hendak melelapkan mata? Apakah kita tidak berbuat apa-apa? Jadi, ini falsafah baharu kita supaya medan timur ini juga diperkasakan dan sama keupayaannya dengan Medan Barat, perlahan-lahanlah. Oleh sebab itu saya katakan itu hari kita sekarang ini dalam proses *capacity building* Tuan Yang di-Pertua, terutamanya khusus untuk kita memperkasakan medan timur kita itu. Medan Timur tidak boleh lagi berharap pada Medan Barat.

Jika apa-apa berlaku, kita punya *deployment of asset* mengambil empat lima hari itu pun paling cepat. Jadi, adakah kita mahu terus mempunyai falsafah pertahanan negara begitu dengan kita menjangkakan bahawa ancaman lebih di medan timur. Jadi Tuan Yang di-Pertua itu sebab kita minta kerajaan supaya diluluskan LMS ini segera dan ia mempunyai keupayaan yang sama walaupun ia tidak ada *surface to sub* sahaja punya keupayaan, yang lain-lain okey dan ia tangkas dan ia lincah dan mempunyai keupayaan *maneuver* yang lebih baik Tuan Yang di-Pertua.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan.

Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan: Tuan Yang di-Pertua, kita bagi kepada perempuan.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Boleh saya tanya Tuan Yang di-Pertua? Tadi tidak dapat.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu soalan pertama sudah 30 minit.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Yang Berhormat Menteri kita tidak sempat lagi jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tak boleh. Tak boleh Tuan Yang di-Pertua, macam mana keputusan? Sahabat, sahabat juga memang sahabat saya pun.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tidak boleh, mana boleh. Pengerusi sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Paling kurang kita hendak habis sepuluh soalan. Kita ada satu jam setengah lagi satu jam lagi. Satu soalan sudah 30 minit ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

2. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, apa strategi kerajaan dalam usaha guna semula bateri kereta elektrik apabila mencapai akhir hayat berguna memandangkan litium merupakan bahan yang amat toksik kepada manusia dan memudaratkan alam sekitar jika dibuang begitu sahaja.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman bateri kereta elektrik yang mengandungi litium telah dikelaskan di bawah kod SW103 di bawah jadual pertama Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sehubungan itu pelupusan akhir atau penggunaan semula bateri kereta elektrik perlu mematuhi perundangan di bawah Akta 127 (AKAS) tersebut. Di Malaysia kini terdapat tiga buah fasiliti kemudahan perolehan kembali luar tapak bagi kod SW103.

Pada masa ini teknologi ini yang wujud di Malaysia hanyalah sehingga proses prarawatan ataupun *pretreatment* dengan izin iaitu pengasingan logam oksida secara fizikal. Hasil logam oksida ini akan terus dieksport keluar negara yang mempunyai kemudahan

berkaitan bagi proses selanjutnya iaitu proses *hydro-meteorologi* di mana tujuh produk aktif akan dihasilkan seperti berikut:

- (i) kobalt sulfat;
- (ii) nikel sulfat;
- (iii) litium fosfat;
- (iv) litium karbonat;
- (v) mangan sulfat;
- (vi) logam nikel; dan
- (vii) logam kuprum.

Di bawah akta 127, mana-mana pihak yang hendak menjalankan aktiviti pemerolehan kembali ke luar tapak perlu mematuhi perundangan seperti berikut:

- (i) mengemukakan laporan EIA di bawah seksyen 34A Akta 127;
- (ii) mendapat kebenaran bertulis di bawah seksyen 19 Akta 127; dan
- (iii) mempunyai lesen di bawah seksyen 18 Akta 127.

Selain daripada itu, di bawah seksyen 18 Akta 127, mana-mana individu yang menjalankan operasi tanpa lesen, maka menjadi satu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM50,000 ataupun penjara selama tempoh tidak lebih dua tahun ataupun kedua-duanya.

Bagi peraturan seksyen 34B akta yang sama, larangan terhadap penempatan dan peletakan buangan terjadual mana-mana individu yang melanggar pengurusan buangan terjadual sekiranya disabitkan kesalahan, hendaklah dihukum penjara selama tidak lebih lima tahun dan denda tidak lebih RM500,000. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, jawapan yang lengkap dan cepat. Soalan tambahan saya ialah bolehkah Menteri terangkan, apakah langkah-langkah diambil oleh kementerian dalam mengawal selia buangan terjadual?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian, melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa menjalankan pengawalseliaan buangan terjadual dengan menekankan dua kaedah utama seperti berikut:

- (i) kawalan kepada pelesenan premis yang menjalankan urusan buangan terjadual; dan
- (ii) kawalan pengimportan dan pengeksportan;

Antara inisiatif di bawah pelesenan premis adalah seperti berikut:

- (i) semua premis yang dilesenkan perlu memastikan buangan yang diterima memenuhi *waste acceptance criteria* (WAC) dengan izin untuk diolah dan dilupuskan; dan
- (ii) memperkemaskan pelaksanaan program pemantauan dan penguatkuasaan pengurusan buangan terjadual melalui elektronik *Electronic Scheduled Waste Information Systems* dengan izin dan memastikan kedua-dua *waste generator industry* dan *waste receiver* perlu mempunyai orang yang berwibawa ataupun *competent person*.

Daripada segi pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual, antara langkah utama daripada kementerian dalam memastikan pengurusan buangan terjadual merentas sempadan adalah seperti berikut.

Semua pergerakan merentasi sempadan buangan terjadual adalah tertakluk kepada prosedur *prior and informed consent* di bawah *Basel Convention* di peringkat antarabangsa dan mana-mana pihak yang berhasrat untuk mengimport, mengeksport ataupun transit buangan berbahaya ataupun buangan terjadual hendaklah mendapat kelulusan bertulis di bawah seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan telah diberikan. Saya hendak tanya pandangan daripada Timbalan Menteri ialah mengenai satu...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Sorry. Mengenai ucapan daripada CEO (MARii) iaitu *Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute* iaitu satu agensi kerajaan mengatakan Malaysia akan menjadi hab pengeluar bateri *iron lithium* itu. Minta pandangan daripada Menteri, terima kasih. Oleh sebab kita tahu bahawa bahan mentah litium itu dari China, dari Chile, dari Australia.

■1040

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih atas pertanyaan tambahan yang diberi oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman, MARii ini sebenarnya, daripada segi *governance* bukan di bawah NRECC, tetapi apa yang saya boleh katakan, kita merasakan memang dunia bergerak ke arah peralihan kepada *electrification*, dengan izin. Banyak negara telah meletakkan sasaran untuk menamatkan *internal combustion engine* dan menggunakan kenderaan elektrik. Ini

termasuk, bukan hanya- ramai yang mengatakan ini kenderaan mewah TESLA, tetapi sekarang sudah ada BYB 130,000. Malah, akan ada lori, trak dan sebagainya.

Jadi, dalam hal itu, kita hendak memainkan peranan sebab Malaysia mempunyai industri automotif yang kompetitif dan kita merasakan sudah pun ada pemasangan-pemasangan kereta elektrik di negara kita oleh pelabur-pelabur luar. Jadi, kita berharap kita dapat memainkan peranan. Akan tetapi saya juga tahu antara perkara yang perlu dipantau ialah soal apa yang terjadi.

Di peringkat kerajaan juga, kita sedang melihat tentang soal bila *end of life* kenderaan tersebut. Bagaimanakah hendak diuruskan? Jadi, ini sedang diusahakan melibatkan pelbagai agensi dan kita hendak memastikan dalam masa yang terdekat, kita ada proses. Bukan macam hari inilah, kita tengok kenderaan ditinggalkan begitu sahaja dan sebagainya atau pun dieksport tetapi kita hendak ada proses yang lebih teratur untuk memastikan keselamatan dan juga untuk alam sekitar kita.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan satu lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, adakah kementerian akan ada menjalankan kajian mengenai penggunaan bateri- *solid state* pada masa hadapan yang lebih mesra alam berbanding bateri kereta yang lain yang mampu menampung lebih banyak tenaga, memanjangkan jarak perjalanan, mengurangkan berat serta mengurangkan risiko kebakaran? Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Di peringkat kita, kita memang terbuka untuk memastikan penggunaan teknologi yang terbaik daripada segi bateri. Kalau hari ini, usaha guna semula bateri kenderaan elektrik yang ada pada hari ini, melibatkan- minta maaf. Ini tentang penggunaan teknologi bateri yang terbaharu. Jadi, tentang penggunaan teknologi bateri yang terbaharu, kita memang mengalu-alukan. Akan tetapi macam yang saya katalah daripada segi EV ini, *leading agency*-nya sebenarnya ialah MITI.

Akan tetapi, kalau bercakap tentang soal dasar secara luas alam sekitar, itu di bawah NRECC. Tentang soal pelupusan bateri dan sebagainya, itu di bawah NRECC. Akan tetapi memang kita hendak memastikan kita dapat melaksanakan *electrification* ini. Akan tetapi pada masa yang sama, ketika kita tidak menggunakan bahan api fosil dan sebagainya, tidak memberikan kesan yang lebih teruk kepada alam sekitar dalam aspek yang lain. *That's the main principle*, tetapi secara spesifik, mungkin kita akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

3. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan, apa langkah-langkah yang diambil oleh pihak Tabung Haji bagi menampung kos subsidi Haji yang ditanggung oleh mereka bagi memastikan agensi ini mampu beroperasi untuk jangka masa panjang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, subsidi haji merupakan bantuan kewangan kepada jemaah haji yang dibiayai sepenuhnya oleh Tabung Haji melalui pendapatan pelaburannya. Melalui bantuan kewangan haji tersebut, Tabung Haji membiayai sebahagian besar daripada kos menunaikan haji untuk jemaah muassasah yang menunaikan haji buat pertama kali sahaja.

Bagi tahun 2022, Tabung Haji telah mula melaksanakan mekanisme bantuan kewangan haji secara bersasar, di mana bayaran haji jemaah muassasah dalam kumpulan B40 telah dinaikkan kepada RM10,980 seorang. Manakala, bagi kumpulan bukan B40, bayaran haji telah dinaikkan kepada RM12,980 seorang, berbanding RM9,980 sebelum ini.

Berdasarkan kos menunaikan haji berjumlah RM28,632 seorang, Tabung Haji masih membiayai di antara 55 peratus sehingga 62 peratus daripada kos haji jemaah muassasah untuk tahun lepas, yakni tahun 2022. Tabung Haji menjangkakan jumlah kos haji untuk jemaah haji muassasah akan meningkat pada tahun ini sehingga RM30,850 pada tahun ini.

Mekanisme bantuan kewangan haji secara bersasar untuk musim haji 2023 Masihi dan tahun-tahun berikutnya, *insya-Allah* akan diteruskan oleh Tabung Haji dengan mengambil kira tahap kemampuan seseorang. Seperti mana yang kita sedia maklum, ibadah haji merupakan Rukun Islam kelima dan ia diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan seperti mana yang disebut di dalam Al-Quran, Surah Ali 'Imran ayat ke-97, di mana salah satu daripada syarat kemampuan iaitu kemampuan untuk membiayai kos menunaikan ibadah haji yang kita- semua maklum makin meningkat disebabkan inflasi dan peningkatan kos-kos di Tanah Suci.

Tabung Haji juga sentiasa menjelaskan konsep *istito'ah*, iaitu kemampuan mengerjakan haji daripada segi kewangan, kesihatan, keselamatan dan kebenaran pihak berkuasa. Tabung Haji menekankan bahawa merupakan tanggungjawab jemaah haji sepenuhnya untuk membayar perbelanjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelestarian dan kemapanan Tabung Haji menjadi keutamaan Institusi Haji Negara, selaras dengan tanggungjawabnya kepada bakal-

bakal jemaah haji Malaysia dan telah dijadikan objektif utama Pelan Transformasi Strategik 2022-2024, iaitu pelan 3 tahun yang dinamakan sebagai Hijrah 24, di mana Hijrah 24 ini bertujuan untuk meneruskan pengukuhan Tabung Haji selaras dengan mandat penubuhannya untuk menguruskan simpanan umat Islam yang mahu menunaikan ibadat haji.

Namun, sejak 2001, Tabung Haji telah memberikan Bantuan Kewangan Haji yang kita sebut sebagai HAFIS. Daripada keuntungan aktiviti pelaburan dana pendeposit di mana kini HAFIS yang ditanggung berjumlah lebih RM400 juta setahun, dan jumlah terkumpul dari tahun 2001 hingga 2022 telah pun melebihi RM2 bilion.

Bantuan kewangan haji ini dibiayai oleh pendeposit Tabung Haji secara bersama melalui sumber pendapatan pelaburan dana pendeposit yang dijana Tabung Haji. Bantuan ini juga akan memberi kesan kepada agihan keuntungan Tabung Haji kerana kedua-duanya datang dari tabung yang sama.

Apabila Tabung Haji menyalurkan lebih banyak keuntungan daripada pelaburannya sebagai bantuan kewangan haji, maka jumlah keuntungan yang boleh diagihkan kepada pendeposit akan berkurangan. Daripada segi keupayaan untuk menampung bantuan kewangan haji pula, Tabung Haji akan memastikan dana pendeposit yang kini mencecah RM87 bilion pada tahun 2022 dilaburkan dengan baik dan berupaya menjana pendapatan yang berdaya saing. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk mengkaji semula tempoh masa ibadah haji dan menawarkan pakej haji dengan tempoh masa yang lebih singkat untuk mengurangkan kos ibadah haji ini?

Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin atas soalan yang baik ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos-kos langsung untuk menunaikan haji melibatkan tiket penerbangan, penginapan, sajian makanan, pengangkutan bas serta pelbagai perkhidmatan semasa jemaah haji berada di Arab Saudi. Peningkatan kos untuk menunaikan ibadah haji bagi jemaah Malaysia merupakan isu yang sering dibahaskan saban tahun.

Setiap tahun hampir 3 juta orang umat Islam akan menunaikan ibadah haji. Hal ini menimbulkan keadaan pergerakan serentak serta suasana pembekalan dan permintaan, dengan izin, *supply and demand* yang tidak seimbang.

■1050

Bagi pakej jemaah haji muassasah dikendalikan oleh Lembaga Tabung Haji, tempoh mereka berada di tanah suci adalah antara 40 hingga 45 hari. Tempoh ini mengambil kira jadual penerbangan *charter* yang diluluskan oleh pihak berkuasa Arab Saudi.

Secara amnya, dengan memendekkan tempoh pakej muassasah ini bermakna jemaah haji yang akan ke Arab Saudi akan mula menginap di Mekah dan Madinah semasa waktu kemuncak di mana harga tiket penerbangan dan sewaan bangunan adalah amat tinggi.

Tabung Haji telah berusaha untuk mengawal peningkatan kos ini dengan memeterai beberapa perjanjian kontrak jangka panjang untuk penerbangan, penginapan, sajian makanan dan beberapa perkhidmatan di Arab Saudi. Dengan cara ini harga dapat ditetapkan untuk satu tempoh masa dan tidak dinaikkan setiap tahun.

Dengan lain perkataan Tuan Yang di-Pertua, tempoh masa yang begitu panjang buat masa ini antara 40 hingga 45 hari. Ini adalah berdasarkan kepada kontrak jangka panjang, ini sebahagian daripada usaha yang dibuat oleh Tabung Haji dengan pemilik-pemilik hotel di Arab Saudi sana. Jadi, maknanya dengan tempoh yang begitu panjang tadi itu dan membolehkan kos tadi itu untuk dikawal.

Walau bagaimanapun, sekiranya tempoh masa tadi itu dipendekkan maka tempoh masa yang akan ditetapkan tadi itu akan berlaku pada waktu ketika kemuncak haji. Yakni berlaku hampir 10 hari masa haji itu untuk dilakukan. Ketika itu, berlaku peningkatan yang sangat tinggi ke atas kos hotel yang bakal didiami oleh jemaah haji di situ.

Maknanya, kalau kita buat pengiraan Yang Berhormat Senator, antara tempoh masa yang begitu panjang dengan yang pendek tadi itu, kosnya itu akan lebih kurang sama sahaja. Walau bagaimanapun, pihak Tabung Haji, usaha-usaha dan cadangan Yang Berhormat Senator sebutkan tadi itu akan kita bawa dalam bengkel untuk kajian yang lebih lanjut dan mendalam termasuk juga cadangan-cadangan yang lain untuk kita lihat bagaimana satu mekanisme yang terbaik untuk kita pastikan kos yang akan ditanggung oleh jemaah muassasah tadi itu akan dapat dikurangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, seperti yang kita sedia maklum melalui operasi perniagaan Tabung Haji, mereka terpaksa memberi subsidi sekitar RM450 juta setahun untuk membolehkan ramai jemaah haji Malaysia menunaikan fardu haji dengan kos yang munasabah.

Cuma daripada jenis-jenis operasi Tabung Haji sekarang yang kita lihat ada sedikit masalah dalam dua hingga tiga tahun kebelakangan ini. Apakah jaminan kerajaan untuk memastikan bahawa harga ini dapat dikawal sekitar bawah RM15 ribu dalam tempoh lima

tahun lagi? Berdasarkan kepada operasi perniagaan Tabung Haji sekarang ini, kemampuan mereka untuk menampung kerana saya mendekati perniagaan Tabung Haji secara dekat sekarang ini.

Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan atas keprihatinan tersebut. Saya rasa dalam konteks perniagaan ataupun pelaburan yang dijalankan oleh Tabung Haji. Saya percaya pihak pengurusan, lembaga pengarah dan juga jawatankuasa pelaburan Tabung Haji akan memastikan perniagaan-perniagaan yang dijalankan sudah tentu memberikan keuntungan bagi menampung operasi Tabung Haji dalam memberikan subsidi dan juga memastikan dividen yang bakal diberikan kepada pendeposit-pendeposit Tabung Haji ini agak baik. Jadi, saya rasa itu jaminan yang kita akan pastikan.

Dalam konteks yang sama juga, pihak Tabung Haji akan terus untuk memastikan kelestarian Tabung Haji dan bantuan kewangan ini, yang saya sebutkan tadi, satu bentuk jaminan yang saya akan minta kepada lembaga pengarah dan juga jawatankuasa pelaburan untuk memastikan supaya- yang saya sebut tadi, untuk pastikan dividen dan juga pengoperasian Tabung Haji ini berjalan dengan baik.

Selain daripada itu, seperti mana yang disebut Yang Berhormat Senator berkaitan dengan bantuan kewangan Hafiz yang secara bersasar tadi. Ini juga akan kita teruskan untuk memastikan supaya kita dapat mengimbangi antara prinsip *Istitho'ah* tadi itu yang menjadi asas kepada kewajipan haji tersebut. Pihak Tabung Haji telah melakukan usaha untuk memberikan penerangan dan penjelasan kepada jemaah haji yang ingin menunaikan haji untuk mengambil pendekatan supaya hanya mereka yang diasaskan kepada kemampuan *Istitho'ah* tadi yang diwajibkan untuk melakukan.

Kita ada kes Yang Berhormat Senator, di mana mereka yang dalam kalangan, saya difahamkan dalam kalangan B40. Walaupun Tabung Haji telah menyatakan akan membantu sebanyak 62 peratus sumbangan akan diberikan tetapi atas dasar mereka ini merasakan bahawa mereka telah ada duit dan ada kemampuan sejumlah wang yang telah dikumpulkan. Maka mereka mengambil pendekatan untuk tidak mengambil subsidi tersebut dan menjelaskan bayaran sepenuhnya.

Jadi ini Yang Berhormat, yang saya sebutkan tadi itu sebahagian daripada usaha yang dibuat oleh Tabung Haji untuk memastikan asas kepada kewajipan untuk menunaikan haji itu benar-benar difahami oleh jemaah haji.

So, dengan cara itu kita pastikan pengoperasian serta pelaburan dana Tabung Haji dan juga pemahaman rakyat berkaitan tentang kewajipan, kemampuan tadi untuk melakukan haji, *insya-Allah* kita akan dapat memastikan bahawa Tabung Haji akan beroperasi dengan baik. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) atas jawapan-jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

4. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar PEPs iaitu *Politically Exposed Person*, dan apa kesan jika Malaysia tidak melaksanakan polisi ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh atas soalan tentang PEPs atau, dengan izin, *Politically Exposed Person*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, individu yang mempunyai pengaruh politik ataupun, dengan izin, sekali lagi *Politically Exposed Person* (PEPs) merujuk kepada ahli politik, individu yang sedang atau telah diamanahkan dengan fungsi awam utama sesebuah negara dan juga individu yang sedang atau telah diamanahkan dengan fungsi utama organisasi antarabangsa.

Bagi pelanggan yang berisiko tinggi termasuk PEPs, institusi-institusi perbankan kita perlu melakukan usaha wajar pelanggan yang dipertingkatkan ataupun, dengan izin, *enhanced customer due diligence* (ECDD). Pelaksanaan ECDD ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan kefahaman secara menyeluruh tentang pelanggan tersebut dan seterusnya memelihara sektor kewangan negara daripada sebarang risiko aktiviti jenayah kewangan.

Langkah-langkah ini adalah sebenarnya bersifat pencegahan dan tidak harus seperti yang kebiasaannya dipandang, tidak harus ditafsirkan sebagai persepsi negatif ke atas PEPs. Saya sedar ramai ataupun semua di kalangan kita ini mungkin termasuk dalam kategori PEPs.

Keperluan melaksanakan ECDD ini diwujudkan berdasarkan piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh *Financial Action Task Force* (FATF). FATF adalah sebuah badan antarabangsa yang menetapkan piawaian yang perlu dipatuhi oleh semua bank sama ada dalam ataupun luar negara.

Sebarang keputusan FATF tentang ketidakpatuhan terhadap piawaian yang telah digariskan boleh membawa kesan yang negatif termasuk penyenaraian hitam negara kita atau negara tersebut. Di Malaysia khususnya keperluan ini ditetapkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) [Akta 613] serta perundangan subsidiarinya termasuk dokumen dasar *Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions*.

■1100

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pematuhan Malaysia kepada piawaian antarabangsa tertakluk kepada penilaian bersama oleh ahli-ahli FATF. Negara terdedah dengan risiko penarafan yang tidak memuaskan sekiranya institusi kewangan tidak telus melaksanakan polisi atau dasar berkaitan PEP ini. Antara lain, penilaian negatif ke atas negara akan mengakibatkan kesan serius kepada urusan perbankan. Contoh, rakyat Malaysia dan syarikat yang ditubuhkan di Malaysia akan dikenakan tahap penelitian atau pemantauan yang lebih ketat apabila berurusan dengan pihak luar negara dan ini sudah tentu akan menyukarkan pembukaan akaun serta membuat transaksi kewangan antara sempadan.

Walau bagaimanapun, pihak Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus mengadakan perbincangan dengan institusi perbankan dari semasa ke semasa untuk menambah baik proses dalaman dan prosedur berkenaan PEP. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada beberapa soalan tambahan.

Pertamanya, dasar PEP ini dilaksanakan ekoran dalam 10, 12 tahun kebelakangan ini. Ia bermula daripada 9/11 punya insiden. Jadi antara penyebabnya ialah kononnya kita ini sebagai ahli politik merupakan ancaman. Timbalan Menteri pun kata, tambah risiko. Apakah risiko kita ini? Kita ini *terrorist* kah?

Anyway, soalan tambahan saya ialah apakah faedah dengan pelaksanaan dasar ini dan ada tidak contoh-contoh dengan adanya dasar seperti ini, kita atau kerajaan dapat membanteras kegiatan *terrorist*, kegiatan keganasan yang telah cuba dilakukan melalui *financial instrument* ataupun *financial transaction*? Pernah adakah ataupun sudah berjaya atau tidak? Kalau tidak ada, apakah maknanya kita laksanakan dasar ini? Ia menyusahkan kita. Maknanya kita- semua ini adalah ditakrifkan sebagai orang yang berisiko untuk menjadi penjenayah ataupun pengganas. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa risikonya bukan sahaja terhadap kegiatan keganasan, tetapi PEP ini sebagai individu-individu yang diberi amanah ke atas urusan tadbir dan fungsi awam utama negara dipantau daripada segi pencegahan. Seperti saya katakan tadi, ini bukan satu perbuatan atau dasar yang mendatangkan persepsi negatif kepada PEP tetapi sebab mereka diberikan kuasa ke atas fungsi awam negara atau fungsi awam organisasi-organisasi antarabangsa, maka pemantauan ataupun *enhanced customer due diligence* (ECDD) yang saya sebut tadi dilakukan untuk memastikan ada ketelusan daripada segi menjalankan amanah tersebut.

Bagi soalan tentang statistik-statistik, mungkin ia lebih kepada KDN tentang adakah kes-kes yang lampau ini, berapa banyak melibatkan PEP. Akan tetapi, apa yang saya boleh katakan- mengikut satu laporan oleh Bank Negara, Laporan *Risk Assessment* yang telah diterbitkan oleh Bank Negara, memang sah bahawa dalam aktiviti-aktiviti jenayah kewangan, ada penglibatan PEP. Sekian, terima kasih.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Tuan Manolan

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa PEP ini adalah untuk *enhanced* sekuriti dan untuk orang politik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, mungkin menyusahkan sebenarnya untuk orang politik berurusan dengan bank kerana orang politik ini dianggap macam sesuatu yang mungkin tidak diperlukan oleh bank dan- tetapi okey.

Soalan saya, *politician*, mereka ada PEP di bank ini. Apakah bank juga telah mengadakan suatu kaedah untuk ada *tax something* untuk *fund* yang masuk dalam bank ini untuk kita mencegah seperti *money laundering* dan juga mereka mungkin tertakluk di bawah AMLA tadi? Oleh sebab, sebenarnya inilah penjenayah dalam perbankan ini di mana AMLA dan juga *money laundering* ini berleluasa dalam perbankan kita. Banyak kes seperti *Ah long* dan juga perpindahan wang daripada negara kita ke luar negara. Itu soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Sebenarnya seperti yang saya katakan tadi, ia bukan hanya merangkumi orang politik atau ahli politik tetapi definisinya ialah merujuk kepada individu yang sedang atau telah diamanahkan dengan fungsi awam utama sesebuah negara. Jadi, bukan hanya orang politik sahaja. Fungsi awam juga termasuk dengan bukan sahaja dalam negara tetapi organisasi antarabangsa.

Mungkin sebagai satu maklumat tambahan kepada Dewan yang mulia ini. Saya akan menyenaraikan beberapa langkah dan usaha wajar pelanggan yang dipertingkatkan ataupun ECDD, kenapa proses-proses tambahan ini mungkin boleh menyebabkan beberapa kesukaran dalam proses perbankan untuk PEP.

Contohnya, sekurang-kurangnya ECDD ini perlu merangkumi, satu, mendapatkan maklumat terperinci semasa...

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Mohon mencelah.

Tuan Sim Chee Keong: ...Menjalankan usaha wajar. Kedua, mendapatkan maklumat tambahan. Contohnya jumlah aset dan maklumat lain dari pangkalan data komersial atau...

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Biar Menteri menjawab dahulu

Tuan Sim Chee Keong: Ketiga, membuat pertanyaan tentang sumber kekayaan atau sumber dana. Dalam kes PEP, kedua-dua sumber mestilah diperoleh.

Keempatnya, mendapatkan kelulusan daripada pengurusan kanan institusi perbankan sebelum memulakan hubungan perniagaan dengan pelanggan tersebut.

Saya rasa bukan saya tidak mahu bagi pencelahan tetapi saya rasa ini tidak sesuai dengan Peraturan Mesyuarat. Terpulang kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Soalan tambahan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Roderick Wong

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Siapa dia, siapakah dia?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Roderick Wong.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Yang Berhormat Wong. Oh, *sorry*.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: *Thank you*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini saya ialah seorang pegawai bank. Jadi, bank-bank di negara kita ini sememangnya sangat sensitif kepada PEP yang Ahli-ahli Dewan inilah. Jadi, soalan saya ialah walaupun negara mempunyai dasar PEP ini, jadi adakah kawasan bebas cukai seperti Labuan boleh disalahgunakan dengan aktiviti jenayah yang melibatkan perbankan luar pesisir? Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Roderick Wong dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Penggunaan akaun luar pesisir ialah transaksi yang sebenarnya dibenarkan dan bukanlah satu kesalahan atau perbuatan yang menyalahi undang-undang ataupun menggambarkan penglibatan dalam mana-mana aktiviti jenayah. selagi ia tidak melibatkan transaksi dana daripada kegiatan jenayah. Aktiviti kewangan luar pesisir dikawal selia oleh *Labuan Financial Services Authority* ataupun Labuan FSA melalui penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010.

Pada tahun 2017, IBFC Labuan memulakan usaha untuk meletakkan kedudukannya sebagai bidang kuasa pertengahan pesisir- *so, instead of offshore*, ia sekarang jadi *midshore*, dengan izin, memandangkan usaha untuk mewujudkan ketelusan yang lebih besar dalam struktur dan tadbir urus serta pematuhannya terhadap peraturan antarabangsa seperti keperluan percukaian.

Institusi kewangan di Labuan perlu mematuhi keperluan penggubahan wang haram yang tertakluk dalam akta tersebut dan perundangan subsidiarinya. Entiti-entiti Labuan tertakluk kepada Garis Panduan Pencegahan Penggubahan Wang dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) yang mengehendaki ketelusan daripada segi maklumat peribadi pelanggan dalam melaksanakan proses usaha wajar pelanggan.

Sekiranya institusi kewangan mengesyaki sesuatu transaksi yang melibatkan hasil aktiviti haram, penggubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, institusi kewangan tersebut hendaklah membuat laporan transaksi yang mencurigakan kepada BNM. Ini membolehkan maklumat yang dikemukakan kepada agensi penguatkuasaan bagi membuat siasatan lanjut terhadap transaksi dan mana-mana orang yang terlibat dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya

■1110

Secara kesimpulannya, ada undang-undang termasuk usaha wajar pelanggan ataupun *customer due diligence*, waima perbankan di Labuan. Saya hendak akhiri jawapan saya, sebab kita semua berpotensi ditakrifkan sebagai PEP. Bank Negara Malaysia memang akan melihat dan menambah baik proses dalaman dari semasa ke semasa supaya kita boleh mengimbang antara kredibiliti sistem perbankan kita dan juga daya saing sistem perbankan tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Satu soalan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah. Silakan.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 5.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh mana perancangan bagi menggalakkan dan memastikan rakyat mampu untuk memiliki rumah berikutan daripada peningkatan harga kos rumah serta kos pinjaman dan apakah langkah kerajaan mengenai lambakan unit rumah yang tidak terjual semenjak kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Ada dua soalan. Pertama, berkaitan dengan untuk memastikan rakyat mampu untuk memiliki rumah. Kedua adalah berkaitan dengan soal lambakan unit rumah yang tidak terjual. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan harga rumah adalah terkawal, kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut.

Pertama, adalah dari sudut dasar iaitu Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan Dasar Rumah Mampu Milik. Melalui Dasar Rumah Mampu Milik ini kita telah tetapkan harga siling, harga untuk rumah mampu milik pada

RM300,000. Walau bagaimanapun, harga siling ini turut tertakluk kepada Dasar Perumahan di peringkat negeri.

Kedua, KPKT sedang melaksanakan Pemetaan Indeks Rumah Mampu Milik berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperoleh daripada tinjauan laporan *survey* pendapatan isi rumah dan kemudahan asas tahun 2019. Kaedah ini mengambil kira *median* pendapatan rakyat mengikut lokaliti berdasarkan kaedah gandaan median ataupun, dengan izin, *median multiple*. Pemetaan ini bertujuan sebagai panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi penetapan harga rumah jualan di satu-satu lokaliti.

Ketiga, kerajaan juga menggalakkan pemaju untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan- *feasibility study* sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual. Dalam prinsip ekonomi yang lestari ataupun paling optimum, produk yang dibekalkan ke pasaran seharusnya berdasarkan penawaran dan permintaan. Namun untuk rekod, bagi suku tahun keempat tahun 2022, terdapat sebanyak 27,746 unit rumah siap tidak terjual ataupun *overhang* dengan nilai RM18.41 bilion.

Antara faktor yang menyebabkan ketidaksepadanan ataupun *mismatch*, dengan izin, adalah disebabkan oleh keputusan perniagaan yang kurang tepat oleh pihak pemaju dalam perancangan pembangunan perumahan, harga rumah yang tinggi, mungkin ada syarat-syarat yang dikenakan, permintaan yang rendah serta penolakan pinjaman pembiayaan akhir oleh institusi perbankan.

Mengambil kira punca-punca ketidaksepadanan ini, bagi jangka masa pendek kerajaan akan melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) mengkaji dan melaksanakan analisis data lambakan tidak terjual bagi mengenal pasti penyelesaian yang bersesuaian;
- (ii) mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan; dan
- (iii) meneruskan insentif pembiayaan sedia ada untuk meningkatkan akses pembiayaan rumah serta pengecualian duti setem melalui i-Miliki.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Tan Sri.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah sekiranya kita lihat banyak pemaju perumahan membina rumah bagi meraih keuntungan tetapi tidak semua rumah-rumah yang dapat dijual dan menjadi usang yang terbengkalai. Apakah mekanisme yang terbaik untuk melaksanakan subsidi bersasar ini dan apakah halangan-halangan yang telah dikenal pasti oleh kementerian dalam membantu rakyat memiliki rumah pertama?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Daripada segi apa yang telah dibina oleh pemaju yang dianggap sebagai *overhang* atau tidak terjual ini sebenarnya memberi bebanan kepada sektor ataupun industri perumahan. Seperti yang saya sebut tadi, untuk jangka pendek itu masih melibatkan untuk menyelesaikan stok yang ada. Akan tetapi, perkara itu juga menjadi bebanan kerana isu *overhang* ini terus berlaku dari tahun ke tahun kerana tidak berlaku kesepadanan antara permintaan dan juga dengan bekalan yang diberikan.

Contohnya permintaan ini pula, ia bukan hanya sahaja soal kos harga tetapi juga dari segi lokasi, daripada segi kemudahan yang disediakan. Jadi sebab itu, daripada hanya terus membina kita sememangnya tengah ataupun sedang menggalakkan ke semua pemajuan ini perlu ada kajian untuk kebolehlaksanaan dulu. Jangan bina *and then* kemudian mengharapkan rumah tersebut boleh terjual. Akan tetapi bagi jangka masa panjang pula Tuan Yang di-Pertua, di bawah Belanjawan Madani 2023 ini KPKT telah diberikan peruntukan untuk membangunkan Pusat Data Perumahan sebagai sumber rujukan berpusat bagi data perumahan.

Ini kerana apa yang saya sebut tadi semua merupakan pemahaman kita tetapi daripada segi data sebenarnya masih banyak yang perlu kita pertingkatkan. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Razali.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Skim Rumah Pertamaku ini sebenarnya banyak insentif kepada rakyat. Jadi, soalan saya, adakah Skim Rumah Pertamaku sudah dimansuhkan pada 1 April ataupun diteruskan? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya telah nyatakan sebelum ini di dalam Dewan Negara, Skim Rumah Pertamaku memang sepatutnya sehingga hujung tahun lepas 30 Disember tetapi kita panjangkan sehingga 1 April itu untuk menyelesaikan perkara-perkara yang tertunggak. Namun, bagi peringkat kerajaan sebaliknya kita sekarang ini memfokuskan kepada untuk memperkasakan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

Kalau sebelum ini sebagai contoh, amaun ataupun nilai yang kita benarkan setiap tahun itu adalah sekitar RM2 bilion. Dalam belanjawan kali ini ditingkatkan ke RM5 bilion dan melalui skim jaminan ini ia menyasarkan kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap ataupun dalam kalangan mereka yang daripada pekerja *gig* ekonomi.

Cuma, kalau tengok juga daripada segi proses ini memang ternyata perlu ada proses yang lebih jelas, perlu ada *engagement* dengan pihak perbankan supaya sebagai contoh sekiranya ada mereka yang ingin membuat pinjaman, pergi kepada pihak bank. Jadi,

walaupun yang hendak memohon itu tidak ada pendapatan tetap, sebenarnya ada tawaran melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan ini dan pihak bank kena bagi kerjasamalah.

Ini kerana, tak perlu letakkan kuota hanya beberapa untuk setiap bank dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pendek sahaja. Soalan saya skim itu dimansuhkan ataupun tidak? Itu sahaja saya hendak tahu, dimansuhkan ataupun diteruskan. Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri dia pergi jauh.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Saya sudah jawab. Memang saya sudah sebut tadi, memang tidak ada tetapi kita perkasakan Skim Jaminan Kredit Perumahan. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan atas jawapan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Dato' Dr. Nelson.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf *ya because* banyak soalan saya diajukan kepada KPM. Soalan saya soalan nombor 6. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah kementerian akan mewajibkan semua guru pendidikan awal kanak-kanak mempunyai sekurang-kurangnya diploma dalam bidang tersebut; dan
- (b) adakah Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam bidang pengajian pendidikan awal kanak-kanak yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia diiktiraf bagi tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson. Seperti beliau tadi berucap, banyak soalan KPM.

■1120

Walau bagaimanapun, kita menyambut dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyasarkan semua guru yang mengajar di kelas prasekolah mempunyai kelayakan minimum sekurang-kurangnya diploma selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2016, telah bersetuju supaya KPM memberikan keutamaan kepada guru prasekolah yang mempunyai kelayakan akademik pada

tahap Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAKK). Selaras dengan hasrat ini, kenyataan media bertarikh 24 Ogos 2016 telah dikeluarkan oleh KPM bagi memaklumkan bahawa bermula tahun 2017, pengambilan guru baharu prasekolah oleh semua agensi pelaksana, perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan dengan mempunyai sekurang-kurangnya DPAKK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi memastikan lebih ramai guru di tadika swasta mempunyai kelayakan akademik minimum tersebut, KPM telah menawarkan Program Diploma Pendidikan (PDP) Prasekolah di Institut Pendidikan Guru Malaysia di seluruh negara kepada guru tadika swasta yang sedang berkhidmat. Kursus selama dua tahun ini dilaksanakan secara pembelajaran teradun- *blended learning* bagi memastikan perkhidmatan guru tersebut tidak terjejas sepanjang mengikuti program ini.

KPM turut mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk bersama-sama meneliti kandungan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) iaitu program pengajian kendalian jabatan tersebut. Antara perkara yang diteliti ialah kesesuaian kandungan pedagogi DKM untuk dipraktikkan di prasekolah KPM atau tadika swasta yang berdaftar dengan KPM. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kaedah yang digunakan oleh KPM bagi memastikan bahawa pendidikan prasekolah kerajaan dan swasta mematuhi standard kualiti yang ditetapkan? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. KPM sentiasa melaksanakan pemantauan terhadap peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru yang mengajar di prasekolah kerajaan dan juga di tadika swasta. "Tadika swasta" di sini merujuk kepada tadika yang berdaftar dengan KPM.

Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) dijadikan rujukan apabila pemantauan dilaksanakan agar guru-guru memenuhi keperluan tersebut. SKPK merangkumi aspek kualiti guru, pembantu guru, kualiti tadbir urus, kualiti kurikulum, kualiti penglibatan ibu bapa atau penjaga serta komuniti dan kualiti pemakanan dan kesihatan. Objektif SKPK adalah untuk mengukur amalan kualiti prasekolah dan menambah baik kualiti prasekolah. Sekian, terima kasih.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berapa ramai guru prasekolah KPM yang telah dan belum memiliki kelayakan minimum diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak?

Puan Lim Hui Ying: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kita ada antara 9,654 orang guru. Hanya ada seramai 8,954 orang guru daripada jumlah ini bersamaan dengan 92.75 peratus guru prasekolah bawah KPM mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK). Ini bermakna ada 7.25 peratus yang belum mempunyai diploma ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Lim Hui Ying atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

7. Datuk John Ambrose minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, apa penjelasan kerajaan berhubung Malaysia mengimport 30 peratus keperluan beras negara sedangkan Malaysia mempunyai 10 jelapang padi yang sepatutnya boleh menampung keperluan tersebut dan apakah punca kegagalan kita mencapai hasil yang maksima dalam pengeluaran padi negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Tuan Chan Foong Hin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawan saya, sahabat saya dari Penampang, jumlah pengeluaran beras negara bagi tahun 2021 sebanyak 2.44 juta tan metrik. Daripada jumlah tersebut, 1.76 juta tan metrik atau 72.1 peratus dikeluarkan oleh kawasan jelapang.

Daripada segi keperluan, purata keperluan tahunan beras bagi penduduk Malaysia adalah kira-kira sebanyak 2.5 juta tan metrik dan jumlah ini hanya mampu menampung sekitar 70 peratus sahaja keperluan domestik. Ketidakseimbangan antara pengeluaran dan permintaan ini ditampung melalui import beras dari luar negara terutamanya dari India, Pakistan, Thailand, Vietnam dan Myanmar.

Faktor cita rasa pengguna juga turut mendorong import beras, terutamanya bagi varieti beras yang tidak dihasilkan di Malaysia. Sementara berbagai-bagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, namun hasil pengeluaran masih belum lagi memberi pulangan yang maksimum. Terdapat beberapa faktor di luar kawalan yang menyebabkan kemerosotan di kawasan jelapang tersebut, antaranya ialah:

- (i) perubahan cuaca dan iklim yang mendadak. Taburan hujan yang berterusan akan menyebabkan banjir sekali gus ini akan menyebabkan kerosakan tanaman padi. Panas yang berpanjang juga akan menyebabkan kolam-kolam tadahan air kering. Ini akan menyebabkan salah satu faktor penurunan hasil padi;

- (ii) wabak penyakit. Jangkitan patogen kepada tanaman padi turut menyumbang kepada kemerosotan hasil padi. Justeru, kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia sentiasa memantau sekiranya berlaku serangan penyakit di kawasan tanaman padi; dan
- (iii) sekatan eksport input pertanian oleh negara luar. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan beberapa- pengeluar utama input pertanian telah membuat sekatan untuk penghantaran bahan mentah untuk pembuatan baja dan racun pada Malaysia yang menjejaskan pembekalan baja sampai kepada pesawah.

Bagi menjamin kelestarian pengeluaran padi berterusan, beberapa inisiatif telah dirangka oleh kerajaan bagi memastikan keterjaminan bekalan berterusan seperti:

- (i) melaksanakan *soil profiling* bagi mengenal pasti kandungan nutrien yang tersedia di dalam tanah dan membolehkan penggunaan baja dilaksanakan secara efisien mengikut kuantiti yang diperlukan oleh tanaman sahaja;
- (ii) menggalakkan pesawah menggunakan benih padi sah dan penggunaan varieti padi yang berkualiti, rintang penyakit serta mengeluarkan hasil yang tinggi;
- (iii) memperluas pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di kawasan jelapang dan terbaharu turut dilaksanakan di luar jelapang bagi meningkatkan pengeluaran hasil melalui pengurusan tanaman padi secara cekap dan sistematik; dan
- (iv) menggunakan kaedah penanaman secara moden seperti penggunaan dron bagi tujuan meracun, menggunakan jentera penanaman serta penuaian terkini dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk John Ambrose: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan begitu jelas sekali. Soalan tambahan saya ialah 10 buah jelapang padi sememangnya mampu untuk memberi jaminan kebergantungan kita terhadap keperluan beras sebagai makanan asasi harian.

Oleh hal yang demikian, apakah bentuk inovasi yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi memulihkan dan meningkatkan jumlah pengeluaran beras di seluruh negara?

Tuan Chan Foong Hin: Terima kasih atas soalan tambahan daripada sahabat saya. Untuk makluman, selain daripada program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), antara bentuk inovasi yang telah diambil oleh kerajaan dan juga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memulihkan dan meningkatkan jumlah pengeluaran beras adalah seperti berikut.

- (i) Menggalakkan penggunaan baja organik bagi tujuan merawat dan memulihkan tanah sawah sekali gus meningkatkan kesuburan tanah; dan
- (ii) meneruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan varieti baharu benih padi yang berpotensi dan berkualiti, berhasil tinggi serta rintang penyakit melalui kerjasama institusi penyelidikan di bawah kementerian serta institusi pendidikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam konteks Sabah, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menyatakan hasrat kita untuk membawa masuk benih padi MR297 dan MRQ74 ke Sabah.

Memandangkan Sabah ada hak autonomi untuk menentukan apakah jenis varieti benih padi yang boleh ditanam di Sabah, kita hendak membawa varieti yang baharu ini yang dihasilkan oleh MARDI sendiri di peringkat kementerian kerana varieti MR297 dapat menghasilkan purata hasil padi sehingga 10 tan metrik per hektar.

■1130

Manakala, *variety* MRQ74 ini *special rice* pula mempunyai potensi purata hasil sebanyak lima tan metrik per hektar. Kita harap dengan cara-cara yang inovasi yang tersebut kita dapat meningkatkan tahap sara diri SSL padi beras untuk Sabah dan juga untuk seluruh Malaysia.

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma, bercakap tentang keterjaminan makanan ini, tentang sawah ini, apakah pandangan pihak kerajaan atau pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk kita tengok satu- produk baharu iaitu tanaman padi huma ataupun tanaman padi bukit? Ada kemungkinankah ia dapat diperluaskan, dapat diberikan nafas baharu untuk kita hendak perbanyakkan bekalan beras kita dalam negara? Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Ya, untuk makluman Yang Berhormat Senator, untuk makluman Dewan Negara, sekarang padi huma atau padi bukit, kita sangat menitikberatkan penanaman ini di Sabah dan Sarawak. Ini kerana pada asalnya padi huma atau padi bukit ini merupakan padi yang dihasilkan dan dimakan sendiri. Dia bukan berbentuk komersil.

Sekarang kita, kerajaan melalui kementerian, kita menitikberatkan pembangunan padi huma dan juga padi bukit di Sabah dan Sarawak. Untuk Semenanjung, kita terbuka untuk

perbincangan supaya kita juga membawa penanaman padi huma dan padi bukit ini juga untuk Orang Asal, untuk Orang Asli di Semenanjung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih pada Yang Berhormat Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

8. Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apa tawaran dan peluang yang disediakan kementerian untuk membantu dan menggalakkan golongan belia memulakan perniagaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensi di bawahnya melaksanakan pelbagai program untuk membantu dan menggalakkan golongan belia untuk memulakan perniagaan. Pada tahun 2023, sebanyak RM5 juta telah diperuntukan kepada KUSKOP di bawah Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs*, dengan izin PROTEGE yang melibatkan sasaran penyertaan seramai 12,450 orang graduan. Program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, Program Latihan Intensif Dalam Talian Bagi Usahawan Generasi Baharu yang dipanggil N-GENE terbuka kepada graduan yang telah memulakan perniagaan kurang daripada lima tahun, di mana peserta akan melalui latihan keusahawanan secara dalam talian. Peserta yang terpilih akan menerima bimbingan daripada jurulatih perniagaan yang berpengalaman dan geran peningkatan perniagaan akan diberikan. Geran yang diberikan adalah sebanyak RM10,000 tahap maksimum.

Kedua, Program Usahawan Perantis ataupun dipanggil SPACE, ia merupakan program yang mempersiapkan mahasiswa yang berada pada tahun akhir sebagai usahawan melalui kursus komprehensif untuk modul peningkatan atau, dengan izin, *upskilling* bakat keusahawanan. Geran turut disalurkan kepada peserta yang layak bagi membantu peserta memulakan perniagaan. Maksudnya, perniagaan dengan cara lebih teratur ataupun secara formal.

Ketiga, program-program lain yang memberi pendedahan awal mengenai inisiatif kebolehpasaran dan keusahawanan iaitu Program Latihan Asas Keusahawanan yang dipanggil ETR101, Program Kembara Kerjaya dan Program Latihan Penempatan Kerjaya dan Keusahawanan bagi graduan TVET yang dipanggil GRACE.

Selain itu, agensi-agensi di bawah KUSKOP juga telah menyediakan pelbagai dana khusus dan latihan keusahawanan pada tahun 2023 bagi membantu usahawan belia untuk meneruskan kelangsungan perniagaan seperti berikut.

TEKUN Nasional telah menyediakan peruntukan khas sebanyak RM10 juta melalui Program TEKUN Niaga yang dijangka memberi manfaat kepada 1,000 orang usahawan belia. SME Corp memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi pelaksanaan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera yang dipanggil (TUBE) yang dijangka dapat memberi manfaat kepada 250 orang usahawan belia. Bank Rakyat pula menyediakan pelbagai program pembiayaan kepada usahawan belia antaranya:

- (i) Program Pembiayaan PMKS;
- (ii) Program Pembiayaan BR Flex-i; dan
- (iii) Program Bank Rakyat UNIprenuer.

PERNAS pula menyediakan Program *Business in Transformation* atau BIT yang memberi bimbingan dan latihan bagi membangunkan *pra-franchisor* ataupun *pre-franchisee*. Institut Keusahawanan Negara iaitu INSKEN juga menyediakan latihan keusahawanan kepada usahawan belia seperti Program Keusahawanan *Dropship* dan Ejen yang dipanggil DNA serta kursus asas keusahawanan bagi memberi peluang kepada golongan belia secara amnya untuk mempelajari asas perniagaan.

Bagi memastikan usahawan muda dapat memperkukuhkan perniagaan, pemantauan secara bimbingan dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP. Pemantauan berkala juga dilaksanakan menerusi bimbingan perniagaan, khidmat nasihat kaunselor perniagaan dan lawatan verifikasi ke premis perniagaan dalam tempoh pemantauan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Juhanis.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian terutamanya golongan belia yang mempunyai kelulusan graduan yang telah menerima geran dan juga latihan daripada kementerian berkenaan dengan pembangunan produk. Sejauh manakah kejayaan usahawan-usahawan belia graduan ini berjaya mengeluarkan hasil produk yang berdaya saing sama ada di peringkat negara ataupun di luar negara? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Tuan Yang di-Pertua, Program Usahawan Perantis (SPACE) yang merupakan program khusus untuk mahasiswa adalah kepada mereka yang telah mempunyai perniagaan, telah menceburi dalam perniagaan dan latihan dan bimbingan diberi untuk menukar daripada sekiranya perniagaan itu dilakukan secara tidak formal, dibantu untuk menjadikannya lebih formal ataupun untuk menjadikannya lebih teratur dan tersusun. Geran yang disalurkan kepada mereka adalah setelah mereka memberi satu Kertas Kerja untuk memperbaiki ataupun meningkatkan pengeluaran ataupun pengeluaran produk yang telah pun mula diusahakan oleh mahasiswa tersebut.

Berkenaan dengan berapa ramai yang telah mencapai kejayaan dalam usaha-usaha perniagaan ataupun usahawan mereka setelah mendapat geran. Butiran tersebut tidak berada bersama saya pada peringkat ini. Cuma, saya boleh memberi jaminan bahawa setelah mereka mendapat geran usaha KUSKOP adalah untuk terus membimbing mereka dan juga memantau perniagaan mereka dan juga sekiranya mereka memerlukan sebarang bantuan yang berterusan, KUSKOP juga menyediakan untuk meningkatkan mutu ataupun hasil penjualan mereka.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjelaskan bantuan usaha telah diberikan kepada belia. Soalan saya ialah, adakah kementerian mengadakan sebarang pendekatan rentas kementerian?

■1140

Maksudnya bincang dengan Menteri-Menteri yang lain, terutamanya Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Menteri Ekonomi, Menteri Perladangan dan Komoditi, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan Menteri Kewangan kerana ini adalah penting untuk memberikan lebih peluang dan latihan kepada orang muda. Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan persoalan sama ada kita telah mengadakan perbincangan rentas kementerian berpunca daripada fakta bahawa terdapat program-program yang dijalankan secara bertindih. Sebagai contoh, program keusahawanan yang dilakukan di bawah KUSKOP. Selain daripada program yang dijalankan oleh KUSKOP, ada juga program keusahawanan yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan juga oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Oleh yang demikian, pada minggu lepas atau beberapa hari sebelum ini, Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS telah mengadakan satu mesyuarat di mana satu pendekatan baharu telah disarankan di mana satu hala tuju baharu dicadangkan untuk dirangka supaya semua kementerian dapat menyalurkan dana dan juga tenaga supaya tiada sebarang pertindihan program-program yang dilangsungkan.

Majlis ini bercadang untuk bertemu sekali lagi pada bulan Ogos tahun ini untuk meneliti bagaimana kita boleh mengadakan satu kaedah di mana kita boleh adakan program-program yang tidak bertindih. Dengan itu untuk menjawab soalan tadi...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bukan yang program-program yang bertindih. Kita hendak mencadangkan memperbanyakkan lebih banyak latihan diberikan kepada orang muda. Oleh itu pendekatan rentas kementerian itu adalah penting. Bukan untuk pertindihan.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Okey, pada peringkat ini saya boleh katakan pada tahun 2022 sahaja, sebanyak 69 program telah diadakan di mana RM8.6 bilion- dana telah digunakan untuk seramai 452,504 orang penerima.

Maksudnya, pada peringkat ini kita ada bilangan program yang cukup. Hal yang menjadi cabaran adalah apabila ada program-program yang bertindih dilangsungkan oleh pelbagai kementerian. Apabila kita boleh ada seperti yang dicadangkan, perbincangan antara kementerian, kita boleh mengurangkan pertindihan dan dengan itu boleh memperbanyakkan lagi sasaran dan juga program. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah bagi pertanyaan dan jawab lisan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

11.44 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan ini sedia maklum, berbanding jenis kesalahan jenayah yang lain, jenayah seksual terhadap kanak-kanak merupakan satu bentuk kekejaman yang paling teruk dan terkutuk kerana ia boleh memberikan pelbagai kesan jangka pendek dan jangka panjang, bukan sahaja kepada mangsa tersebut, malahan ke atas keluarga mereka, komuniti dan masyarakat secara umum.

Dalam usaha membanteras jenayah seksual terhadap kanak-kanak, beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan. Antaranya melalui penggubalan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792] yang telah berkuat kuasa pada 10 Julai 2017. Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak secara pentadbiran pada

22 Jun 2017 dan penggubalan garis panduan khas untuk mengendalikan kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

Melangkah ke hadapan, Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 ataupun yang saya bawa pada hari ini untuk dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bertujuan meminda kepada Akta 792 melalui cadangan 15 fasal. Cadangan fasal-fasal adalah sebagaimana diperincikan dalam rang undang-undang yang telah diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Fasal 2 sehingga Fasal 9 bertujuan untuk meminda peruntukan dalam Bahagian II Akta 792 dengan menggantikan istilah “pornografi kanak-kanak” di mana juga terdapat dengan istilah “bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.”

Jawatankuasa Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Kanak-kanak mengesyorkan agar negara-negara ahli termasuk Malaysia untuk tidak menggunakan istilah pornografi kanak-kanak dan pelacuran kanak-kanak dan mencadangkan supaya istilah bahan penganiayaan seksual kanak-kanak digunakan. Istilah bahan penganiayaan seksual kanak-kanak ini memerihalkan secara tepat sifat jenayah bahan itu terhadap kanak-kanak dan tidak akan sama sekali kanak-kanak memberikan keizinan mereka. Penggantian istilah pornografi kanak-kanak juga bertujuan untuk membezakan bahan ini dengan pornografi dewasa secara jelas.

Selaras dengan trend global ini, Pelan Tindakan Serantau ASEAN atau, dengan izin, *ASEAN Regional Plan of Action for the Protection of Children from All Forms of Online Abuse and Exploitation 2019* dengan izin *WeProtect Global Alliances* iaitu rangkaian antarabangsa terbesar isu penderaan dan eksploitasi kanak-kanak dalam talian telah turut beralih, *depart* dengan izin daripada menggunakan terma pornografi kanak-kanak kepada bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Seterusnya Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 15A dan 15B ke dalam Akta 792. Seksyen baharu ini 15A yang dicadangkan memperuntukkan mengenai kesalahan yang berhubungan dengan persembahan seksual oleh kanak-kanak manakala seksyen baharu 15B yang dicadangkan memperuntukkan mengenai kesalahan yang berhubungan dengan pemerasan seksual kanak-kanak.

Salah satu- jurang utama daripada segi undang-undang yang harus dirapatkan dan diberikan keutamaan melibatkan penganiayaan seksual kanak-kanak dalam talian. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kecanggihan teknologi kini telah menjadikan dunia tanpa sempadan. Akses kepada kemudahan internet dan perkembangan

teknologi alat komunikasi digital yang pesat telah menyebabkan orang ramai termasuk kanak-kanak semakin mudah mendapat capaian internet.

Menurut kajian yang dijalankan oleh *ECPAT International*, dengan izin, Interpol dan UNICEF, Laporan *Disrupting Harm*, 94 peratus daripada kanak-kanak berumur daripada 12 tahun sehingga 17 tahun di Malaysia merupakan pengguna internet. Daripada jumlah tersebut, sekurang-kurangnya empat peratus telah melaporkan bahawa mereka dieksploitasi dan dianiaya secara seksual dalam talian di mana ia mewakili anggaran 100,000 orang kanak-kanak dalam negara kita yang mungkin telah mengalami mana-mana kemudaratan dalam tempoh satu tahun. Oleh itu, undang-undang sedia ada perlu ditambah baik bagi memastikan ia boleh menangani sebarang bentuk penganiayaan seksual yang diguna pakai selaras dengan perkembangan semasa.

Seksyen baharu 15A yang memperuntukkan kesalahan mengenai persembahan seks berhasrat untuk menangani isu *live-streaming* seks yang semakin luas. Perbuatan *live-streaming* seks ini melibatkan kanak-kanak merujuk kepada siaran atau tayangan seorang kanak-kanak melakukan persembahan seksual melalui cara peng-*stream*-an langsung, dengan izin, *real time* melalui internet kepada penonton sama ada secara berbayar ataupun tidak berbayar.

Semasa tayangan persembahan seksual oleh kanak-kanak secara langsung ini berlaku, terdapat kemungkinan dan peluang untuk penonton membuat permintaan lanjut yang boleh menjurus kepada mereka membuat perlakuan penganiayaan seksual yang tertentu untuk dilihat oleh mereka secara langsung.

Dengan penggubalan seksyen 15A ini, bukan sahaja orang yang menonton dan mengambil bahagian dalam persembahan seksual kanak-kanak boleh didakwa, tetapi semua pihak yang terlibat seperti penganjur, orang tengah atau mana-mana sindiket yang terlibat dalam melakukan kesalahan persembahan seksual kanak-kanak ini boleh juga dihukum.

Hukuman yang dicadangkan ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi RM50,000. Dalam hal ini rujukan telah dibuat kepada undang-undang di luar negara seperti di Filipina dan di *United Kingdom*. Kesalahan pemerasan seksual kanak-kanak, dengan izin, *sexual extortion of a child* adalah seperti yang diperincikan dalam rang undang-undang ini

■1150

Hukuman yang dicadangkan bagi kesalahan ini ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun. Peruntukan ini menangani keadaan di mana imej intim kanak-kanak yang diperoleh sama ada secara sukarela ataupun tidak digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memeras satu nikmat seksual, dengan izin, *sexual favours* dan faedah kewangan daripada kanak-kanak itu atau daripada pihak-pihak lain.

Fasal 15 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 26A dan 26B dalam Akta 792, untuk memberikan mahkamah kuasa untuk membuat perintah bagi pembayaran pampasan kepada mangsa kanak-kanak.

Untuk makluman, subseksyen 426(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah, memberi kuasa kepada mahkamah atas permohonan daripada pihak pendakwa raya untuk memberikan satu perintah terhadap tertuduh yang telah disabitkan dengan satu kesalahan untuk membayar pampasan kepada mangsa dan apa-apa kecederaan dan kerosakan yang dialami mangsa lanjutan daripada perbuatan jenayah tersebut.

Oleh itu penambahbaikan yang dibuat melalui seksyen baharu 26A, Akta 792 adalah supaya mahkamah sendiri tanpa permohonan daripada pihak pendakwa raya bolehlah membuat satu perintah terhadap orang yang disabitkan atas satu kesalahan di bawah Akta 792 atau kesalahan-kesalahan di bawah jadual kepada Akta 792 bagi pembayaran olehnya satu jumlah wang yang difikirkan adil dan munasabah dengan mengambil kira faktor-faktor tertentu sebagai pampasan berkenaan kecederaan yang dialami oleh mangsa kanak-kanak akibat daripada kesalahan yang dilakukan.

Sehubungan dengan itu, penambahbaikan ini peruntukan mengenai pampasan untuk kanak-kanak, mangsa kanak-kanak, kesalahan-kesalahan seksual adalah sebagaimana di bawah seksyen baharu 26A dan seksyen 26B.

Oleh yang demikian, Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 merupakan salah satu langkah yang perlu diambil untuk membuktikan komitmen kerajaan dalam memberikan perlindungan kepada kanak-kanak dalam negara kita khususnya daripada apa-apa jenayah seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan dan ditetapkan setiap pembahas lapan minit. Ada 10 orang yang akan berucap menurut senarai kita, justeru satu jam 20 minit sahaja. Lapan minit seorang ambil isi, ambil *substance* terus berhujah.

Silakan pertama Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l Achyuthan Nair.

11.52 pg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usaha membanteras jenayah penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak perlu dilaksanakan secara bersepadu menerusi gandingan badan-badan penguat kuasa kerajaan, khususnya PDRM. Saya menyambut baik perancangan Kerajaan Perpaduan untuk memperkasakan peranan PDRM dalam membendung jenayah-jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa.

Mandat yang diberikan kepada Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-kanak PDRM atau dipanggil D11, untuk memerangi jenayah pornografi kanak-kanak yang bersarang di negara ini membuktikan bahawa aspek penguatkuasaan akan turut ditumpukan sejajar dengan pindaan Akta 792 ini. Seperti yang digariskan dalam ucapan Belanjawan 2023, satu pasukan khas di bawah D11 tersebut akan ditubuhkan.

Penubuhan pasukan khas tersebut bertujuan untuk memantapkan lagi agenda pembanteras jenayah pornografi atau penganiayaan seksual kanak-kanak menerusi kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa kerajaan yang lain. Bercakap tentang kerjasama, saya difahamkan bahawa PDRM telah bekerjasama dengan *Federal Bureau of Investigation* (FBI) dalam satu tangkapan yang dibuat terhadap seorang lelaki tempatan yang terlibat dengan jenayah pornografi pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengamal undang-undang, saya mempunyai harapan yang besar untuk melihat pindaan Akta 792 ini berupaya menyekat pemangsa-pemangsa seksual yang menjadikan kanak-kanak sebagai alat untuk melampiaskan nafsu binatang mereka. Jika saya boleh singkap kembali...

Tuan Yang di-Pertua: Memuaskan nafsu?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Melampiaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Meletakkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Nafsu. Jika saya boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Seksual ini banyak teknikal dia kan?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Jika saya boleh singkap kembali satu-satu kes pertuduhan seksual kanak-kanak yang melibatkan seorang warga emas pada tahun lalu. Tertuduh merupakan seorang kelindan van sekolah yang telah didapati melakukan jenayah penganiayaan seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun, sekitar tahun 2019.

Mengikut pertuduhan yang dibacakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen Johor Bahru, warga emas tersebut telah terlibat dengan dua kesalahan jenayah iaitu memaksa kanak-

kanak itu melakukan amang seksual terhadapnya dan menjadikan salah laku seksual terhadap kanak-kanak itu sebagai kandungan pornografi untuk simpanannya.

Tuan Yang di-Pertua, iblis akan menghasut setiap manusia untuk melakukan kejahatan di dunia ini. Oleh sebab itu, undang-undang seharusnya menjadi kuasa untuk menghalang satu-satu kejahatan lebih-lebih lagi kejahatan yang boleh mengundang kesan negatif kepada psikologi kanak-kanak. Seiring dengan kuat kuasa Akta 792 pada masa hadapan, saya mencadangkan agar peranan Tribunal Antigangguan Seksual yang dikendalikan di bawah kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat diperluaskan.

Selain menerima aduan berkaitan gangguan seksual yang melibatkan individu dewasa, tribunal tersebut juga boleh berfungsi untuk menerima aduan jenayah penganiayaan seksual yang melibatkan kanak-kanak mangsa. Tribunal Antigangguan Seksual tersebut juga boleh menjadi orang tengah kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa penganiayaan seksual untuk dirujuk kepada mana-mana pakar psikologi yang mendapatkan khidmat kaunseling serta rawatan psikologi yang sepatutnya.

Seperti yang dikhuatiri oleh ramai ibu bapa, kanak-kanak yang menjadi mangsa penganiayaan seksual tidak berani untuk mengadu kepada mereka. Selain diugut, kanak-kanak yang menjadi mangsa penganiayaan seksual juga berdepan dengan pelbagai bentuk ancaman atau gangguan daripada si pelaku yang menyebabkan mangsa mengalami ketakutan melampau atau *anxiety*. Ketakutan yang dipendam oleh seseorang mangsa penganiayaan seksual boleh menjejaskan tahap kesihatan mental mereka.

Jadi tidak hairanlah mengapa ramai daripada kalangan mangsa menjadi trauma untuk berdepan dengan persekitaran sosial termasuklah keluarga mereka sendiri. Keengganan mereka untuk berkomunikasi dengan orang sekeliling merupakan antara faktor yang menyebabkan si pelaku semakin berani untuk melakukan apa jua perbuatan sumbang terhadap mangsa setiap kali mereka berjumpa bersendirian.

Jadi, persoalan di sini adalah apakah ruang atau platform yang akan disediakan menerusi kuat kuasa Akta 792 ini bagi membolehkan ibu bapa tampil untuk menyampaikan aduan berkaitan penganiayaan seksual yang membabitkan anak-anak mereka? Adakah mekanisme terbaik yang boleh dilaksanakan bagi membantu PDRM untuk mengesan si pelaku yang bersembunyi di sebalik ketakutan, trauma serta keengganan mangsa untuk menceritakan hal yang sebenar kepada ibu bapa mahupun kepada pihak-pihak berkuasa?

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Demikian penyampaian oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Kedua ialah Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

■1200

12.00 tgh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023.

Seperti kita sedia maklum, akta ibu kepada pindaan ini iaitu Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 merupakan akta yang telah memperluaskan jenis tindakan yang dianggap sebagai jenayah kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Akta ibu ini memenuhi keperluan untuk memastikan mana-mana pihak yang bertindak untuk mengeksploitasikan kanak-kanak di Malaysia dan juga kanak-kanak warga Malaysia di luar negara dapat dibendung.

Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk memperhalusi dan memperbaiki akta ini dengan rang undang-undang pindaan ini. Secara amnya, saya sememangnya menyokong RUU ini. Namun, saya mempunyai beberapa persoalan yang memerlukan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri yang bijaksana.

Pertama, berkaitan dengan pindaan seksyen 15A iaitu seksyen yang mewujudkan kesalahan-kesalahan berkaitan persembahan seksual oleh kanak-kanak. Saya ingin bertanya khususnya berkaitan aplikasi seksyen ini kepada kesalahan sebagai penonton persembahan seksual, kerana ia disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana seksyen ini berkesan untuk membendung kesalahan penonton yang memiliki bahan berkaitan persembahan seksual kanak-kanak apabila ia tidak mengetahui adanya kanak-kanak terlibat dalam persembahan itu?

Berkaitan dengan perkara ini juga, Akta Kanak-kanak 2001 meletakkan definisi kanak-kanak sebagai 17 tahun dan ke bawah. Manakala seksyen 20 akta ibu pula menyatakan seseorang hanya boleh menggunakan alasan kanak-kanak kelihatan sudah dewasa apabila langkah munasabah dalam penentuan umur seseorang kanak-kanak itu telah dibuat.

Dalam situasi penonton yang merupakan pemilik bahan berkaitan persembahan seksual kanak-kanak ini, apakah langkah munasabah yang boleh dibuat? Ini sebagai contoh sahaja. Sebab, saya khuatir seksyen ini terlalu luas dan membolehkan sesiapa yang dituduh untuk mengelakkan diri.

Kedua, berkaitan pindaan seksyen 26A dan 26B iaitu seksyen yang mewujudkan bayaran pampasan kepada mangsa kanak-kanak. Sejauh manakah kelonggaran diberikan kepada pihak hakim untuk menentukan jumlah pampasan yang perlu dibayar oleh pesalah?

Saya faham bahawa terdapat beberapa kriteria yang disebut di bawah seksyen 26A(4), termasuk keseriusan kesalahan kecederaan fizikal atau emosi mangsa, perbelanjaan

yang ditanggung oleh mangsa dan juga keupayaan orang yang disabit itu untuk membayarnya, sebagai contoh. Sebab, saya amat khuatir terdapat pesalah yang boleh mengelak daripada membayar pampasan ini yang tinggi kononnya atas alasan kesalahan mangsa atau *victim blaming*, dengan izin, dan juga pendapatan mereka yang rendah.

Kita harus sedar bahawa tindakan jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini merupakan perkara yang serius dan mempunyai kesan jangka masa panjang kepada kanak-kanak itu. Kita perlu memastikan pesalah tidak terlepas begitu sahaja. Jikalau ia tidak praktikal untuk memperincikan kriteria ini dengan lebih ketat, bolehkah kerajaan mempertimbangkan untuk memastikan badan penghakiman mewujudkan garis panduan penghukuman dalam penentuan pampasan yang setimpalnya?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini merupakan pindaan yang sangat baik dan usaha kerajaan patut dipuji. Akan tetapi, saya juga ingin menyarankan kepada pihak kerajaan untuk...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi dengar masa Menteri membentang, hukumannya tidak melebihi sepuluh tahun penjara rasanya. Adakah Yang Berhormat Senator bersetuju dengan saya, kalaulah kita kata jenayah ini merupakan jenayah yang serius, teramat serius penganiayaan terhadap kanak-kanak, bolehkah kita menaikkan lagi...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Saya setuju.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: ...Hukuman itu kepada 20 ke-30 tahun? Sepuluh tahun ini sedikit sangat.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Betul.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Kata serius tetapi hukumannya maksimum sepuluh tahun. Bagi saya, tidak masuk akal. Kalau serius, bagilah berat sedikit. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat setuju dengan cadangan itu sebab keadaan ini amat serius, bagi saya, terutama apabila ia melibatkan kanak-kanak.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Akan tetapi, saya juga ingin menyarankan kepada pihak kerajaan untuk tidak melepaskan batuk di tangga. Kita juga perlu melihat kepada isu penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti seksual secara menyeluruh dan bukan sahaja menghukum selepas kejadian.

Saya ingin mencadangkan untuk kerajaan mengkaji situasi ini secara menyeluruh dan menghadkan peluang untuk kesalahan-kesalahan seksual ini berlaku. Bagaimanakah

perkara ini boleh dilakukan oleh pihak kerajaan? Kerajaan patut mengkaji kebolehan untuk mewujudkan undang-undang yang mengarahkan kawalan ketat ke atas penggunaan kanak-kanak di platform media sosial dan aplikasi komunikasi seperti *Tiktok*, *Snapchat*, *Facebook*, *Wechat*, *Telegram*, dan sebagainya.

Fokuskan kawalan ini kepada platform-platform yang membolehkan kanak-kanak untuk berkenalan dengan orang yang tidak pernah dikenali mereka dan keluarga mereka. Perkara ini akan mengurangkan peluang untuk kanak-kanak didedahkan kepada penjenayah yang mampu mengambil kesempatan.

Kurangkan juga peluang pendedahan aktiviti seksual kepada kanak-kanak di media. Sehingga kini, setahu saya, Malaysia masih tidak mempunyai cara untuk menapis rancangan yang disiarkan oleh platform penstriman di talian, dengan izin, *online streaming platform* seperti *Netflix*, *Disney Plus* dan lain-lain. Saya menyarankan sekurang-kurangnya untuk pihak kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Digital untuk mengkaji pewujudan *voluntary censorship code*, dengan izin, juga dengan pengusaha platform-platform tersebut seperti mana yang sedang diusahakan oleh Kerajaan India.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya bangkitkan. Sebagai seorang ibu dan seorang nenek, saya inginkan negara kita menjadi sebuah negara yang dapat melindungi anak-anak dan cucu-cucu kita. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam* dan terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Terus kepada Yang Berhormat Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Lapan minit.

12.08 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam perpaduan. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, terima kasih saya ucapkan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023.

Anak atau kanak-kanak merupakan anugerah Ilahi yang tidak ternilai. Zaman kanak-kanak merupakan suatu fasa kehidupan yang seharusnya dilalui dengan warna-warni indah dan dipenuhi dengan gelak tawa. Namun, apa yang menyedihkan apabila kita melihat pelbagai kes-kes penderaan dan gangguan seksual terhadap kanak-kanak sering terpapar di dada-dada akhbar dan juga media sosial.

Bagi mangsa-mangsa gangguan seksual, mereka ini biasanya dalam lingkungan usia setahun jagung. Apabila mereka menjadi mangsa, tragedi ini akan menjejaskan kehidupan zaman kanak-kanak mereka malah berupaya menjadi titik hitam dalam kehidupan mereka.

Tanpa langkah pencegahan awal, titik hitam ini akan berkembang besar dan meninggalkan kesan yang berpanjangan sekali gus berpotensi mengganggu perkembangan emosi dan mental kanak-kanak. Gangguan seksual juga bukan sahaja meliputi gangguan fizikal semata-mata bahkan ia juga meliputi aspek emosi dan juga mental.

■1210

Justeru, langkah progresif yang diambil oleh kerajaan dengan membentangkan rang undang-undang di Dewan Negara pada hari ini merupakan langkah yang positif dan efektif bagi membendung gejala yang tidak berperikemanusiaan ini daripada terus berlaku. Sekiranya kita melihat kepada angka-angka dari agensi dan pihak berkuasa adalah amat membimbangkan. Angka jenayah seksual kanak-kanak meningkat hampir 42 peratus antara tahun 2020 dan 2021. Malah, kes mahkamah jenayah seksual turut meningkat.

Data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menunjukkan bahawa setakat tahun 2022, sebanyak 1,168 kes telah direkodkan melibatkan kes penderaan seksual kanak-kanak. Namun, angka-angka yang saya sebut tadi hanyalah merupakan kes-kes yang berjaya dilaporkan. Akan tetapi saya percaya pasti angka-angka itu tidak mencerminkan jumlah sebenar kes yang berlaku pada kanak-kanak. Ini kerana kita pernah berada dalam perintah kawalan pergerakan selama dua tahun. Saya difahamkan banyak kes-kes penderaan berlaku ketika itu. Hanya ia tidak dilaporkan atau disembunyikan oleh si pelaku atau mangsa itu tidak bersuara.

Maka dengan itu, saya melihat RUU yang dibentangkan pada hari ini memang tepat pada masanya supaya kita dapat lebih lagi proaktif dan memberi lebih perlindungan serta meluaskan skop definisi gangguan seksual kanak-kanak agar mereka lebih dilindungi dan mereka yang bersalah melakukan jenayah terhadap kanak-kanak akan mudah dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman yang setimpal tanpa dibolehkan membuat rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus membawa isu mengenai pindaan yang cuba dibawa oleh Yang Berhormat Menteri mengenai RUU ini.

Pertamanya, saya ingin merujuk kepada terma yang cuba dipinda iaitu merujuk kepada ayat "Pornografi kanak-kanak" dalam Akta 792 di mana Akta Ibu digantikan dengan perkataan, "bahan penganiayaan seksual kanak-kanak". Pada pandangan saya, perkataan bahan yang digantikan dalam RUU ini harus diluaskan skop maknanya dan huraian.

Sekiranya kita merujuk kepada perkataan 'bahan' itu sendiri, ia boleh meliputi pelbagai aspek sama ada membawa makna barang-barang, ramuan atau pun material. Apabila kita sama ertikan dengan perkataan pornografi, ia lebih meliputi kepada aspek perlakuan, perbuatan, kejadian dan lain-lain dengan cara yang mengghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks menerusi filem, bahan-bahan bacaan dan sebagainya.

Maka saya pohon kepada pihak JPM agar huraian mengenai istilah ini haruslah dibuat dengan lebih mendalam agar tidak akan menjadi beban kes dan agar tidak menimbulkan

kekeliruan semasa perbicaraan di mahkamah. Malah saya khuatir perkara-perkara teknikal akan digunakan oleh pihak pembelaan di mana akhirnya si pelaku akan terlepas dan bebas daripada dikenakan hukuman kelak.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada seksyen 15A(1) mengenai hukuman kepada pesalah. Sekiranya kita melihat hukuman yang dikenakan merupakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak melebihi RM50 ribu, terus terang saya katakan denda yang dicadangkan dalam RUU ini adalah kecil dan mudah sahaja. Saya melihat rakyat mendapatkan jumlah wang itu dengan mudah.

Maka dengan itu, hukuman dan denda maksimum yang tinggi perlu dikaji semula. Saya ingin mencadangkan agar hukuman penjara dinaikkan tidak melebihi 50 tahun penjara dan denda yang dikenakan tidak melebihi RM300 ribu atau nilai yang sewajarnya. Ini kerana si penjenayah dan mereka di luar sana agar lebih gerun daripada melakukan jenayah yang terkutuk kepada kanak-kanak. Merujuk ke seksyen 15B pula, hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan tidak ada denda yang dikenakan. Saya mencadangkan hukuman penjara dinaikkan kepada tidak melebihi 30 hingga 40 tahun dan ditambah dengan denda yang tidak melebihi RM500 ribu atau nilai yang sewajarnya.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai pindaan lain dalam RUU ini iaitu cadangan untuk mewujudkan peruntukkan bagi kesalahan persembahan seksual oleh kanak-kanak dan kesalahan pemerasan seksual kanak-kanak dalam Akta 792. Saya ingin kaitkan perkara ini dengan perbuatan segelintir rakyat yang gemar *body shaming* atau perbuatan mengejek fizikal seseorang. Ini biasanya berlaku di semua platform media sosial dan ia bukanlah suatu yang baharu.

Soalan saya, adakah perkara ini juga termaktub dalam rang undang-undang ini dan adakah ini tidak bertindih dengan akta di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, dalam era global yang serba canggih, maklumat boleh didapati di hujung jari sahaja. Anak-anak generasi sekarang sudah mula pandai bermain gajet dan mudah melayari apa-apa juga laman sesawang yang ada. Pada masa sekarang, saya amat risau dengan pelbagai gejala yang menimpa kanak-kanak yang terpampang di Internet dan media sosial. Saya sedih melihat pelbagai aksi penindasan malah yang lebih teruk lagi iaitu kanak-kanak yang dijadikan sebagai hamba seks.

Soalan saya, adakah terdapat peruntukkan di dalam RUU ini sama ada di dalam pindaan atau telah sedia adalah- mohon satu minit, Tuan Yang di-Pertua- bagi mengawal, mencegah dan juga mendakwa mereka yang terlibat dalam pelbagai gejala yang kurang menarik yang terpampang di Internet terutamanya di media sosial.

Saya juga ingin tahu, adakah ini terangkum dalam penggubalan seksyen 15A yang baharu iaitu kesalahan kepada mereka yang menonton dan mengambil bahagian dalam

persembahan seksual kanak-kanak boleh didakwa bahkan semua pihak seperti penganjur, orang tengah atau mana-mana sindiket yang terlibat dalam melakukan kesalahan persembahan seksual kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membahaskan RUU ini di peringkat dasar, saya ingin bertanya mengenai status mahkamah jenayah seksual. Apabila kita melihat kembali kepada peningkatan mendadak jenayah terhadap kanak-kanak, maka saya melihat pihak kerajaan harus menunjukkan lebih banyak Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak serta mempercepatkan sebutan kes yang difailkan.

Saya ingin bertanya adakah JPM akan membuat penambahan jawatan bagi menampung penambahan bilangan mahkamah jenayah seksual serta apakah halangan-halangan dan kekangan yang dihadapi oleh kementerian dan menguruskan dalam menambahkan lagi bilangan mahkamah. Saya ingat banyak lagi. Maka dengan ini, saya mohon menyokong RUU yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Datin Ros Suryati Alang.

Sila, kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Haji Mohamad.

12.18 tgh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di Pertua... *[Membaca sepotong doa]* Bagi saya bangun untuk berbahas tentang Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 kerana akta ini akta yang diperkenalkan pada tahun 2017. Akta yang dinamakan Akta 792.

Oleh sebab akhir-akhir ini gangguan ataupun kesalahan seksual terhadap kanak-kanak semakin meluas disebabkan dipengaruhi oleh berbagai-bagai elemen sama ada *YouTube* dan juga filem-filem dan juga persekitaran yang menyebabkan banyak berlaku perkara-perkara yang dahulunya kita tidak dengar, kurang dengar. Akan tetapi sekarang lambakan berlaku di kalangan masyarakat.

Oleh sebab itu, naluri manusia ini memang kecenderungan dia hendak melakukan maksiat, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu dalam Surah Asy-Syams, Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Disediakan pada diri manusia itu sifat jahat dia dahulu, Tuan Yang di-Pertua. kemudian, diikuti dengan sifat takwa, baik dia. Makna tendensi manusia ini untuk melakukan perkara-perkara jahat itu lebih berbanding dengan perkara baik. Itu naluri dia.

Akan tetapi kalau persekitaran, kalau kita mengenakan undang-undang ketat, pengawasan dengan baik, *insya-Allah* ia dapat dikurangkan. Untuk menghapuskan, saya rasa mungkin satu perkara yang amat mustahil kerana isu ini isu sejagat.

■1220

la bukan hanya berlaku di negara kita tetapi ia berlaku di seluruh dunia. Lebih hebat, lebih teruk berlaku di luar negara, di mana mereka yang berpengaruh, mereka yang kaya mengambil kesempatan kerana apabila mana manusia ini terlibat dengan maksiat, dia bukan berpuas hati dengan sempadan maksiat setakat itu.

Dia ada benda-benda *advanced* lagi, ciptaan baru lagi untuk menggambarkan kehebatan dia. Kalau kita dengar dalam kalangan mereka yang angkuh dengan perkara-perkara maksiat ini, kadang-kadang kita pun takut kerana perkembangan mereka yang buat maksiat ini macam-macam. Umpamanya, kalau dahulu naluri manusia ini antara lelaki dan perempuan. Akan tetapi, sekarang sudah, dengan izin, *criss-crossing*; perempuan dengan perempuan, lelaki dengan lelaki, mengikut sirah Nabi Allah Luth a.s. Kemudian, apa yang pelik tetapi benar berlaku, nenek-nenek yang berpengaruh dan kaya, dia minat dengan lelaki yang dikategorikan kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah yang *sado*. Ini berlaku. *Common*, dengan izin.

Common kalau kita dengar. Maknanya, nenek-nenek yang kaya, berpengaruh, dia minat. Dengan ada masalah rumah tangga, dia minat dengan lelaki-lelaki yang *sado* kerana dia melihat kepada filem-filem, hero-hero yang berbentuk seperti Tarzan dan sebagainya. Ini realiti... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Apakah hero- Tarzan?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ini bukan cerita benar.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, saya tanya hero Tarzan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Hero seperti Tarzan, dia minat. Oleh sebab itu masalah kita dengar sekarang, kita seolah-olah memfokuskan antara lelaki yang berusia, lelaki tua atau dewasa yang menganiayai mungkin kita katakan kanak-kanak perempuan ataupun kanak-kanak lelaki. Yang kita bimbang, perkara ini berlaku kepada yang berusia 12 tahun ke bawah. Mungkin yang berusia 17, 18 tahun itu mereka mungkin ada daya berfikir tetapi kerana kewangan, kerana wang, mereka juga dipujuk, sama ada oleh nenek tua yang berpengaruh dan kaya ataupun kaum Adam yang kaya, macam itu... [Ketawa]

Ini bukan lawak jenaka, ini cerita benar. Oleh sebab itu saya hendak minta supaya kerajaan memerhatikan sebab perkara seksual ini perkara lumrah. Sebab itu Allah SWT telah berfirman... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Jangan kamu dekati...”. Antara “Jangan kamu dekati” itu ialah jangan kamu dedahkan diri kamu dan kerajaan sendiri mesti mengawal segala bahan tersebut. Walaupun kerajaan cuba mengawal, banyak yang tidak sah pun datang. Datang kepada kita dengan tidak kita minta. Kita buka *handphone* kita, kita tidak minta pun; datang.

Jadi, maknanya sekarang ini benda itu sudah terancang oleh mereka yang bermain dalam sektor ini. Mereka yang terlibat sektor ini. Mereka telah lebih *advanced*, dengan izin, untuk melancarkan bahan-bahan ini secara terbuka kepada seluruh dunia. Tambahan dengan teknologi-teknologi yang terkini dengan media-media sosial.

Oleh sebab itu, sekarang ini kekuatan mesti kekuatan peribadi, kekuatan-kekuatan sendiri. Kerajaan mungkin ada had tertentu untuk mengehadkan. Sebab itu kerajaan telah meluaskan skop. Bagus; meluaskan skop daripada dahulu “pornografi”, seolah-olah dalam bentuk hak material dengan izin; filem, bahan-bahan bercetak.

Akan tetapi, sekarang kerajaan telah membuka jaring. Jalanya itu jaringan yang lebih besar dengan menggantikan perkataan “pornografi kanak-kanak” kepada “bahan penganiayaan seksual kanak-kanak”. Ini lebih meluas kerana mungkin dengan hanya menggunakan pendekatan “pornografi”, terhad untuk kerajaan, untuk disabitkan. Dengan menggunakan perkataan “bahan penganiayaan seksual”, maka lebih meluas.

Ini adalah kerana mereka yang melakukan perkara-perkara maksiat ini dan perkara jenayah ini, mereka pun hebat, bukan calang-calang orang. Kalau kita tengok yang didedahkan di seluruh dunia sekarang ini, nama-nama yang hebat-hebat. Pelakon filem, pemain industri, kapten-kapten kepada industri yang terlibat di seluruh dunia yang merupakan- mereka jadi kepala kepada seksual kepada kanak-kanak ini, di peringkat dunia kita ketahui kerana dinding untuk menghalang mereka itu tidak kuat dan tidak ada. Oleh sebab itu sekarang ini kita tengok walaupun kerajaan cuba menambah perkataan “pornografi kanak-kanak” kepada “bahan penganiayaan seksual kanak-kanak”, yang penting setakat mana pemantauan. Itu yang penting.

Kelemahan umumnya di pihak kerajaan ini pemantauan, penguatkuasaan. Di situ apabila kita tanya pihak kerajaan, mereka tidak ada kakitangan. Tambahan pula kerajaan sekarang ini menghadapi masalah kekangan kewangan, lagilah jawapan itu bertubi-tubi. Ini adalah kerana jawatan hakiki pun masih banyak di jabatan-jabatan tertentu yang tidak diisi, bahkan bagaimana kita hendak mengharapkan permintaan tambahan jawatan. Masing-masing minta, semua hendak minta belaka, minta tambahan di situ.

Akan tetapi, hakiki pun banyak yang tidak diisi. Masalah isu doktor-doktor pun baru hendak cuba diselesaikan dalam tempoh tiga tahun. Jadi, bayangkanlah kalau kita hendak minta penambahan kepada pegawai-pegawai penguatkuasaan. Saya fikir, tidak tahulah 20 tahun lagi, 10 tahun berlaku.

Oleh sebab itu saya fikir antara cara-cara hendak *deter*, dengan izin, adalah baik seperti cadangan rakan-rakan saya tadi. Sebelum ini, umpamanya pemenjaraan ditambah, dinaikkan 10 tahun ini. Sekarang ini, jadi singkat sudah hari tiap-tiap hari. Apabila kita semakin tua, Allah jadikan hari semakin singkat. 10 tahun ini sekejap sahaja dan 10 tahun kalau dia berkelakuan baik dalam penjara, ia jadi dua pertiga. Sekejap, “Eh, jumpa balik dah kamu.”

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, dengar bunyi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey. Jadi, sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya fikir yang penting ialah kerajaan menaikkan dendaan sama ada dari sudut pemenjaraan dan juga dari sudut denda-denda pampasan.

Itulah tujuan penambahan seksyen 15(a), 15(b) dan 26(a), 26(b) untuk menambah apa yang belum ada sebelumnya. Akan tetapi, *insya-Allah* saya harap supaya kerajaan lebih seriuslah menangani isu ini kerana ia menjadi igauan dan mimpi buruk masyarakat, terutamanya kepada kanak-kanak yang terlibat dengan perkara-perkara ini yang bukan dengan niat mereka tetapi dengan pemaksaan kepada mereka. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Sekiranya pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu menaikkan denda yang lebih tinggi, kalau sebutan dalam ucapan sahaja sukar bagi Yang Berhormat Menteri untuk menimbang. Akan tetapi, cuba timbang dalam Peringkat Jawatankuasa untuk difikirkan.

Sekarang, dijemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

12.27 tgh.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Sebagai memulakan perbahasan akta untuk meminda Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 ini, izinkan saya membaca maksud firman Allah dalam Surah Maryam, ayat 4 hingga 6 yang bermaksud: *"Dia Nabi Zakaria merayu dengan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya telah lemahlah tulang-tulangku, dan telah putih melepaklah uban kepalaku; dan aku- wahai Tuhanku- tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepadaMu dan sesungguhnya aku merasa bimbang akan kecuaian kaum kerabatku menyempurnakan tugas-tugas agama sepeninggalanku; dan isteriku pula adalah seorang yang mandul; oleh itu, kurniakanlah daku dari sisiMu seorang anak lelaki yang layak mewarisi daku, juga mewarisi keluarga Nabi Yaakub; dan jadikanlah dia- wahai Tuhanku- seorang yang diredhai serta disukai".*

Islam memartabatkan kanak-kanak sebagai zuriat kekeluargaan yang akan mewarisi tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin bagi generasi masa hadapan. Tanggungjawab mencorakkan kanak-kanak terletak bukan sahaja di atas bahu ibu bapa tetapi juga masyarakat dan kerajaan.

Justeru, sebagai perkongsian di Dewan yang mulia ini, Kelantan telah menggubal satu- dasar yang dinamakan Dasar Kanak-kanak Fitrah sebagai dasar dan juga kerangka yang memberi tumpuan kepada pembangunan dan perlindungan kanak-kanak sebagai individu yang penting untuk membina generasi masa depan.

■1230

Kanak-kanak memerlukan perhatian istimewa dan khusus. Justeru itu akta ini amat penting untuk menjaga maslahat dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Sehubungan dengan pindaan akta ini, saya ada beberapa persoalan yang perlukan penjelasan, iaitu:

- (i) adakah pindaan ini dapat mengekang jenayah seksual yang makin menular secara tersembunyi dalam kalangan anak-anak muda Malaysia atau lebih dikenali sebagai *activity dark site*, dengan izin, seperti di platform *Facebook* dan juga *Twitter*;
- (ii) adakah pihak kementerian bercadang meningkatkan kolaborasi merentas agensi termasuk Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga NGO dalam mewujudkan program-program advokasi, pencegahan dan intervensi seperti kempen dan hebahan video bagi memberi kesedaran kepada ibu bapa dan juga masyarakat terutama yang membabitkan eksploitasi terhadap kanak-kanak; dan
- (iii) bagaimana kerajaan akan memastikan keberkesanan pindaan akta ini selaras dengan penubuhan pasukan khas di bawah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak, Bukit Aman D11 untuk membanteras aktiviti pornografi dalam kalangan kanak-kanak seperti diumumkan dalam Belanjawan 2023?

Merujuk seksyen 15A persembahan seksual oleh kanak-kanak. Soalan saya, “persembahan seksual” ertinya apa-apa perlakuan seksual secara terang-terangan. Apa yang dimaksudkan dalam istilah ini, dan bagaimanakah jika sesuatu perlakuan seksual tidak dibuat secara terang-terangan?

Adakah terdapat penanda aras atau perbandingan dengan negara-negara lain dalam menentukan kadar hukuman pemenjaraan dan juga denda? Kalau tadi kita kata terlalu rendah dan kita mahu menaikkan kadar denda, adakah juga kita berbuat perbandingan dengan negara-negara lain?

Seksyen 26A, Perintah Bagi Pembayaran Pampasan kepada Mangsa Kanak-kanak. 26A(5) bagi maksud membuat Perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh mengadakan suatu *enquiry* sebagaimana yang difikirkan patut. Bagaimanakah proses *enquiry*

ini akan dijalankan dan tempoh masanya? Selain peruntukan pembayaran pampasan, adakah terdapat pampasan berbentuk bukan kewangan lain yang diperuntukkan kepada mangsa kanak-kanak terlibat.

Seksyen 26B, peruntukan tentang pembayaran pampasan. 26B(1)(a), adakah tempoh masa yang diperuntukkan bagi pembayaran jumlah wang itu, adakah mengikut budi bicara mahkamah? Jika ya, adakah terdapat had masa untuk pembayaran tersebut- 26B(1)(b), rasional pembayaran pampasan oleh tertuduh secara ansuran serta kaedahnya bagaimana? Seksyen 26B (1)(e), mohon penjelasan mengenai bahawa kehilangan wang itu akan lebih memudaratkan keluarganya daripada pemenjaranya.

Langkah-langkah pencegahan, pendidikan, penguatkuasaan, sekatan kepada bahan-bahan berunsur seksual perlu dibuat oleh kerajaan untuk memastikan kanak-kanak selamat daripada jenayah seksual. Dengan itu, sekian terima kasih. Saya mohon penjelasan dan menyokong pindaan RUU ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Sekarang, Yang Berhormat Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

12.34 tgh.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi ruang dan peluang untuk sama-sama berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah seksual atau ambang seksual yang berlaku terhadap kanak-kanak semakin meningkat dan membimbangkan.

Sejak akta ini digubal dan dikuatkuasakan pada tahun 2017, terdapat 5,519 kes yang telah dilaporkan dari tahun 2018 hingga 2022. Antara kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang direkodkan oleh PDRM adalah seperti jenayah rogol, cabul, sumbang mahram, luar tabii, pornografi kanak-kanak dan komunikasi secara seksual. Daripada keseluruhan jumlah itu hanya sebanyak 3,060 kes dihadapkan di mahkamah sejak 2018 hingga Januari ini.

Menjadi persoalan kepada saya bagaimana dengan baki yang lain? Adakah kes ini digugurkan kerana tiada bukti yang mencukupi atau berlaku penarikan semula laporan oleh mangsa. Kebiasaannya jenis jenayah seksual terhadap kanak-kanak dilakukan oleh orang yang dekat dan mempunyai akses kepada mangsa contohnya seperti ibu bapa, adik-beradik, pengasuh dan ahli keluarga mereka sendiri. Terdapat banyak kes mangsa menarik balik laporan yang mereka buat kerana manipulasi oleh orang-orang sekeliling membuatkan mereka rasa bersalah jika orang yang didakwa dikenakan hukuman.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana RUU ini dapat melindungi mangsa daripada dimanipulasi sehingga tidak mahu meneruskan pendakwaan? Apakah usaha kerajaan untuk memastikan kanak-kanak ini dilindungi dan tidak dimanipulasi sepanjang proses pendakwaan berlangsung terutama kes melibatkan ahli keluarga?

Saya bersetuju dengan fasal 2 hingga 9 yang bertujuan untuk menggantikan istilah “pornografi kanak-kanak” kepada “bahan-bahan penganiayaan seksual kanak-kanak”. Izinkan saya merujuk kepada *Kamus Dewan - Edisi 4* iaitu pornografi ialah penggambaran atau pengisahan sesuatu berlaku perbuatan kejadian dan cara-cara lain yang mengghairahkan atau bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks menerusi filem, bahan bacaan dan sebagainya. Manakala juga bahan ialah barang-barang atau material yang akan dijadikan benda-benda lain ramuan untuk membuat sesuatu bermakna, bahan penyiaran seksual bermaksud barang-barang ataupun material untuk melakukan penyiaran seksual.

Meskipun fasal ini nampak seperti sekadar penggantian istilah, saya yakin penggantian ini memberi kesan yang besar, dan gambaran terhadap keseriusan serta menekankan sifat jenayah eksploitasi dan penganiayaan seksual ke atas kanak-kanak. Istilah ini melihatkan secara tepat sifat jenayah bahan itu terhadap mangsa yang mana ia berlaku tanpa izin dan kerelaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan teknologi yang semakin berkembang, akses kepada kemudahan internet dan perkembangan teknologi alat komunikasi digital yang pesat telah menyebabkan orang ramai termasuk kanak-kanak semakin mudah mendapat pencapaian internet. Sejak dua menjak ini perbuatan *live streaming sex* melibatkan kanak-kanak semakin menjadi-jadi.

Perbuatan ini berlaku merujuk kepada siaran atau tayangan seorang kanak-kanak melakukan seksual secara *live stream* secara langsung melalui Internet kepada penonton. Malah ada yang dilakukan secara berbayar, bermakna mereka mendapat imbuhan daripada orang yang menonton. Kanak-kanak masih tidak matang dan tidak mampu berfikir secara kritis menyebabkan mereka mudah terpengaruh.

■1240

Saya amat bersetuju dengan cadangan pindaan fasal 14 untuk memasukkan seksyen baharu 15A dan memperuntukkan kesalahan mengenai persembahan seks berhasrat untuk menangani isu *live streaming* seks yang semakin meluas. Dengan menggubal seksyen 15A yang terbaharu ini, bukan sahaja orang yang menonton dan mengambil sebahagian dalam persembahan seksual kanak-kanak boleh didakwa tetapi pihak yang terlibat seperti penganjur, orang-orang tengah atau mangsa-mangsa sindiket yang terlibat dalam melakukan kesalahan persembahan seksual kanak-kanak hendaklah didakwa.

Namun begitu, saya merasakan hukuman tidak lebih daripada 20 tahun dan denda tidak lebih daripada RM50,000 adalah tidak wajar. Saya mencadangkan akan kesalahan ini

diberi hukuman yang berat iaitu denda sebanyak RM300,000 dan maksimum iaitu 30 tahun penjara. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Juhanis. Terus kepada Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

12.41 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Dewan yang mulia ini kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan undang-undang baharu yang diperkenalkan untuk mencegah daripada kanak-kanak kita dianiaya.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita tahu bahawa kanak-kanak ataupun anak-anak kita ini merupakan masa depan kita dan sewajarnya kita sebagai orang dewasa mempertahankan dan menjaga mereka umpama menatang minyak yang penuh sepatutnya. Ini saya percaya ibu bapa lakukan bagi anak-anak mereka. Kita sebagai ibu bapa sudah tentu kita mahu membesarkan anak-anak kita ini daripada kecil sehingga mereka dapat mengawal diri sendiri sehingga menjadi orang yang berguna kepada negara.

Walau bagaimanapun dengan adanya perbuatan-perbuatan jijik yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab di mana anak-anak ini yang tidak mampu untuk mempertahankan diri bahkan mereka yang tidak mampu untuk memikirkan kesan-kesan daripada apa perbuatan, apa pun *inducement*, dengan izin, orang tertentu yang cuba untuk memanipulasi kekurangan mereka ini maka sangat wajarlah kerajaan untuk mencari satu-jalan supaya mereka ini patut dihukum dengan sepatutnya supaya perbuatan-perbuatan begini ditakuti oleh mereka yang selalu mengambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu melihat kepada hukuman untuk mencegah perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengan penderaan ataupun seksual kanak-kanak ini. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita terutamanya bagi penyedia perkhidmatan-perkhidmatan sekarang ini gajet yang semakin canggih dan semakin moden bahkan ada hampir setiap keluarga memiliki *handphone* sekarang ini. Kita melihat perkara ini sesuatu yang mendorong kepada perbuatan-perbuatan yang apabila kita melihat gajet kita ataupun *handphone* kita tanpa diundangkan seperti yang dikatakan juga oleh rakan Senator kita sebentar tadi ada wujud di dalam *handphone* kita.

Jadi justeru itu, saya menyarankan supaya pihak yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini terutamanya seperti *DiGi*, seperti *Celcom* dan sebagainya mungkin adakah mereka perlu diberi satu syarat supaya perkara-perkara begini boleh disekat supaya perkara ini tidak akan mendedahkan setiap kita kepada unsur-unsur yang akan menyebabkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap kanak-kanak apabila ingin melampiasan, apabila perkara-perkara ini terdedah ataupun dengan di hujung jari sahaja di hadapan kita terutamanya mereka yang kurang kuat daripada segi rohani dan moralnya.

Jadi menyebut tentang moral dan rohani ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya ataupun mencadangkan kepada kerajaan ataupun kementerian yang berkaitan terutamanya supaya ada peruntukan diberi kepada institusi agama ini baik agama Islam, baik yang bukan Islam supaya institusi agama ini diperkuatkan. Apa pun agama saya percaya adalah untuk kebaikan setiap warganegara kita. Justeru itu, dengan kekuatan moral, dengan kekuatan rohani setiap kita maka saya percaya kita akan benci kepada perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kementerian mengambil berat dengan institusi agama kita supaya janganlah agama ini semata-mata kononnya hanya untuk kitalah yang beragama, sokonglah kami sehingga menjadi mahu menjadi pihak berkuasa. Akan tetapi mari kita tumpukan supaya institusi agama ini digunakan untuk mendidik moral kita, bukan menunjukkan siapa yang paling beragama yang sepatutnya disokong supaya kita menjadi pihak berkuasa, bukan begitu.

Akan tetapi marilah kita- ya, saya cadangkan supaya institusi agama ini diberikan peruntukan tambahan supaya mereka boleh mempergiatkan lagi terutamanya untuk mendidik anak-anak kita untuk membawa mereka ataupun memberi satu peruntukan yang cukup supaya institusi agama ini boleh melakukan pelajaran-pelajaran yang boleh meningkatkan moral mereka dan meningkatkan rohani mereka.

Saya percaya terutamanya contohnya saya sendiri sebagai seorang Kristian. Saya mahu anak-anak kita yang beragama Kristian ini kuat rohani mereka supaya mereka akan dapat membezakan yang baik dan yang buruk. Apabila mereka sudah terdidik daripada kecil, maka mereka akan membenci perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral seperti apa yang kita lakukan pada hari ini.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya walaupun kita berharap supaya hukuman ini akan menjadi lebih tegas seperti sahabat Yang Berhormat Senator yang mengatakan tadi. Saya lebih kepada berbentuk kerohanian kerana walau bagaimana tegas pun sesuatu hukuman itu sekiranya kita tidak ada pendinding dalam diri kita, masyarakat kita dan rakyat kita di negara kita ini, kita akan mudah tergoda dengan perkara-perkara begini.

Maka oleh sebab itulah, saya memang bersetuju dengan hukuman yang dicadangkan oleh kerajaan ini tetapi sekali lagi saya mengulangi supaya kita lebih menumpukan kepada hukuman penjara itu. Hukuman penjara kalau orang yang begini masih ada di kalangan kita, saya percaya kita tidak memerlukan mereka ada di dalam masyarakat kita.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Minta pencilahan sikit.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tuan Yang di-Pertua boleh ya sedikit. Mengenai hukuman ini Yang Berhormat Senator, ada jenayah-jenayah yang hukumannya lebih teruk, lebih besar dan lebih berat daripada ini terutamanya hukuman mati macam Akta

Dadah Berbahaya. Akan tetapi kita lihat pelaku-pelakunya makin ramai macam tidak berkesudahan. Kita hendak hukuman ini kalau boleh bersetuju ialah supaya ada kegerunan.

Jangan kegerunan itu bertukar menjadi ketakutan sehingga bila dia teringat ini 50 tahun contohnya ataupun ini maka tindakan dia terhadap mangsa penganiayaan tadi akan menjadi lebih ganas lagi. Jadi, adakah kita rasa yang dicadangkan oleh menteri ini dalam rang undang-undang ini sudah cukup munasabah. Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, saya setuju dengan saranan sahabat saya. Jadi justeru itu, memang kegerunan ini walaupun kita gerun tetapi kalaulah perkara ini tidak ditakuti kerana ada manipulasi ataupun mungkin ada pihak-pihak yang terlibat ini mereka seperti yang dikatakan oleh sahabat kita sebelum ini pun mereka ini sangat *advance*, canggih dan mungkin mereka juga sangat kaya raya. Ini kerana perkara-perkara ini apabila mereka dikuasai oleh keadaan yang *advance* ini maka inilah yang menjadikan kanak-kanak ini terus akan menjadi mangsa.

■1250

Justeru itu, saya lebih tumpukan supaya kerajaan juga menumpukan kepada moral dan keroonian ini tadi supaya pada masa depan dalam jangka panjang tidaklah ada orang-orang yang begini ada dalam negara kita ataupun dalam masyarakat kita.

Justeru itu, hukuman penjara lebih panjang itu adalah lebih wajar. Justeru itu, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

12.51 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-undang) kerana membawa pindaan akta ini untuk kebaikan kita bersama.

Ini merupakan bagi saya satu komitmen yang diberikan oleh kerajaan untuk menjaga kanak-kanak, anak-anak kita di bawah umur 18 tahun ini. Pindaan ini saya percaya sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini.

Kalau kita tengok data Tuan Yang di-Pertua, jenayah seksual kanak-kanak dan wanita pada tahun 2020 iaitu 11,092 orang. Ada peningkatan iaitu pada tahun 2021, 12,890 orang. Jadi kalau kita tengok data untuk kes penderaan seksual kanak-kanak daripada Januari 2017 sehingga Februari 2022 iaitu seramai 5,519 kes yang telah dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Akan tetapi, saya yakin Tuan Yang di-Pertua kes seksual terhadap kanak-kanak ini banyak sebenarnya di luar sana tetapi mungkin ramai yang tidak membuat aduan disebabkan bermacam-macam kes, mungkin ugutan dan ketakutan daripada kanak-kanak tersebut.

Jadi kalau kita tengok kes yang *real* di luar sana, saya yakin kes ini lebih banyak. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menubuhkan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak. Ini bagi saya satu langkah yang sangat baik untuk kita memerangi jenayah ini dan kita mesti membela kanak-kanak dan anak-anak kita ini kerana kanak-kanak inilah generasi penerus untuk negara kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes seksual terhadap kanak-kanak ini bukannya orang jauh. Kebanyakannya adalah orang dekat iaitu mungkin ibu bapa, mungkin abang, adik-beradik mereka. Maka itu, kes itu tidak dilaporkan kerana mereka takut diugut oleh mak tiri ataupun bapa tiri mereka. Maka itu tidak dilaporkan.

Jadi bagaimana sebenarnya kerajaan- saya tanya kepada kerajaan, kepada Menteri khususnya untuk kita menangani kes-kes yang tidak dilaporkan ini. Ini sebab kes ini berlaku dan ada *real* yang berlaku kes ini di mana kanak-kanak tersebut telah dirogol dan ayahnya tidak membuat aduan kepada polis dan akhirnya ia boleh diselesaikan dengan begitu mudah. Ini kerana penjenayah itu adalah orang yang dikatakan berada- ada sumber kewangan mungkin dan akhirnya yang menjadi mangsa kanak-kanak tersebut dan diselesaikan begitu sahaja. Ini menjadi trauma dan menjadi masalah jangka panjang kepada kanak-kanak tersebut. Jadi apa sebenarnya kes-kes yang tidak boleh diselesaikan yang tidak dilaporkan ini. Biasanya ia memang tidak ada kerelaan daripada mangsa tersebut.

Seterusnya ada berkenaan pampasan tadi iaitu seksyen baharu 26A dan 28B, di mana pampasan yang akan dibayar kepada mangsa itu adalah yang difikirkan adil dan munasabah. Jadi ini nampak subjektif di sini Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh lebih spesifik, berapa pampasan yang dibayar kepada mangsa tersebut. Ini sebab kita tidak mahu nanti, kadang-kadang mangsa yang terlibat ini mangsa yang- senang cerita golongan B40-lah Tuan Yang di-Pertua, mesti kena spesifik dan juga mesti dibayar kepada ibu bapa. Sedangkan mangsa dan penjenayah itu ibu ataupun bapa, yang menuntut iaitu ibu bapa. Jadi yang ini saya tengok Menteri kena- harap boleh bagi jawapanlah untuk kita bersama macam mana hendak menyelesaikan kemelut macam ini.

Kedua, berkenaan dengan pampasan seksyen 26B(D), iaitu berkenaan dengan ingkar membayar wang pampasan. Mahkamah sudah tentukan berapa pampasan yang perlu dibayar kepada kanak-kanak tersebut ataupun kepada mangsa. Akan tetapi, mereka tidak mahu bayar akhirnya dan yang jadi mangsa iaitu kanak-kanak tersebut mungkin mengambil masa lima atau 10 tahun dan akhirnya- saya yakin kanak-kanak tersebut ataupun mangsa tersebut tidak akan mendapat bayaran yang setimpal.

Akhir sekali berkenaan dengan seksyen baharu 15A dan 15B iaitu persembahan seksual oleh kanak-kanak. Sekiranya penganjur ini bukan orang Malaysia, dia di luar negara, sekarang ini *online*, *streaming*, tetapi perkara itu berlaku di Malaysia tetapi penganjur di luar negara. Bagaimanakah kita mahu mendakwa penjenayah ini dan juga penonton-penonton ini? Sedangkan dia rakyat Malaysia tetapi di luar negara.

Jadi saya dengan itu juga sebenarnya memang amat menyokong pindaan yang akan dibuat terhadap Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad yang khusus merujuk kepada seksyen-seksyen dan peruntukan yang dibahaskan. Ini trend yang baik bagi cara kita membahaskan.

Ada dua lagi Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. Saya dahulukan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

12.58 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin untuk menyatakan sokongan saya terhadap pindaan ini dengan harapan akan terus berlakunya pindaan-pindaan sehingga terlaksananya apa yang kita *dok* baca doa setiap bagi kita memulakan sidang Dewan ini iaitu ungkapan bersama kita membesarkan Allah, kembali kepada Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apakah akta ini juga termasuk dalam aktiviti perlakuan luar tabii yang dilakukan kepada kanak-kanak? Ini sebab perlakuan ini sekarang ini sudah menjadi satu perkara yang banyak tersebar di mana-mana.

Keduanya, apakah ini berlaku ataupun termasuk dalam perlakuan yang bukan terpaksa? Hari ini kanak-kanak sendiri melakukan bersama kanak-kanak sebelum umur 12 tahun yang kita selalu dengar dipaparkan di akhbar dan di mana-mana, hasil daripada suasana- *environment* yang mereka berada sekarang.

Ketiganya, saya ingin juga menyebut dalam seksyen 26A dan 26B.

■1300

Tadi sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator ada menyebut tentang kewajaran, tentang kemunasabahan jumlah hukuman yang dikenakan. Saya ingin mengambil sedikit kesempatan ini untuk mengajak kita berfikir bersama. Sebenarnya berapa harga dendaan, pampasan yang patut dan wajar kita berikan? Kita kata 10 tahun, ada yang cadangkan 20 tahun, ada yang cadangkan 30 tahun.

Sedikit yang hendak saya imbas. Kalau sekiranya perlakuan itu dibuat dalam bentuk filem dan dipaparkan, disebarkan dalam *Youtube* dan di mana-mana, diluaskan lagi dalam

TikTok dan macam-macam, 10 tahun yang memperlakukannya kepada kanak-kanak, dia sepuluh tahun dipenjarakan, selepas 10 tahun dia sudah keluar, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, anak itu baru mungkin kalau masa itu umur 12 tahun, sekarang sudah jadi 22 tahun. Perasaan, kesan ini bukan sekadar 20 tahun. Sampai bila-bila. Kesan traumanya sampai bila-bila, sampai anak cucu. Sebab, tidak mampu di-*delete* dalam media yang ada semakin canggih hari ini. Anak dia, cucu dia, cicit dia, yang masa sekarang ini kanak-kanak yang diperlakukan, melihat apa yang sudah berlaku kepada datuk, nenek, moyangnya dahulu.

Kalau itu terkena kepada kita, cuba kita tanya, berapa pampasan yang kita hendak? Berapakah denda yang patut kita hendak tuntutan daripada pelaku yang melakukan kepada kita? Mahupun- kita itu kanak-kanaklah pada masa itu. Apatah lagi yang diperlakukan juga dengan aktiviti luar tabii, pada cucu kita. Cucu kita pula, kalau kita hendak tanya, berapa yang dia hendak mintak pampasan yang patut dibayar? Orang itu pun masih hidup. Kesan sampingan daripada itu, bukan sekadar pampasan, tetapi dendam kesumat yang saya fikir tidak akan berkesudahan.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator yang saya hormati sekalian. Oleh sebab itu, walaupun saya sebut tadi saya bersetuju, tetapi saya macam tidak ada penyelesaian dengan suatu keputusan cadangan denda yang diberikan. Fikirkan jalan lain, mungkin dapat dibuat suatu cadangan.

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang istilah ini. Kita rasa-rasanya kadang-kadang ringan sedikit bila kita sebut jenayah seksual. Hakikat sebenarnya, ia ialah jenayah zina. Kepada pelaku, dia penzina. Kepada kanak-kanak yang dipaksa, dia bukan penzina. Akan tetapi, perkataan zina ini dihubungkan langsung dengan apa yang disebutkan oleh Allah SWT dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Allah menyebut tentang isu ini bukan sekadar keputusan perlakuannya atau tindakan perlakuannya. Lebih daripada itu, ancaman Allah, gesaan Allah terhadap bagaimana hendak menyekat agar ia tidak berlaku. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra', ayat 32. Allah sebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Dalam Surah An-Nur, sangat panjang ayat itu. Allah sebut satu, satu, satu, satu. Ayat-ayat Surah An-Nur, ayat 151 yang saya ambil ungkapan di tengahnya... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "*Jangan kamu hampiri kejahatan...*" dalam ungkapan ini maksudnya zina "...Yang terang mahupun yang tersembunyi."

Tuan Yang di-Pertua mahupun sahabat-sahabat para Yang Berhormat Senator yang saya hormati sekalian. Kalau permulaan untuk perlakuan zina itu pun disebut detil oleh Allah SWT, yang kita bincang ini ialah kesan daripada permulaan sehingga natijahnya perlakuan. Yang saya hendak sebutkan di sini, kalau boleh dilengkapi nanti dengan tindakan menghalang atau pencegahan yang kita selalu sebut, *prevention is better than cure*, dengan izin.

Ketiganya, saya tengok dalam suasana yang ada sekarang ini, perkara yang paling mendorong- saya setuju pandangan Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta tadi bahawa suasana sekeliling ini perlu diolah dan juga cadangan untuk penyelesaian-penyelesaian secara ancaman atau kegerunan. Satu medan- tadi disebut juga sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator mengatakan perlu ada rentas kementerian bagi membendung perkara ini. Saya tengok antara yang paling besar ialah Kementerian Belia dan Sukan, di samping Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain, Kementerian Komunikasi dan Digital.

Apakah yang mampu kita buat sehingga kita mampu membendung? Hari ini, yang paling dahsyat sehingga berlaku paling rancak peristiwa ini sampai kadang-kadang kanak-kanak sama kanak-kanak. Belum pun kita terfikir- sepatutnya, umur ini sudah di-*initiate*-kan ataupun dirangsangkan pemikiran untuk berlaku. Akan tetapi, hari ini, bukan sekadar itu, akibat daripada- minta maaf, masa sudah habis. Akibat daripada media yang bebas ini, hari ini haruan makan anak berlaku di mana-mana. Nenek dengan cucu, anak sama anak dan lain-lain. Jadi, Yang Berhormat sekalian, saya harap mudah-mudahan program rentas kementerian dalam membendung perlakuan ini akan dipertingkatkan.

Terakhir, saya hendak sebut ialah tentang penyelesaian terakhir. Saya sebut tadi bahawa saya setuju dengan pindaan ini dengan harapan pindaan dan pindaan terus berlaku. Bagi orang Islam, penyelesaian terakhirnya ialah kembali kepada hukum yang disebutkan oleh Allah SWT.

Dalam Al-Quran, perlakuan hukum yang dibuat sudah tentu ada satu- benda sebelum benda itu berlaku, iaitu bagaimana ia mewujudkan kegerunan dahulu untuk akhirnya masyarakat melarikan atau tidak terlibat dalam program ini. Hukumnya nanti itu akan lebih dahsyat sampai tahap yang disebut oleh sahabat, 40, 50, 60 tahun, *ending*-nya disebut penzina ini sampai tahap berlakunya hudud. *Hududullah* itu ialah untuk mewujudkan sempadan yang menggerunkan manusia untuk melakukan perkara yang sangat terukutuk ini.

Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

1.08 tgh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023. Saya pun hendak ambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang masih bersama dengan kita mendengar cadangan dan pandangan.

Dalam usaha kita secara bersama melindungi kanak-kanak, wira masa depan kita, saya mulakan perbahasan saya dengan menyokong pindaan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023. Ini adalah penting kerana di setiap kita dalam Dewan yang mulia ini akan setuju dengan pendekatan ini tanpa mengira latar belakang politik, ideologi kerajaan atau pembangkang.

Untuk makluman rakan-rakan yang saya hormati, pendirian saya ialah bahawa kanak-kanak lah harapan negara yang mempunyai perikatan kepada sebuah bangsa yang makmur, yang menjadi tanggungjawab kita semua sebagai Ahli Majlis untuk memberikan kelulusan yang sewajarnya kepada pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini, saya ada beberapa pandangan, terutamanya ada tiga cadangan dan satu soalan jika masa diizinkan, berkenaan dengan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Saya difahamkan daripada Yang Berhormat Menteri, ada terdapat enam cadangan pindaan dalam RUU Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 termasuk beberapa peruntukan kuasa.

■1310

Saya percaya bahawa RUU ini juga memerlukan langkah dan tindakan yang merangkumi aspek pencegahan dan pemulihan, yang selaras dengan dasar- yang ini penting. Selaras dengan dasar Jabatan Penjara Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia, iaitu pencegahan aktiviti jenayah dan pemulihan pesalah jenayah.

Saya bermula dengan cadangan yang pertama, ialah untuk menyentuh dalam bidang pencegahan. Saya mencadangkan kepada kementerian mengadakan atau menubuhkan sebuah data 'pendaftar pesalah seksual', iaitu dengan izin, *sexual offender registry* yang boleh diakses oleh orang awam.

Tujuan utamanya ialah pemantauan pesalah seksual itu terhadap kanak-kanak. Bagaimanakah melaksanakan dan berapakah lama tempohnya? Saya bercadang kepada kerajaan, melaksanakan secara tahap yang mengikut kesalahan.

Classify according to severity of crimes, dengan izin, seperti yang dilaksanakan oleh negeri-negeri di Amerika Syarikat, California dan Texas. Saya mengesyorkan tahap dan tempoh seseorang didaftar dalam rekod tersebut perlu dikategorikan kepada Tahap 1, tempoh rekod dalam daftar tersebut selama 10 tahun- *low severity*. Tahap 2 itu selama 20 tahun- *moderate severity*, dan Tahap 3 ialah tempoh seumur hidup- *high severity*.

Selain daripada *registry* pesalah seksual, saya pun hendak mencadangkan penggunaan monitor pergelangan kaki, atau dengan izin, *ankle monitor* juga disyorkan dengan lapor diri mandatori di balai polis setiap minggu bagi tujuan pemantauan.

Saya ingin menjelaskan kemungkinan, ada rakan-rakan berpendapat cadangan saya memang itu ekstrem atau kejam. Akan tetapi, saya hendak mengatakan bahawa pendapat saya, hak ibu bapa dalam memastikan keadilan kanak-kanak mereka adalah lebih penting

berbanding hak asasi kebebasan pesalah, bekas pesalah atau yang masih dalam proses rehabilitasi.

Cadangan yang kedua, masih sentuh dalam bidang pencegahan, iaitu langkah-langkah pencegahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Saya hendak bercadang RUU yang dimaksudkan itu mengehadkan pergerakan pesalah seksual kanak-kanak itu di zon sekolah. *Limiting the predator movement in school zones*. Ini satu.

Selain daripada itu, kita mesti melarang pengambilan pesalah-pesalah daripada kerja dalam sektor yang melibatkan kanak-kanak. *Stop the predator working in the childcare sector, child-centric entertainment sector, such as theme park, child or teenager education sectors*, dengan izin, dan mengehadkan pesalah juga untuk mendampingi anak bawah umur mereka diri sendiri.

Jabatan Kebajikan Masyarakat perlulah masuk campur tangan untuk memberikan hak menjaga anak tersebut kepada pasangan pesalah tersebut, jika ada. Interaksi antara pesalah dan anaknya diri sendiri perlu diselia juga oleh ahli keluarganya atau Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang seterusnya, cadangan yang terakhir iaitu cadangan yang ketiga, saya ingin menyentuh ialah elemen pemulihan bagi pesalah seksual terhadap kanak-kanak.

Saya cadang pindaan tahun 2023 yang dimaksudkan juga mewajibkan program pemulihan pesalah seksual kanak-kanak terutamanya daripada segi psikologi. Pesalah seksual perlu diwajibkan menjalani sesi terapi dan kaunseling kesihatan mental daripada pakar kesihatan mental yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Akan tetapi, di sinilah timbul satu masalah lagi atau cabaran, iaitu pakar kesihatan mental di negara kita, jumlahnya memanglah amat rendah.

Tujuan program pemulihan adalah untuk mengurangkan kadar jenayah berulang sekali lagi. Oleh itu, jika kita- menurut laporan daripada *Office of Sex, Offender, Sentencing, Monitoring, Apprehending, Registering and Tracking (SMART)* di bawah *Department of Justice* Negara Amerika Syarikat, rawatan kesihatan mental terhadap pesalah seksual terutamanya pesalah risiko sederhana dan tinggi dapat mengurangkan kadar residivisme kesalahan seksual, yang sebanyak lima sampai lapan peratus dalam tempoh lima tahun.

Kemungkinan ada yang berpendapat, ini adalah sebegitu sedikit. Akan tetapi, belum kita cuba, belum tahu bagaimana impaknya program ini. *Even one percent*, dengan izin, penurunan kadar residivisme kesalahan seksual, saya anggap sebagai satu kemenangan kecil, *a small victory because there is one less re-offended on the streets, as a result of the treatment programme*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memang / ada- boleh bagi masa dua minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Ada soalan. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai skop fasal 12, RUU ini, iaitu kesalahan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak. Hal ini bermaksud komunikasi antara kanak-kanak yang sama umur itu, ada termasuk juga atau tidak?

Saya ingin mendapat sedikit pencerahan, adakah kanak-kanak ataupun remaja termasuk dalam kesalahan tersebut? *It's not that teenagers might be sexually curious of their age and might communicate with their peers in a possible sexual manner due to the process of the sexual explorations*, dengan izin.

Walaupun saya tidak setuju dengan perkara tersebut yang kurang sesuai daripada pendekatan moral dan agama, namun saya berpendapat bahawa, dengan izin, *teenagers are still in the process of learning what is rights and wrongs*. Kalau remaja bawah umur ditangkap kerana berkomunikasi secara seksual dengan remaja bawah umur yang lain, adakah wajar kita melaksanakan hukuman yang sebegitu berat, yang bakal menghancurkan masa depan remaja tersebut? *Just because of their sexual curiosity- which I stressed again, it is perfectly normal at their age*, dengan izin.

Oleh itulah, saya minta kerajaan meneliti isu ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan penuh saya kepada RUU Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 dan mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang menjangakan hal ehwal undang-undang, yang sentiasa peka kepada kebajikan kanak-kanak. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai atas perbahasan tadi. Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) untuk menjawab. Dipersilakan.

1.19 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
[Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih saya ucapkan kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023, iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah; Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati; Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi; Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina; Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis; Yang Berhormat Senator

Tuan Abun Sui Anyit; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin; dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic.

Saya telah mendengar dan meneliti semua isu, pandangan, cadangan yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, yang mana saya akan menjawab satu persatu, jika diizinkan masa. Kalau saya tidak sempat, saya akan memberi jawapan secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

■1320

Pertama sekali, saya rasa sebelum saya pergi kepada jawapan-jawapan, saya rasa saya cuba hendak terangkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator ya tentang apa yang dirancang oleh kerajaan. Sebenarnya, kalau kita tengok, ini adalah pindaan kepada akta ibu iaitu Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792].

Dalam akta ini, semasa akta ini diwujudkan pada tahun 2017, kita melihat bahawa jenayah seksual kanak-kanak ini lebih kepada apa yang disebutkan wujud dalam *dark web*. Ini berlaku kerana jenayah seksual pada tahun 2017 itu, sesuatu perkara yang baharu dalam masyarakat kita. Jadi, walaupun ia berlaku tetapi terwujud kesalahan-kesalahan yang berkaitan yang kita wujudkan, terutamanya sekali dalam elemen *child pornography*.

Elemen *child pornography* ini, apa yang berlaku adalah pada masa dahulu tahun 2017 itu ialah kalau kita hendak melalui sistem untuk melihat itu, ia melalui sistem *dark web*. Saya ada dalam Dewan ini, saya ada terangkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator. Yang menyebabkan salah satu daripada elemen jenayah seksual kanak-kanak juga dilihat dalam elemen *grooming*. *Grooming* itu maknanya, dia memujuk, dia memanggil dan dia menjemput kanak-kanak atas kononnya dia ialah kawan-kawan yang sebaya, sebagai contoh. Itu dia buat *grooming*. Ini pada tahun 2017.

Jadi, hari ini saya ke dalam Dewan Negara ini selepas daripada Dewan Rakyat mendapat kelulusan ialah membawa satu kesalahan yang baharu, pertama sekali. Kesalahan yang baharu ini ialah bererti akta ibu tahun 2017 ini, dinaikkan tahap atau taraf definisi “pornografi” tersebut kepada “bahan jenayah seksual”. Material yang lebih luas. Sebabnya seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas tadi yang saya dengar, macam-macam yang sedang berlaku sekarang pada hari ini. Yang Berhormat Senator pun bercerita tentang cerita-cerita, pengalaman ataupun orang maklumkan, macam-macam. Terutama, dengan teknologi maklumat yang hari ini, yang paling bahaya Yang Berhormat, ia datang kepada kanak-kanak itu di dalam rumah kanak-kanak itu.

Dahulu, dalam bahasa Inggeris, *perpetrator* itu dari luar. Sekarang ini, anak-anak kita dalam rumah ini, main *WeChat*, *Instagram*, *Facebook*, *Telegram*; itulah sebenarnya, mekanisme yang dipegang dalam poket dia, dalam beg dia, serangan jenayah seksual itu berlaku. Bererti pada tahun ini, tahun 2023, teknologi itu mengacau anak-anak itu lebih *advanced*. Itu sebab kita terpaksa membuat pindaan kepada akta ini dengan menambah nilai

supaya jenayah itu kita meluaskan lagi. Ia tidak lagi pada satu interpretasi yang begitu dalam, dengan izin, *a narrow interpretation. It is a very wide interpretation.*

Sebab jenayah sekarang ini *is very sophisticated*. Macam *scammer-lah*, Yang Berhormat ya. Kadang-kadang orang telefon, saya kadang-kadang pun, kadang-kadang nombor saya tidak kenal, saya tidak angkat. Yang Berhormat telefon saya, kalau marah minta maaf. Sebab saya takut *scammer*. Mereka kata *scammer* ini, saya hendak beritahu bahawa Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Digital, beliau sendiri, mak beliau sendiri, bekas Ketua Setiausaha (KSU) kementerian, dalam masa kurang dari 10 hingga 15 saat, berapa ribu ringgit boleh hilang.

Ini adalah kerana cara bercakap itu, macam betul-betul orang percaya, macam orang baik. Saya tidak tahulah, saya nombor tidak kenal, saya tidak angkat, saya takut. Inikan anak-anak kita di rumah; kita dekat bawah, dia dekat atas, dia main komputer kononnya dia hendak belajar. Macam-macam yang berlaku. Paling dahsyat Yang Berhormat Senator ialah apabila yang berlaku ini- betul, Yang Berhormat sebut tadi betul. Dari luar negara dan bukan hanya di dalam negara kita.

Okey, itu undang-undang hari ini, memang. Kita tidak menafikan kita hendak buat tuduhan orang dalam Malaysia atau luar Malaysia. Memang undang-undang ini menyeluruh. Orang luar pun kita boleh. Itu yang apabila kita ada kes akta tahun 2017 ini, Akta 792, apabila kita mula-mulakan, kita berpengalaman daripada satu kes di mana seorang lelaki *British* itu, dia duduk di Malaysia, dia bekerja sebagai *volunteer* di gereja. Ingat tidak? Dia jumpa budak-budak, *grooming* selepas itu jenayah seksual itu berlaku. Itu secara fizikal.

Hari ini jenayah seksual itu berlaku secara *online*. Itu sebab pindaan yang kita buat kepada seksyen hari ini iaitu mengambil kira jenayah yang begitu sofistikated. Yang Berhormat Senator mesti memahami. Dalam perkara ini, Yang Berhormat ada banyak sebut dan beritahu dari tadi, saya dengar, "*Oh, hukumannya kecil dan tidak begitu banyak.*" Akan tetapi, jenayah ini Yang Berhormat bukan hanya pada satu seksyen.

Apabila mahkamah menuduh, pendakwa raya menuduh mana-mana pihak, tuduhan tersebut Yang Berhormat, ia pergi melebihi daripada seksyen yang tersebut sahaja. Saya baca ya. Contohnya, kita seksyen 4 dahulu, "pornografi kanak-kanak" kita sudah ubah terminologinya. Kemudian, seksyen 5. Seksyen 5, membuat, menghasilkan, mengarahkan perbuatan, penghasilan. Okey, dia membuat. Membuat hukumannya selama 30 tahun.

Jadi, satu dia kena caj untuk membuat iaitu selama 30 tahun. Kemudian, dia pun boleh dituduh di bawah membuat persediaan untuk membuat dan menghasilkan. Maknanya, dia buat *preparation* pun, kena hukuman selama 10 tahun. Sudah 40 tahun. Betul? Kemudian, menggunakan kanak-kanak, mestilah dia gunakan kanak-kanak walaupun *online*. Selama 20 tahun. Sudah 50 tahun. Kemudian, disambung pula dengan bertukar-tukar, menerbitkan. Ya

lah, sebab dia buat *online* perkara seksual ini, dia tidak akan baca sorang-sorang. Dia mesti hantar, hantar dekat kawannya. Tambah lagi 15 tahun. Selama 65 tahun.

Maknanya- kemudian, menjual. Kalau katakan dia hendak buat duit, tambah lagi 15 tahun. Kemudian, mengakses kepada *sexual abuse material* tersebut, aksesnya selama lima tahun. Maknanya Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Senator tidak boleh khuatir bahawa hanya kononnya 20 tahun, 10 tahun, tidak. Apabila dia dituduh, ia dituduh dalam pelbagai *multiple sections*. Itu prosedur yang dibuatkan oleh...

Tuan Abun Sui Anyit: Mohon mencelah, Yang Berhormat Menteri. Mohon mencelah, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Silakan. Silakan.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kerajaan ataupun pindaan ini memberikan kuasa kepada hakim supaya boleh menghukum biasanya *consecutively* ataupun berterusan supaya ia boleh menjadi lama? Adakah peruntukan itu?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Memanglah, kami ada kes, ya. Harapkan pegar, pegar mati ya- pegar mati pula. Bulan puasa pun cakap tersasul. Harapkan pegar, pegar makan padi. Selama 30, 40 tahun diberikan oleh Hakim Mahkamah Jenayah Seksual. Akan tetapi, masalah kita di sini Yang Berhormat, sebenarnya memang jenayah ini ada yang kita hendak buatkan jenayah itu lebih mengambil kira peredaran zaman.

Akan tetapi, masalah kita Yang Berhormat ada sebut tadi, betul. *Underreporting*. Ini yang paling bahaya sebab mereka tidak hendak buat laporan. Atau dia tidak faham. Itu sebab bagi pihak kementerian, saya yang jaga bahagian undang-undang, kita memang mewujudkan, memang ada dengan negara kita apa yang disebut sebagai Pesuruhjaya Kanak-kanak- *Child Commissioner*.

Apa yang kita hendak bawa ke Dewan ini, mungkin pada sesi yang akan datang atau sesi yang lagi satu yang akan datang, kewujudan satu akta bebas supaya Pesuruhjaya Kanak-kanak itu mempunyai kuasa untuk memantau isu-isu yang disebut oleh Yang Berhormat sendiri. Ini sebab sebenarnya, undang-undang yang diwujudkan tidak mencukupi. Saya setuju. Akan tetapi, kita mempunyai sudah undang-undang jenayah seksual kepada kanak-kanak tetapi di bawah Akta Kanun Keseksaan, jenayah-jenayah lain yang berlaku di bawah seksyen Akta Kanun Keseksaan tersebut.

Yang Berhormat ada sebut pelbagai perkara yang berlaku antara kanak-kanak sesama kanak-kanak. Di bawah Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak, kanak-kanak tidak akan diberikan *defense* ataupun pembelaan, tidak dihukum, sebab dia kanak-kanak. Tidak. Sebab dalam perkataan akta ini, "*any person*". Maknanya, sesiapa pun. Akan tetapi, kita tahu dalam negara kita, apabila *perpetrator* ataupun orang yang melakukan kesalahan tersebut, dia akan dipandu Akta Kanak-kanak 2001.

Jadi, Akta Kanak-kanak 2001 ini ialah satu akta yang melihat kepada kanak-kanak yang menjadi mereka yang didakwa. Ada prosedurnya di bawah ini, Jadi, kanak-kanak itu mempunyai syarat-syaratnya yang tertentu. Akan tetapi akta ibu ini, Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak ini, ia tidak mendefinisikan berlainan. Kalau kanak-kanak itu *perpetrator* atau orang dewasa itu *perpetrator*. Okey. Kemudian, ada juga Yang Berhormat...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Azalina Othman Said: ...Menimbulkan isu berkenaan dengan kuasa mahkamah. Memang di bawah akta yang ada sekarang ini, di bawah *Penal* apa- kita punya *Criminal Procedure Code* (CPC). Memang hakim boleh memberikan denda kepada mereka yang sebelum dijatuhkan hukuman. Akan tetapi, di bawah akta ini, Yang Berhormat sekalian, kita memberikan penambahan.

Kalau kita tengok pada akta ini, yang disebut ini, ia menyatakan bahawa memang hakim membuat kiraan-kiraan kepada kes-kes yang mana hakim boleh memberikan hukuman pembayaran ganti rugi macam pampasan. Yang Berhormat juga tanya, macam mana kalau keluarga itu terima pampasan? Kalau keluarga itu pampasan- maknanya keluarga itu yang menerima pampasan, ataupun bolehkah mahkamah memberikan perintah supaya keluarga itu yang membayar, kalau keluarga itu menjadi *perpetrator*? Memanglah, dia tidak ada pembelaan.

There is no defense to any family members. Kalau dia melakukan kesalahan, dia melakukan kesalahan. Kita tidak akan membezakan perkara ini. Akan tetapi, apa yang penting sekarang ini ialah di bawah ini, di bawah seksyen 26(b), kita baca sekali dengan CPC yang ada- *Criminal Procedure Code*, dalam aspek pampasan.

Sebenarnya Ahli Yang Berhormat Senator sekalian, antara masalah dalam banyak kes ini yang berlaku ialah- yang selepas ini saya akan membuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak, ialah masalah apabila pergi ke mahkamah. Bukan masalah melaporkan. Selalunya masalah pergi ke mahkamah. Dalam kes-kes yang mana mengambil masa yang lama, pensaksian itu tidak *occur*, maka kes itu akan digugurkan. Itulah yang menjadi cabaran yang pertama bagi pelaksanaan kepada akta ini.

■1330

Jadi saya hendak jawab pada soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang mana yang ada dalam Dewan pada hari ini.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Dato'...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Hendak penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Tadi pun ada Yang Berhormat Senator yang menyebut tentang perkataan "bahan" *in translation for "material"*, penganiayaan seksual kanak-kanak

seolah-olah macam ringan. Ini dalam definisi lagi sebab itu Yang Berhormat Menteri pun mengulangi jenayah seksual kanak-kanak.

Kenapa tidak kita masukkan dalam RUU ini sementara kita di peringkat ini, masih boleh dipinda supaya memberikan suatu *sense* berat- isu ini *translate* kepada “bahan jenayah seksual kanak-kanak” menggantikan “*child pornography*” itu cadangan saya.

Dato’ Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya perkataan “pornografi” itu yang kita wujudkan dalam Akta Ibu dahulu itu, yang kita buat pindaan ialah kerana yang saya sebut dalam mukadimah saya masa saya membentangkan bahawa standard itu sudah berubah. Ini sebab ayat pornografi yang saya sebut dalam Dewan Rakyat ialah kadang-kadang ia melihat antara *a physical touch of one person to the next person* ataupun *multiple people to one person*.

Akan tetapi disebabkan oleh kecanggihan teknologi, itu yang kita buat pindaan kepada *sexual exploitation* dengan juga kita bercakap tentang *online offenses live streaming* sebab ia dalam kategori yang lebih besar bila kita mendefinisikan dalam bahasa Inggeris, *child sexual abuse material*. Jadi bahan itu luas macam-macam ia boleh *cover*. Kalau hanya pornografi-pornografi ini *interpretation* ia lebih *narrow*, dengan izin, itu beza ia.

Itu sebab pada seksyen 4, 5 dan 6 dalam Akta Ibu ini kita buat pindaan tersebut supaya ia konsisten dan lebih luas. Kita tidak tahu, tahun 2023 ini, kita tahu *online streaming* mungkin tahun 2033, macam-macam perkara yang kemungkinan berlaku.

Jadi saya jawab kepada Yang Berhormat Dato’ Kesavadas, ada Yang Berhormat Dato? Okey, yang mana Yang Berhormat bertanya tentang kanak-kanak yang menjadi mangsa terhadap ancaman daripada pemangsa sehingga boleh menjejaskan tahap kesihatan mental. Adakah ruang atau platform yang akan disediakan menerusi pindaan ini untuk ibu bapa tampil membantu anak mereka?

Sebagaimana kesalahan jenayah yang lain, sekiranya mana-mana orang tahu mengenai perlakuan mana-mana kesalahan jenayah orang itu, termasuklah ibu bapa hendaklah melaporkannya untuk mendapatkan tindakan yang sewajarnya. Seksyen 19 di bawah Akta 792, menjadikan kesalahan yang boleh dihukum denda tidak lebih daripada RM5,000 sekiranya mana-mana orang tidak memberikan maklumat mengenai perlakuan ataupun niat mana-mana orang untuk melakukan mana-mana kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

Selain itu, sekiranya seseorang itu telah disabitkan dengan satu kesalahan seksual terhadap kanak-kanak seksyen 26A memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membenarkan satu perintah pampasan untuk dibayar oleh orang yang disabit kepada mangsa tersebut. Dalam membuat perintah pampasan termasuklah berhubung dengan jumlah wang pampasan yang perlu dibayar kepada mangsa, mahkamah hendaklah mengambil kira apa-

apa faktor, mahkamah fikirkan patut termasuklah perbelanjaan yang ditanggung oleh mangsa seperti kos rawatan, pemulihan dan kaunseling.

Bagi maksud perintah itu mahkamah boleh mengadakan satu *inquiry* di mana pihak yang mempunyai ruang untuk memberikan keterangan masing-masing termasuklah ibu bapa mangsa berkaitan.

Kemudian, Yang Berhormat Senator juga mencadangkan tribunal di bawah KPWKM untuk diperluaskan supaya boleh menerima aduan daripada kanak-kanak tersebut juga. Jawapan saya ialah kerajaan menerima baik cadangan di mana tribunal di bawah Akta Gangguan Seksual diperluaskan dan boleh diperbincangkan lanjut bersama pihak KPWKM. Akan tetapi hari ini saya ingin hendak maklum kepada Yang Berhormat, pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak yang sudah ada dan kita hendak memberikan ia lebih banyak imuniti dan kebebasan.

Harapan daripada kerajaan, *The Office of the Children's Commissioner* (OCC) boleh menjadi satu landasan ataupun, dengan izin, *avenue* yang alternatif juga kepada kanak-kanak. Kalau kita lihat di India dan Indonesia dan juga contohnya sekarang yang lebih dilihat agresif seperti di New Zealand, Pejabat *The Office of the Children's Commissioner* itu, ia akan sentiasa mempunyai pengkhususan dan kepakaran bersama kanak-kanak. Maknanya ia kena *continuously at communicate*. Jadi kita harap pejabat OCC ini pada masa akan datang boleh membuat program-program kesedaran di sekolah-sekolah.

Ini sebab kadang-kadang Yang Berhormat Senator, kanak-kanak apa yang berlaku pada diri mereka yang lebih rendah umur dia tidak ada kefahaman, yang berlaku pada diri mereka itu sesuatu kesalahan seksual. Dia tidak faham, tidak banyak kanak-kanak dia tahu. Itu kita tengok pada umur kanak-kanak tersebut. *That is why* kita memerlukan.

Itu sebab saya sebut di Dewan Rakyat, selepas ini kita pun akan bekerjasama dengan bahagian Rukun Tetangga di bawah Kementerian Perpaduan supaya Rukun Tetangga di kawasan perumahan memainkan peranan juga sebagai mata dan telinga. Kalau tidak, dalam kes-kes ini, bila sesuatu yang berlaku pada stigma pada sebuah keluarga *support system* itu tidak ada yang menyebabkan *that is under reporting*- itu yang berlaku.

Jadi Yang Berhormat Senator juga bertanya tentang kanak-kanak yang menghadapi trauma. Pendekatan digunakan oleh kerajaan untuk menangani penderaan seksual kanak-kanak melalui evokasi, pencegahan intervensi serta perkhidmatan sokongan sosial dan juga kerajaan berpendirian bahawa tindakan pencegahan adalah lebih penting yang saya sebut tadi.

Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah, sahabat lama saya berkata tentang Seksyen 15A. Dia pun susah hati juga tentang isu-isu hukuman tidak begitu *not really punishing* tetapi saya sebut tadi dalam pembentangan saya, saya kata berikat dia, ia tidak

hanya satu seksyen, dia tidak boleh pergi seksyen lain. Jadi kalau campur, campur, campur nanti 100 tahun masuk penjara Yang Berhormat sekalian.

Takut juga orang tetapi *on the negative side* Yang Berhormat, saya perlu berlaku ikhlas dan adil di sini ialah kadang-kadang bila hukuman itu terlampau gigitan ia begitu lama dan pelaku kesalahan itu ialah ahli keluarga itu yang banyak *under reporting* itu berlaku. Contohnya, anak-anak di rumah yang difikirkan kalau dia hendak buat laporan anak perempuan kemudian ayah dia kena tangkap, abang atau atuk dia, mak dia hendak letak dekat mana?

Ini masalah sosial yang kita berhadapan. Undang-undang Yang Berhormat macam mana hebat sekalipun Yang Berhormat Senator pun banyak bahas tadi, ialah masyarakat-masyarakat secara umum. Jadi saya tidak yakin undang-undang ini boleh menjadi penyelesaian tetapi sekurang-kurangnya undang-undang ini memaklumkan kepada mereka sama ada anak-anak muda kah, anak-anak sekolah kah, orang tua atau keluarga bahawa jenayah-jenayah seksual ini akan menjadi satu kesalahan, sama ada secara fizikal atau secara *online* mereka akan dikenakan hukuman.

Bererti, kita berubah dengan masa tetapi *prevention is better than cure*, saya bersetuju dengan Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic bercakap tentang *registering*. *Registering* ini semua di bawah PDRM, tidak di bawah *Registering of Sexual Offences*, Kementerian Wanita. Akan tetapi di Dewan Rakyat Yang Berhormat Senator, lagi dahsyat dia cadang. Dia cakap kalau boleh kita mandulkan. [Ketawa] Yang Berhormat, saya susah hati tiba-tiba salah hukuman hendak masukkan balik macam mana? Betul tidak?

Memang kita marah, kita memang marah, semua marah. Betullah, tetapi bagi saya sepertimana Yang Berhormat Senator sebagai orang-orang lama dalam politik, dalam NGO mengetahui bahawa ini ialah isu masyarakat, *it is community* isu. Selalu berlaku kita kadang-kadang kata, "Oh, Yang Berhormat ada sebut tadi konon B40 lah", kadang-kadang T20 pun berlaku. Dia tidak kenal jenayah, asalkan kita tahu kita boleh lepas kita akan buat. *That is why criminal* ini kadang-kadang dia bukan *naturally born criminal is an opportunity* dan benda ini saya hendak sebut orang marah tetapi ini terbukti. Ketua Hakim Negara sebut apa? Antara kes yang paling tinggi di mana Yang Berhormat...? Di Kelantan.

Saya hendak cakap lebih Yang Berhormat mungkin marah saya, tetapi isu dia, *why in the place that supposed to be very religious- this are the highest offences*. Ketua Hakim Negara sendiri membuat pengakuan. Itu sebabnya Yang Berhormat, ini masalah kita as a society. Itu sebab pada saya, kita haraplah *law is not perfect but this is the way forward*, dengan izin.

Kemudian Ahli-ahli Yang Berhormat juga macam contohnya seksyen 26A dengan 26B yang mana Yang Berhormat Senator bertanya tentang pampasan itu memanglah pampasan.

Akan tetapi di dalam pindaan ini kalau dia tidak mampu bayar pampasan, dia akan masuk penjara, ke dia ingkar bayar pampasan kan? Ini pegawai dari Jabatan Peguam Negara. Saya bercakap kena pandang dia orang sebab dia orang pakar daripada saya, yang belakang ini. Ada yang hakim tetapi sebenarnya mahkamah yang kita ada lima ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bajet lepas sudah bersetuju hendak tambah lagi 20.

Jadi, kita akan ada 25 buah mahkamah sebab kalau mahkamah ini bukan kepakaran Yang Berhormat, hakim bukan pakar, hakim yang tidak begitu faham susah juga Yang Berhormat. Mahkamah ini Yang Berhormat kalau pergi ke Putrajaya, dia mahkamah khas sebab mahkamah ini kalau kita masuk macam sekolah kindergarten, *colour*. Kalau mahkamah ini selalu pakai hitam macam kita Senator ini, muka sedih sahaja kan, Dewan Rakyat sejuk, serius tetapi di Mahkamah Kanak-kanak itu berlainan. Ia lebih *supportive* kepada kanak-kanak itu.

Nanti saya bawa kepada Akta Saksi Kanak-kanak. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Senator tentang perubahan yang kita hendak buat dalam pengambilan penyaksian daripada kanak-kanak. Kemudian Yang Berhormat Senator Datin Ros tidak ada kan? Tidak apalah, saya dengan dia cara bertulis.

■1340

Saya jawab pada yang ada sahaja boleh kah? Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd Apani ada? Tidak ada. Tidak apa tiada. Kirim salam dekat Yang Berhormat Senator yang tidak ada. Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina. Ada. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat merujuk pada 26B tempoh masa pembayaran pampasan. Jadi, saya jawab di sini bahawa tempoh masa yang ditetapkan tertakluk pada budi bicara mahkamah Yang Berhormat Senator dan mengambil kira faktor-faktor tertentu seperti keupayaan dan kemampuan. Betullah ia akan mengira.

Akan tetapi, sebenarnya yang dia tengok- pampasan ini macam saya sebut tadi ialah lebih kepada isu elemen bantuan daripada segi *mental health*. Contohnya, kaunseling. Oleh sebab, hanya pampasan dalam yang kita lihat itu tidak boleh tengok pada pampasan itu sahaja sebab selepas kes didakwa, proses pergi ke mahkamah. *It is a process* yang memerlukan banyak elemen *or* membantu mereka menentang pada elemen trauma yang berlaku pada diri mereka.

Cuba Yang Berhormat Senator bayangkan anak-anak kecil balik sekolah. Sekolah itu rumah itu patut jadi tempat perlindungan. Hendak tidur, hendak belajar, hendak baca, hendak makan tetapi dia pergi ke rumah, rumah itulah menjadi tempat yang paling menakutkan. Tidak traumatik kah Yang Berhormat? Kalau besar panjang itu dia bolehlah lari pergi rumah kah, dia boleh buat laporan. Mereka yang kecil-kecil tidak faham. Itu sebab elemen pampasan yang dikaji oleh hakim, dahulunya bawah CPC itu Pendakwa Raya yang minta pampasan.

Sekarang di bawah akta ini, kita hendak kan hakim memainkan peranan yang lebih proaktif menjadi hakim yang lebih *inquisitorial* sebab hakim yang dapat menilai. Oleh sebab, ini yang bagi kita lebih penting pada kanak-kanak ialah rehabilitasi.

Jadi, apakah proses *inquiry*? Yang Berhormat pun tanya ialah bermaksud hakim akan memberi peluang pada pihak-pihak yang terlibat untuk mengemukakan apa-apa tuntutan oleh mangsa bagi menentukan jumlah pampasan yang berpatutan. Secara terang berkenaan dengan Yang Berhormat, yang mana saya tidak jawab saya jawab secara bertulis. Kemudian, Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis. Ada, tidak ada? Kirim salam lagi. Yang Berhormat Senator Tuan Abun? Yes Yang Berhormat.

Peruntukan tambahan diberikan pada institusi keagamaan supaya dapat diperkuatkan bantu daripada segi pendidikan moral dan rohani. Cadangan ini saya akan maklumlah kepada kementerian atau agensi yang berkenaan. Akan tetapi, inilah anggapan yang saya sebut tadi partisipasi oleh masyarakat secara umum. Macam saya sebut tadi rukun tetangga. Ini adalah cara-cara ke hadapan- *way forward*. Sekolah juga perlu memainkan peranan Yang Berhormat dalam memberikan kepada elemen *awareness*. Akan tetapi, kadang masalah kita ini saya sebut ini Yang Berhormat Senator sebagai Senator yang lebih daripada *the Upper House*. Lebih terbuka pemikiran.

Kadang-kadang ini topik yang begitu sensitif yang hendak dibincangkan oleh sekolah ataupun masyarakat. *But this is something* yang kita kena *address*. Itu sebab kerajaan akan memberikan tanggungjawab pada Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak. *Child Commissioner, Office of the Child Commissioner*. Oleh sebab, kita hendak *Child Commissioner* itulah mainkan peranan untuk berhubung dengan semua agensi, dengan institusi keluarga, dalam badan-badan agama supaya pendidikan itu ada. *That is an awareness campaign*.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Ada? Oh, ada Yang Berhormat. Tidak nampak saya tadi. Seksyen 26A mengenai perintah bayaran pampasan mengapa peruntukan tersebut menyebut pampasan adil dan munasabah dan tidak spesifik. Seksyen 26A dan soal mengenai pampasan merupakan perkara yang bersifat subjektif. Ia merupakan budi bicara mahkamah untuk menentukan jumlah pampasan yang sesuai untuk mengambil kira faktor yang dinyatakan dalam subseksyen 26A(4)(a), (b), (c), (d) dan (e). Tambah lagi mahkamah boleh mengadakan *inquiry* untuk menentukan jumlah pampasan yang munasabah dan keputusan mahkamah boleh dirayu di Mahkamah Tinggi. Oleh itu, perkataan '*ada dan munasabah*' adalah selaras dengan budi bicara mahkamah dalam membuat keputusan.

Seksyen 15A, dan 15B juga jika penganjur itu bukan orang Malaysia, Yang Berhormat bertanya, penjenayah itu orang dari luar negara. Jawapannya seksyen 3, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak memperuntukkan bahawa jika mana-mana kesalahan di bawah Akta 792, mangsa kesalahan dinyatakan dalam Jadual sekiranya mangsa itu kanak-

kanak dilakukan oleh warganegara Malaysia terhadap mana kanak-kanak tempat di luar Malaysia dia boleh diurus berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat dalam Malaysia.

Ini bermakna, sungguhpun pelaku itu berada di luar Malaysia, tindakan boleh diambil terhadapnya selaras dengan seksyen 3 Akta 792. Ini adalah berasaskan kepada Perkara 73 Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, "*Extend of Federal in State Laws. In exercising the legislative power- conferred on by this Constitution, a Parliament may make laws for the whole or any part of the Federation and laws having effect outside as well as within the Federation*", dengan izin.

Selain itu daripada aspek undang-undang antarabangsa *nationality principal*, dengan izin, membenarkan sesuatu negara menjalankan bidang kuasanya terhadap warganya bagi kesalahan yang dilakukan di mana-mana sahaja di luar negara.

Namun, bagi maksud pelaksanaan seksyen 3, Akta 792 ini ia turut melibatkan pemakaian undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2022 dan Akta Ekstradisi. Ia kerana berdasarkan *nationality principal*. Walaupun sesuatu negara boleh menjalankan bidang kuasanya terhadap rakyatnya bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang itu di mana-mana sahaja, namun bidang kuasa tersebut tidak dapat dilaksanakan melainkan jika warganegara itu berada di dalam negara itu. Bagi maksud mendapatkan keterangan luar negara, peruntukan dalam Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2022 terpakai bagi maksud ekstradisi peruntukan dalam Akta Ekstradisi.

Kedua-dua akta ini dilaksanakan dengan pewujudan triti di antara kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak ada triti di antara kedua-dua negara, bantuan masih boleh diberikan melalui arahan khas. Kesimpulannya, peruntukan ini menunjukkan keseriusan kerajaan untuk menangani kesalahan seksual dilakukan terhadap kanak-kanak tidak kira di mana juga mereka...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sedikit?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Silakan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata mengenai rukun tetangga kena memainkan peranan. Bolehkah kalau jika kita tubuhkan satu- jawatankuasa yang berkait dengan kementerian-kementerian? Macam KPKT untuk rukun tetangga. Pendidikan untuk sekolah-sekolah. PDRM, Kementerian Dalam Negeri. Di mana kita memberi penerangan terutama kepada anak-anak kita, kanak-kanak yang bawah umur ini. Oleh sebab, saya percayai sangat-sangat terhadap *prevention is better than cure*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap lah kalau boleh Yang Berhormat Menteri mengambil kira untuk penubuhan jawatankuasa ini juga. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang saya setuju sangatlah sebab ini isu masyarakat. Itu sebabnya harapan tinggi saya pada Pejabat *Child Commissioner*, Pesuruhjaya Kanak-kanak. *Office of the Child Commissioner* yang kita akan wujudkan satu akta khas. Ini lah peranan yang perlu dilakukan.

Oleh sebab, kalau hendak bercakap tentang kanak-kanak sebelum saya akhiri, yang mana saya tidak jawab, saya jawab secara bertulis ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat- dia kanak-kanak itu dalam elemen banyak kebajikan sahaja. *An element of welfare*. Dia bukan adanya khas Jabatan Kanak-kanak. Yang Berhormat faham tidak?

Maksudnya, *there is no agency* dalam negara kita yang khusus pada kanak-kanak. Apa yang kita ada Kementerian Belia Dan Sukan. Dia ada Jabatan Belia. Kita ada Kementerian Perpaduan yang melihat pada isu-isu *multirace*.

Akan tetapi, kanak-kanak ini dilihat pada elemen kebajikan keluarga dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat . Maknanya, *it is an element of family* bila- itu sebabnya *the element of* mewujudkan Pesuruhjaya Kanak-kanak yang memang di bawah SUHAKAM tetapi sekarang ini kita hendak berikan ia kebebasan dan imuniti, dia boleh 'gigit', ada 'gigi' supaya dia dapat membantu negara kita dalam pemantauan isu kanak-kanak. Bercakap dengan *interagency*, bercakap dengan masyarakat, *inter religion*. Banyak dia boleh buat.

Kalau hendak harapkan agensi kerajaan kita tidak boleh sebab hendak menggerakkan elemen melindungi kanak-kanak banyak memainkan peranan bukan sahaja daripada badan politik tetapi juga badan-badan NGO. Ia merupakan elemen masyarakat. Undang-undang- saya mengaku tidak akan dapat menyelesaikan. Oleh sebab, masalah kita ialah *under reporting*. Kemudian, lepas saya hendak buat perbahasan lepas ini dalam segi Akta Saksi Kanak-kanak, kita akan buktikan dalam banyak kes, bila pergi ke mahkamah, banyak kes yang digugurkan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Silakan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ingin saya satu soalan. Saya dah teringat banyak kali hendak bawa ini tetapi tidak dapat. Iaitu sebelum saya melihat *stimulator*, perangsang yang paling besar dalam membentuk suasana ini sekarang ini adalah berada di tangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Bukan maksud saya hendak tanya hal-hal komunikasi multimedia itu pada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, adakah juga ruang di situ di peringkat Kementerian Undang-undang bagi boleh menyekat kemasukan bahan-bahan yang terlalu dahsyat sehingga umur yang belum cukup dua tahun pun tangan dah ligat di telefon dan dia dididik sampai umur dia dewasa dan sampai umur tua.

Jadi, sebab itu daripada kecil ini sudah semua terangsang dengan apa perkara yang kita bincangkan. Hubung kait itu dengan Kementerian Undang-undang untuk membendung perkara ini di peringkat kementerian yang terbabit. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat cakap itu memang betul. Sekarang ini bila saya sebut tentang *online offenses*, yang pelaksanaannya juga bergantung pada Kementerian Komunikasi dan Digital.

■1350

Oleh sebab Kementerian Komunikasi dan Digital dengan syarikat-syarikat telco, dalam negara Barat dia ada tanggungjawab, *duty*. Dia kena turunkan dan dia kena pantau dan cari. Jadi, kalau pornografi itu, dia kena buang tetapi kalau *telco company* dia hendak buat duit sahaja, berapa banyak kita *surfing*, dia dapat buat *billing*, dia tidak akan pantau.

Itu sebab selepas kita buat pindaan ini, kita berhadap bahawa Kementerian Komunikasi dan Digital akan mengikuti dengan Akta Komunikasi yang ada supaya dia boleh masuk dan dia boleh pantau... [*Tepuk*] Itu harapan kita.

Keduanya, kalau sistem yang kita ada ini, Yang Berhormat tahu sistem sekuriti ini, kita boleh tengok *terrorists* dalam kawasan-kawasan kita. Kadang-kadang dia ada *communication* dengan negara-negara luar, kita tahu apabila *terrorists* sampai. Kenapa tidak boleh kalau dalam kawasan sekolah itu, kalau orang itu dekat-dekat kawasan sekolah *surfing website* kanak-kanak, pornografi kanak-kanak maknanya bakal hendak jadi rangsangan.

Macam kata Yang Berhormat. Mereka yang bekerja di dalam kawasan sekolah, dalam sekolah. Jadi kena mungkin sistem telco ada sistem, kalau dalam kawasan sekolah, dia kena *red alert*, "Eh, ini sudah tidak boleh ini". Orang dekat-dekat situ, yang dia bekerja dekat situ, itu yang dia tengok. Apabila dia tengok, Yang Berhormat cakap betul, itu yang rangsangan dia.

Akan tetapi yang saya paling takut Yang Berhormat ialah *online perpetrator* dia menjadi macam kawan, senyum-senyum, gelak-gelak macam budak kecil tetapi sebenarnya orang tua dekat sebelah itu. Jadi budak itu main, main, main satu orang dia ingatkan 10 orang kawan dia, semua orang tua-tua dari luar negara, makna Yang Berhormat cakap itu betul. Ini yang lagi bahaya sebab dia pandai cakap, dia pandai pujuk selepas itu dia meminta satu-gambar. Selepas itu dia bagi gambar. Dapat duit sedikit. Gambar, ajak keluar, ajak jalan, tiba-tiba dia *blackmail* budak itu macam kita buat pindaan akta ini, sebab dia kata dekat kanak-kanak itu kalau tidak bagi lagi banyak gambar, lagi dia akan sebarkan kepada kawan-kawan.

Kemungkinan berlaku kawan sekolah. *Boyfriend, girlfriend*. Yang Berhormat cakap betul. Semasa tengah bercinta, macam-macam gambar dia bagi. Apabila bergaduh, gambar itu dia pergi tabur kepada kawan-kawan. Jadi dalam pindaan akta ini, kawan-kawan, *ex-boyfriend, ex-girlfriend* pun kita akan kejar. Dia tidak boleh main-main gambar.

Itu sebab Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat dapat apa-apa dalam telefon kah, iPad atau apa, benda ini pelik- Yang Berhormat jangan *forward* Yang Berhormat. Dalam akta ini, kalau Yang Berhormat *forward*, saya kena tuduh Yang Berhormat atas jenayah seksual. Oleh sebab Yang Berhormat telah terima *online*. Jadi Yang Berhormat, bila tengok pelik sedikit, padam. Tidak payah *forward*. Jangan pula tanya Yang Berhormat Senator Zurainah, "Benda ini apa ini?" Selepas itu dia pula pergi hantar kepada Yang Berhormat Dominic, "Ini apa ini?" Semua kena tangkap selepas ini. Tidak boleh. *First rule*- benda itu pelik, lain sedikit, kita padam dan kita repot. Barulah kita boleh pantau.

Masalahnya kadang-kadang kita tidak tahu. Kadang-kadang kita tengok dan kita gelak-gelak, bukan? Ini tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator faham maksud saya. Ini semua, kata orang bukannya iblis tetapi perangsang. *Wallahualam*.

Dengan itu saya ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator kerana menyokong dan memahami tentang langkah serius yang diambil oleh kerajaan dalam isu ini. Kita berhadap pada sesi akan datang, kita akan mewujudkan lebih banyak perlindungan kepada kanak-kanak melalui sistem undang-undang dan dengan ini saya berharap bahawa negara kita ini tidak akan menjadi sebuah negara yang selamat untuk *paedophilers*. Maknanya orang menganggap Malaysia ini sebuah negara yang senang untuk dia mewujudkan jenayah seksual kepada kanak-kanak Malaysia dalam negara kita.

Dengan itu, saya ucapkan terima kasih. *Insyaa-Allah* segala yang baik datang daripada Allah SWT... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), atas jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Timbalan Pengerusi: Sila Yang Berhormat

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya bangun untuk- ada benda kita hendak bangkitkan.

Timbalan Pengerusi: Silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya tidak faham prosedur Dewan Negara ini. Kalau di peringkat sana, Peringkat Jawatankuasa, kita boleh...

Timbalan Pengerusi: Jika ada perbahasan, silakan Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya, sebab itu saya bangun.

Timbalan Pengerusi: Silakan.

1.55 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih. Yang saya hormati, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dua perkara.

Satu, dalam keseluruhan rang undang-undang ini, saya hendak mencadangkan supaya *translation* ataupun alih bahasa yang dikemukakan iaitu “bahan penganiayaan seksual kanak-kanak” ditukar kepada “bahan jenayah seksual kanak-kanak.” Atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, untuk memberikan unsur kejenayahan supaya berbeza dengan pornografi yang tidak memberikan penekanan sedemikian. Itu yang pertama.

Yang kedua, dalam bab 26B, iaitu mengenai gantian kepada pampasan yang tidak dapat dibayar oleh mereka yang telah didapati bersalah, yang *convicted* ini iaitu kalau pampasan yang dia tidak bayar tidak sampai RM500, maka akan dikenakan tambahan satu bulan penjara. Sebulan, RM500.

Kalau yang patut bayar antara RM500 dan RM1,000 dia tidak boleh bayar, dua bulan *extension* penjara dia kepada apa juga hukuman yang asal. Mungkin yang 10 tahun tadi, jadi 10 tahun dua bulan. *In other cases*, dalam bahasa Inggeris, *sorry*. Dalam kes-kes yang lain, ertinya lebih daripada RM1,000 pampasan yang *diaward* atau yang diputuskan oleh mahkamah, kalau dia tidak boleh bayar, enam bulan tambahan kepada penjara, enam bulan. Itu sahaja maksimum nampaknya dalam senarai ini.

Ertinya saya tadi di awal pembentangan, saya menjangkakan pampasannya mesti besar. RM50,000 contohnya, bayar kepada keluarga anak ini yang telah dianiayai ataupun yang telah mengalami jenayah ini. Akan tetapi kalau itulah *awardnya* dan dia tidak mampu bayar, masih enam bulan juga. Ya? Kalau ada kita hendak tadi 50 tahun penjara. Apakah ada enam bulan pada 50 tahun? Tak payah bayarlah. Sambung sahaja enam bulan, dapat *one-third* punya, satu pertiga nanti dibebaskan. Tidak ada kesan apa-apa.

Jadi apakah tidak boleh kita nilai semula jumlah tersebut untuk menggambarkan seriusnya kita tentang pampasan itu untuk mengganti rugi malapetaka yang menimpa anak-anak itu pada satu jumlah yang lebih besar? Terima kasih.

Timbalan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri, menjawab.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, saya ucap terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat.

Sebenarnya perkataan yang kita gunakan dalam terma pornografi di bawah seksyen ini tujuan menggantikan terma “pornografi” dengan “bahan penganiayaan seksual kanak-

kanak". Saya sebut tadi dalam mukadimah pembentangan saya ialah saya menyatakan bahawa kita melihat kepada standard antarabangsa sekarang kerana perkataan pornografi kanak-kanak itu dilihat yang saya sebut tadi sebagai *a bit too narrow*, dengan izin.

Maka negara-negara Barat di luar sana banyak negara menggunakan *child sexual abuse material* kerana terma ini dilihat melebihi daripada elemen pornografi dan ia memberikan gambaran kepada beberapa elemen *child sexual abuse material* iaitu eksploitasi dengan secara bentuk *abusive* dalam imej seksual kanak-kanak. Maknanya ayat dia *child sexual abuse material* itu adalah lebih luas daripada mengatakan Yang Berhormat mencadangkan *child sexual...*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya mencadangkan bukan menggunakan perkataan '*penganiayaan*'. *Translation* di sini iaitu *material* ataupun bahan penganiayaan seksual kanak-kanak. Itu dia. Yang saya pertikai bukan pornografi itu. Pornografi itu kita hendak *translate* apa *translation child pornography abuse*.

■1400

"*Abuse*" itu, dalam *translation* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah "*Penganiayaan*". Saya hendak kata, "*Penganiayaan*" itu ringan sangat *if compare to the English version of "Abuse"*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya hendak mencadangkan cadangan ialah "Bahan jenayah seksual kanak-kanak" *instead of* "*Penganiayaan*". Itu sahaja. Sebab, kalau "*Penganiayaan*" tadi, sampai tidak nampak ya. Dia aniaya, aniaya. Yang ini kita *sort-* supaya ada *connotation crime*, jenayah di situ. Letak perkataan "Jenayah". "Bahan" itu sudah menggambarkan, *it reflects material* termasuklah pornografi, video ataupun *sound, whatever*. Itu yang saya cadangkan tukar daripada "*Penganiayaan*" kepada "Jenayah" dalam *term* yang kita *translate*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apabila kita bercakap tentang perkataan "Kanak-kanak", kita terikat dengan Akta Kanak-kanak 2001. Dalam Akta Kanak-kanak 2001, dia memberikan pendefinisian tentang penganiayaan *for abuse*, kalau Yang Berhormat, baca kepada terminologi tentang penganiayaan *for abuse*. Ini kerana apabila kita bercakap tentang *child* dalam *element of abuse*, kita melihat perkataan "Bahan" itu sebagai lebih luas. Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa perkataan "Bahan" itu agak tidak menggambarkan sifat jenayah, pembacaannya adalah bersama, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya tidak mempertikaikan "Bahan". "Bahan" itu perlu sebab pornografi *is* bahan, *anything is* bahan. Cuma, "*Penganiayaan*". *What is the translation of "Penganiayaan" in English, is it abuse?*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Kita guna *abuse in English version*.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Kalau itu sudah ada ditakrif, lainlah. Tetapi saya menjangkakan...

Dato' Sri Azalina Othman Said: *The blue bill*, perkataan dalam *English*, kita menggunakan- perkataan *interpretation* dalam bahasa Inggeris ialah apa yang disebut sebagai "*Child sexual abuse material*". Perkataan "*Abuse*" itu ada.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Bahasa Melayu?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Bahasa Melayu itu kita guna di bawah Akta Kanak-kanak iaitu "Bahan penganiayaan seksual kanak-kanak". Yang Berhormat hendak mencadangkan "Penganiayaan" itu diselarikan dengan "*Abuse*"?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *No*.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Habis?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Penganiayaan ini...

Dato' Sri Azalina Othman Said: So, "Bahan penganiayaan seksual kanak-kanak". Itu ayat bahasa Malaysia.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Itu yang saya hendak tukar. "*Abuse*" itu tetap. "Penganiayaan" itu. Adakah "Penganiayaan" ada unsur jenayah? Kalau tidak ada...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Penganiayaan itu unsur jenayahlah.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tidak kuat itu. Itu yang *point* saya, tidak kuat. Kalau kita hendak tunjukkan kekuatan.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Kita buat pembacaan bersama dengan Akta Kanak-kanak, kan? Bacaan kita bersama dengan Akta Kanak-kanak 2001, Yang Berhormat. "*Abuse*", penyalahgunaan kuasa.

Kemudian Yang Berhormat bercakap tentang isu denda, kan? Denda yang disebut itu sebenarnya...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Pampasan. Bukan denda.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Pampasan. Maknanya kalau dia memberikan pampasan dan dia diberikan masa untuk bayar, kegagalan pampasan itu ditukarkan dengan kemasukan ke penjara. Yang Berhormat hendak mencadangkan kalau lebih daripada RM1,000, cadangan Yang Berhormat itu masuk penjara lebih daripada enam bulanlah, kan? Yang Berhormat mencadangkan penjara lebih lama sebab dia gagal hendak membayar?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Kalau RM1,000 dia tidak boleh bayar, enam bulan itu munasabah, tetapi kalau denda atau pampasan yang di-*award* oleh mahkamah itu RM50,000, enam bulan jugalah. Ertinya, buat apa kita bayar?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Betul. Akan tetapi, Yang Berhormat, sebenarnya apabila kita tengok kepada undang-undang, banyak undang-undang ini bahasa dia selalu kepada budi bicara mahkamah. Sebab, apa pun Yang Berhormat kata bahawa walaupun jumlah mana yang kita letak, masih terletak kepada budi bicara mahkamah yang membuat

penentuan. Sebab, mahkamah akan kira semua faktor daripada *perpetrator*, dengan izin, dan juga pada *victim*.

Itu sebabnya dikatakan, “Mahkamah yang membuat perintah boleh membuat semua atau mana-mana yang berikut”. Maknanya, bacaan mahkamah itu lebih luas. Jadi, kalau mahkamah membacakan penggantian itu, ia terpulang kepada mahkamah untuk membuat pembacaan. Sebab, kita memberikan *guideline*, “Tempoh yang baginya mahkamah mengarahkan supaya orang yang disabitkan itu dipenjarakan apabila ingkar membayar jumlah wang itu atau tiada *distress* yang mencukupi untuk menyelesaikan apa-apa jumlah wang yang tidak boleh melebihi skala yang berikut.”

Ini merupakan pemenjaraan yang dicadangkan. Sebab, ia dilihat sebagai kegagalan-sebab, kalau kita tengok dalam jenayah-jenayah kesalahan, dia memasuki hukuman penjara dan denda. Akan tetapi, daripada segi pampasan itu ialah pembayaran kelebihan, maknanya *extra on top of* daripada denda yang ada. Jadi, terpulang kepada dia hendak menyatakan kepada hakim.

Sebenarnya, Yang Berhormat, saya selalu percaya bahawa hakim mahkamah yang selalu menentukan, walaupun tidak boleh bayar, dalam kebanyakan kes, mereka akan membincang lagi dengan pelaku kesalahan apakah alternatifnya. Betul Yang Berhormat kata, kalau dia tidak mampu hendak bayar pun RM500, macam mana dia hendak *compensate* kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa. Betullah kata Yang Berhormat.

Akan tetapi di sini, dalam kesalahan ini, selalunya kepada elemen hakim untuk menilai kepada *perpetrator* itu, Yang Berhormat. Kalau hakim tengok *perpetrator* itu lebih kurang B40, saya rasa hakim tidak akan memberikan penilaian sebab kalau kita tengok ini, perkataannya ialah hakim mesti berpuas hati. Kalau dia kata kepada hakim dia tidak mampu RM500 kah, RM100 pun dia tidak mampu, saya rasa takkan hakim hendak bagi denda kepada dia.

Ini berlaku apabila hakim tengok, dia boleh bayar denda dan dia setuju hendak bayar. Macam orang hendak bayar nafkah cerai, Yang Berhormat. Depan Hakim cakap, “Ana boleh bayar RM2,000 sebulan.” Lepas daripada itu, tidak bayar. RM200 pun tidak bayar. Anak pun tidak ada susu pun, minum, makan semua tidak ada. Macam mana, Yang Berhormat? Pergi balik kepada mahkamah, mahkamah panggil kata, “Tak bayar, masuk penjara.” Dalam banyak kes, apabila mahkamah panggil, barulah tidak masuk penjara sebab dia cari duit hendak bayar. Itu maknanya pada elemen ini ialah elemen hakim itu, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Timbalan Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kita dapati tiada pindaan.

[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), (Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.08 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023 dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini bersama-sama tentang beberapa perjalanan kanak-kanak yang menjadi mangsa kehidupan atau situasi yang ditempuhi oleh mereka dan juga yang menjadi saksi kanak-kanak.

Apabila sesuatu kes mendapat perhatian daripada pihak berkuasa, kanak-kanak yang terlibat akan dipanggil untuk memberikan keterangannya di balai polis. Selepas laporan dibuat, Timbalan Pendakwa Raya atau, dengan izin, *Deputy Public Prosecutor* akan memutuskan untuk mendakwa tertuduh dalam kes berkenaan di mahkamah.

Susulan daripada itu, kanak-kanak tersebut akan diminta untuk menunggu tarikh perbicaraan bagi memberikan keterangan di mahkamah yang berkemungkinan besar akan mengalami penangguhan demi penangguhan yang disebabkan oleh faktor-faktor luar seperti yang berkaitan dengan isu peguam bela, pemilihan hakim, isu bukti forensik atau ketiadaan saksi-saksi lain.

Selepas tempoh yang begitu lama, ingatannya telah menjadi kabur dan dengan cara atau kaedah soal jawab oleh peguam bela yang menakutkan, tertuduh dalam kes tersebut mungkin tidak berjaya disabitkan atas kesalahannya. Segala-galanya akan menjadi sia-sia. Suasana dan sifat mahkamah sering menakutkan orang dewasa apatah lagi kanak-kanak, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti mana Dewan ini sedia maklum, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 dikuatkuasakan pada 31 Disember 2007 bertujuan untuk mengadakan peruntukan hubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak dalam mana-mana kes.

■1410

Akta ini memperuntukkan prosedur atau cara yang mana saksi kanak-kanak boleh memberikan keterangan termasuklah seperti mengadakan pengadang di antara kanak-kanak dengan yang tertuduh, rangkaian secara langsung- *live*, rakaman video serta penemuan orang dewasa dan pemeriksaan saksi kanak-kanak melalui perantaraan- *intermediary*. Keadaan-keadaan ini di bawah Akta 676 ini sudah wujud dan bersifat mesra kanak-kanak dan boleh membantu saksi kanak-kanak memberi keterangan di mahkamah. Ini sudah wujud, Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, Akta 676 ini tidak pernah dipinda selama 16 tahun sejak ia diwujudkan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa pendekatan dan kaedah baharu yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di negara lain yang boleh kita contohi berhubung dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak. Rang undang-undang pindaan, Akta 676 ini mengandungi enam fasal, Tuan Yang di-Pertua yang melibatkan peruntukkan utama seperti berikut;

- (i) menaikkan umur saksi kanak-kanak daripada di bawah 16 tahun kepada di bawah 18 tahun;
- (ii) memasukkan peruntukkan yang berhubungan dengan pendengaran khas- *special hearing*, bagi saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan; dan
- (iii) melarang soalan tidak wajar- *improper question* kepada saksi kanak-kanak.

Fasal-fasal adalah seperti yang terperinci dalam rang undang-undang dengan izin saya ingin menghuraikan beberapa fasal yang penting.

Fasal 3 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 676 untuk menyatakan pendengaran khas bagi salah satu cara bagi saksi kanak-kanak memberikan keterangan di bawah Akta 676. Berdasarkan peruntukkan sedia ada Akta 676 ini, terdapat beberapa cara untuk membantu saksi kanak-kanak memberikan keterangan termasuk penggunaan rakam video temu bual polis bersama kanak-kanak sebagai keterangan pemeriksaan utama. Walau bagaimanapun, saksi kanak-kanak masih perlu menghadiri perbicaraan untuk menyertai pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula yang kadangkala dijalankan berbulan-bulan atau bertahun-tahun selepas kejadian tersebut berlaku.

Baru-baru ini beberapa buah negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, India dan Thailand telah meminda undang-undang mereka untuk membenarkan satu keterangan saksi kanak-kanak semasa pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula dirakamkan sepenuhnya yang disebut sebagai 'pendengaran khas' ataupun dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, diwujudkan *special hearing*, yang

dipercepatkan dan rakaman keterangan saksi kanak-kanak ini kemudiannya dimainkan di mahkamah pada hari perbicaraan tanpa perlunya kehadiran kanak-kanak tersebut.

Dalam hal ini, peruntukkan lain sedia ada dalam Akta 676 seperti mengadakan pengadang, *live*, membenarkan mana-mana orang saksi kanak-kanak masih juga akan terikat dan berjalan. Ia terpakai. Seperti cara memberi keterangan oleh saksi kanak-kanak di bawah Akta 676 ini, pendengaran khas tersebut juga menjadi pilihan dan bukannya mandatori. Bererti di sini bahawa kita mewujudkan satu klausa pindaan supaya *special hearing* atau pendengaran khas ini boleh diadakan tetapi bukan wajib. Jadi, kalau hakim melihat perlunya diadakan pendengaran khas sebelum perbicaraan yang sepenuhnya berlaku, dibenarkan di bawah Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya kerajaan turut berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk meminda Akta 676 bagi melarang mengemukakan soalan-soalan yang tidak wajar- *improper question* kepada saksi kanak-kanak. Berdasarkan sistem keadilan jenayah di Malaysia yang berpandukan sistem *adversarial*, yang dituduh mempunyai hak untuk mencabar kesahihan bukti-bukti yang dikemukakan terhadapnya.

Walau bagaimanapun, sesi pemeriksaan balas atau dengan izin *cross examination* yang berlaku antara peguam bela dan saksi kanak-kanak di mahkamah sering dilihat sebagai satu perkara yang tidak adil kepada mangsa kanak-kanak kerana kurangnya sensitiviti terhadap kanak-kanak terutamanya dalam konteks mangsa kanak-kanak.

Peguam bela juga sengaja mengenakan struktur ayat yang mengelirukan, bertanya soalan yang dalam bahasa di luar kemampuan perkembangan saksi kanak-kanak. Bertanya soalan secara berulang-ulang atau berfokus kepada butiran kecil, mengelirukan saksi kanak-kanak supaya bersetuju dengan soalan yang memimpin dengan izin, *leading question* atau menggunakan taktik antara lain mengganggu, memperdaya dan menakut-nakutkan dan menghina kanak-kanak tersebut. Taktik-taktik ini boleh meningkatkan potensi kesilapan semasa saksi kanak-kanak memberikan keterangan dan menyebabkan mereka mengalami tekanan yang tidak wajar.

Bagi memastikan layanan yang adil diberikan kepada seorang saksi kanak-kanak, pindaan dicadangkan untuk memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah melaksanakan kawalan terhadap soalan-soalan yang ditanya yang tidak wajar terhadap kanak-kanak dengan izin, *improper question* pada saksi kanak-kanak semasa sesi pemeriksaan balas. Berdasarkan perkara-perkara yang telah saya nyatakan melalui fasal 4 rang undang-undang ini, seksyen baharu iaitu 6B dimasukkan ke dalam Akta 676 bagi memperuntukkan larangan soalan yang tidak wajar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menjadi ahli kepada Konvensyen Hak Kanak-kanak atau, dengan izin, *Convention on the Rights of Child* (CRC) pada 17 Februari 1995. Sepanjang 28 tahun Malaysia menjadi negara ahli CRC, Malaysia telah berikrar untuk memberikan

komitmen bahawa Malaysia akan sentiasa dan terus berusaha untuk melaksanakan yang terbaik untuk kanak-kanak di Malaysia. Marilah kita terus berpegang pada ikrar ini demi mewujudkan persekitaran yang lebih mesra dan selesa untuk kanak-kanak kita dalam sistem keadilan jenayah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Minta sokongan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada tujuh orang Ahli Yang Berhormat untuk berbahas dan saya bagi masa selama lapan minit. Dipersilakan pembahas yang pertama Yang Berhormat Dato' Kesavadas. Dipersilakan.

2.16 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi peluang kepada saya untuk berbahas rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, kehadiran kanak-kanak sebagai saksi bagi satu-satu perbicaraan di mahkamah merupakan perkara penting yang boleh mengukuhkan lagi justifikasi pendakwaan atau pembelaan di mahkamah.

Pindaan seksyen 2(b) yang menaikkan had umur bagi seseorang saksi kanak-kanak merupakan satu langkah reformasi perundangan ke arah mewujudkan ruang penghakiman yang lebih luas kepada kanak-kanak terutamanya yang melibatkan kes jenayah penganiayaan seksual.

Keterangan seseorang saksi kanak-kanak yang dibuat menerusi rakaman video mempunyai kekuatan serta kelemahan yang tersendiri. Bagi kanak-kanak istimewa yang memerlukan bimbingan untuk berkomunikasi, keterangan yang diambil kadangkalanya memerlukan *credible deception* dengan izin untuk pentafsiran yang tepat. Tanpa pentafsiran yang konkrit, kenyataan yang diberikan oleh saksi kanak-kanak itu berisiko untuk berdepan dengan keraguan yang boleh menjejaskan kelancaran satu-satu perbicaraan mahkamah yang melibatkan kanak-kanak sebagai *prime witness*.

Seiring dengan pelaksanaan sesi pendengaran khas yang digariskan dalam pindaan akta ini, saya berpendapat bahawa seseorang saksi kanak-kanak perlu menjalani pemeriksaan kesihatan mental sebelum menghadiri satu-satu sesi pendengaran khas. Pemeriksaan kesihatan mental terhadap seseorang saksi kanak-kanak merupakan tatacara

penting yang wajar dijadikan sebagai pematuhan sebelum seseorang saksi kanak-kanak boleh dipanggil untuk menyatakan keterangannya. Ia juga bertujuan untuk memastikan bahawa saksi kanak-kanak itu tidak dibebani dengan apa jua bentuk tekanan emosi atau fizikal yang boleh menjejaskan konsistensi kenyataan yang diberikan olehnya dalam satu-satu prosiding pendengaran kes.

Bagi kes jenayah berat yang melibatkan *emotional attachment* dengan izin antara saksi kanak-kanak dengan tertuduh atau mangsa, kesihatan mental saksi kanak-kanak tersebut perlu berada pada tahap yang memuaskan. Kestabilan emosi yang dialami oleh seseorang saksi kanak-kanak boleh mempengaruhi reaksi saksi kanak-kanak tersebut terhadap pemeriksaan balas atau *cross-examination*, dengan izin, yang dijalankan ketika prosiding pendengaran khas. Bagi pengendalian prosiding pendengaran khas yang melibatkan saksi kanak-kanak yang kurang upaya percakapan, khidmat jurubahasa isyarat yang bertauliah diperlukan untuk melancarkan sesi pemeriksaan balas *cross-examination* dan pemeriksaan semula iaitu *re-examination*.

■1420

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan peruntukan RM3 juta yang disediakan bagi tujuan pemeriksaan Mahkamah Kanak-kanak, saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat memanfaatkan peruntukan tersebut untuk mengadakan adopsi *artificial intelligence* (AI) bagi pengendalian perbicaraan yang melibatkan saksi kanak-kanak.

Menerusi teknologi tersebut, mahkamah dapat dibantu oleh AI untuk mengesan atau mengenal pasti soalan-soalan tidak wajar atau *improper question* dengan izin, yang diajukan kepada seseorang saksi kanak-kanak menerusi indikator atau tanda amaran yang dikeluarkan.

Hakim dengan khidmat sokongan peranti robotik boleh melaksanakan keputusan segera terhadap bantahan atau justifikasi yang dibuat berkenaan soalan tidak wajar yang ditanya kepada seseorang saksi kanak-kanak. Daripada perspektif saya sebagai pengamal undang-undang, soalan tidak wajar yang dimaksudkan dalam seksyen 6B rang undang-undang ini tidak mempunyai keteguhan (*concretion*) dalam aspek definisi.

Bagaimanakah mahkamah boleh menentukan atau memutuskan sama ada soalan yang dikemukakan kepada seseorang saksi kanak-kanak dalam satu-satu prosiding bersifat wajar atau tidak? Bagaimana mahkamah boleh dengan teguhnya mentafsirkan bahawa satu-satu soalan yang ditujukan kepada seseorang saksi kanak-kanak berunsur prejudis yang mempunyai niat atau objektif yang memperdayakan, memperkecilkan, menindas atau menyinggung saksi kanak-kanak tersebut?

Oleh sebab itu, penggunaan AI yang saya nyatakan tadi berupaya berfungsi sebagai *non-human assistance*, dengan izin, dalam satu-satu prosiding mahkamah. Lebih-lebih lagi

yang memerlukan *instant judgement* oleh hakim terhadap makna atau konteks sebenar di sebalik satu-satu soalan yang ditanya kepada seseorang saksi kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

2.23 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh dua perkara sahaja berkaitan dengan justifikasi kepada pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya tidak ada- *I have no problem with that*, dengan izin.

Minister tadi bercakap bukan sahaja *eloquent* tetapi *persuasive*-lah. Jadi, saya lihat tiga pindaan yang dicadangkan adalah untuk membawa kita ke-satu pembaharuan mengikut penanda aras yang telah diamalkan oleh bidang-bidang kuasa asing.

Jadi, ini merupakan sesuatu yang wajar, jadi saya menyokong pindaan pada perkara ini. Cuma di sini saya hendak menekankan implikasi kepada pindaan ini kerana saya telah melihat ada *miscarriage of justice* yang telah berlaku.

Kita lihat implikasi ini bukan sahaja kita hendak memperbaharui undang-undang tersebut tetapi kita perlu memperbaharu juga agensi pelaksana bagi undang-undang tersebut melibatkan mahkamah, kementerian daripada segi *expert witness* dan juga pendakwaan di pihak pejabat pendakwa raya.

Kalau kita lihat cadangan pindaan ini, mahkamah memikul tanggungjawab yang berat. Kena menimbangkan sama ada perlu mengadakan pendengaran khas, sama ada perlu mengadakan pendengaran secara rangkaian secara terus.

So, ini memberikan tanggungjawab yang- menambahkan tanggungjawab mereka. Hakim dilatih dalam bidang undang-undang, dilatih untuk mengadili sesuatu. Jadi, ini saya rasa perlulah, *we need to have pool of judge* yang mahir dalam perkara ini. Oleh itu, saya sarankan supaya cadangan untuk menubuhkan mahkamah kanak-kanak itu disegerakan supaya kita ada *a pool of judges* yang mahir dalam perkara ini supaya tidak adalah *miscarriage of justice* akan berlaku lagi.

Kedua, tentang *expert witness*. Jadi, kementerian sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun Kementerian Kesihatan, sekiranya berkaitan dengan isu kesihatan, hendaklah orang yang betul-betul *expert*. Kalau kita hantar *half-baked* punya *expert* ke mahkamah, nanti apabila disoal balas- *cross-examination*, jadi

jawapan pun tidak betul. *So, as a result* boleh menyebabkan *justice* tidak tercapai dan keadaan orang yang tertuduh itu nanti bebas.

Ketiga, Pendakwa Raya. *Advocacy is- an art*. Jadi, kita perlukan Pendakwa Raya yang mahir, yang terlatih dalam bidang advokasi supaya boleh memberi soalan, memeriksa, dengan izin, *cross-examine and re-examine the witness* dengan baik dan tidak memudaratkan saksi kanak-kanak dan supaya *the truth* dapat diperoleh.

Saya berharap pihak kementerian mengambil berat ketiga-tiga perkara yang saya nyatakan di sini sebab telah berlaku- supaya detik hitam yang telah berlaku melalui kes '*Bunya Anak Jalong v Public Prosecutor*' tidak berlaku lagi. *In that case, which is a sad case*, belum ada *restitution until today. That is not seen as restitution*; seorang gadis berumur 15 tahun dia mengandung dan tertuduh di-charge di mahkamah dengan *four charges of rape*. pertama.

Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi. Mahkamah Sesyen mendapati tertuduh bersalah dan disabit kesalahan. Tertuduh berumur 60 tahun tetapi apabila sampai ke Mahkamah Rayuan, tertuduh dibebaskan kerana Mahkamah Rayuan bimbang untuk *to affirm their sentence* atas sebab *expert witness* yang dipanggil, pakar O&G dari hospital sebab dia menyatakan- *sorry, I have to use explicit language here*, maaf, dengan izin, tetapi kalau tidak, *I would not be able to express* apa yang sebenarnya berlaku dalam kes tersebut.

Expert witness because the defence of the tertuduh ialah tidak ada *penetration* sebab di bawah seksyen 376 iaitu Kanun Keseksaan untuk kesalahan *rape*, mesti ada *penetration*. Tidak payahlah saya menjelaskan selanjutnya.

Akan tetapi, *defence* tertuduh menyatakan bahawa *the was no penetration*, Cuma tangannya berlumur air mani masuk ke faraj mangsa. Oleh itu, mangsa mengandung. Apabila ditanya doktor O&G, dia cakap "*Possible. It is possible. It can happen that way. It can happen that way.*"

Jadi oleh itu, Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa adalah tidak selamat. *Then*, semasa- *the sad thing is that*, semasa *re-examination* oleh Pendakwa Raya, keterangan pakar ini *was somehow not-* dia tidak dapat membawa *his witness*-lah untuk- tidak dapat membawa dia untuk menyangkal perkara tersebut.

Oleh sebab itu, Mahkamah Rayuan terdiri daripada tiga orang hakim lelaki menyatakan, *it is not safe to affirm the conviction and sentence* dalam keadaan yang sedemikian kerana kita tahu bahawa untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan mahkamah hendaklah atas tidak ada keraguan yang munasabah. *So, the fact that testimony* si pakar O&G telah meletakkan, mewujudkan keraguan yang munasabah ke atas pihak pendakwaan.

So, saya harap kes yang seperti ini tidak berlaku lagi. Ini ialah detik sejarah. *Up until today, no restitution has been done- this girl*, 15 tahun, melahirkan anak dan sebagainya, dan

orang yang mencabuli dia ialah orang yang menghantar dia pergi sekolah, *driver* van dan sebagainya. *So, we allowed it to happen.*

So, saya harapkan Mahkamah Kanak-kanak diwujudkan dengan segera. *Prosecutors* yang dilantik untuk mengendalikan kes kanak-kanak betul-betul terlatih, bagaimana *the art of* mengajukan soalan dan sebagainya.

■1430

Saya sebagai bekas majistret, saya ada pengalaman tentang perkara ini dan kita tahu apa *leading question*, dan sebagainya. *That is really a sad case* dan begitu juga *expert-* kalau pada masa itu ada *expert witness* tambahan yang dipanggil oleh pihak pendakwa, mungkin kes ia, *it could have come to a different conclusion all together*, dengan izin, dengan itu saya menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

2.30 ptg.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya perlu awal-awal membuat pengakuan bahawa yang hendak saya timbulkan dalam perbicaraan adalah lebih merupakan usaha untuk menghilangkan keraguan dan kemusykilan dalam fikiran saya sendiri berkaitan dengan soal yang sangat asas iaitu premis untuk kita mengelaskan seorang saksi itu sebagai saksi kanak-kanak ataupun lawannya saksi dewasa kerana ini ada kaitan yang rapat dengan soal prosedur ataupun tatacara dan kaedah menyoal, menyiasat dan sebagainya akan saksi itu.

Jadi persoalan yang saya timbulkan ini barangkali sudah ada dalam akta kanak-kanak dan sebagainya, belum lagi sempat saya telaah tetapi untuk tujuan perbahasan dalam rangka ini saya ingin mendapat keterangan tentang apa kaedah yang kita menetapkan premis saksi itu saksi kanak-kanak kerana dalam realiti kehidupan terutama dalam budaya kita, pengalaman saya sendiri kalau ibu saya dahulu sebagai orang kampung umur empat belas, lima belas sudah nikah. Jadi, adakah itu masih boleh dikatakan kanak-kanak? Jadi, saya kira kita perlu juga kembali pada soal premis yang sangat asas kerana ini ada kaitan dengan soal prosedur, tatacara penyiasatan penyoalan dan sebagainya.

Daripada segi agama, seperti contoh dalam konteks Islam itu ada ukuran kita menetapkan kita bermula dengan *mumayyiz*, kita dapat membezakan suatu yang benar yang batil, sesuatu yang baik, suatu yang buruk. Kemudian ada soal akil baligh, ada soal mukalaf iaitu orang yang sudah patut *tertaklif* pada tanggungjawab dan melaksanakan soal-soal agama dan kehidupan. Jadi asas-asas ini saya kira perlu juga ditimbang. Ini kita belum

lagi mengambil kira asas dalam budaya rakan-rakan kita yang lain, mungkin dalam kalangan peribumi etnik-etnik yang lain itu ada asas-asas tertentu bukan soal adatnya.

Jadi dalam soal psikologi pula tentulah penyoalan dalam siasatan itu ada kaitan dengan soal aras kognitif saksi itu. Kalau kita mengelasnya sebagai kanak-kanak kita harus membuat *treatment* ataupun pelayanan melihatnya sebagai saksi yang mempunyai satu aras kognitif yang rendah, kanak-kanak. Akan tetapi kalau barangkali dengan akil balighnya sudah mukalafnya maka dia sudah patut dikategorikan bukan kanak-kanak lagi maka barangkali ada kemungkinan aras kognitif sudah tinggi.

Mohon maaf saya mungkin bicara sedikit berkait ilmiah tetapi hendak menimbulkan, menghilangkan keraguan kemusykilan kepada diri saya sendiri sebagai orang awam dalam soal ini. Maka itu soal-soal disebut dalam pindaan seksyen 2(b) dan di beberapa buah tempat dan seksyen 7, 5, seksyen 13(a) itu yang menyebut soal angka 16, 18 itu semua saya kira harus dibincangkan premisnya. Terima kasih saya tidak mengambil waktu sehingga lapan minit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullah.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang keempat Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

2.34 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023.

Akta ini adalah bertujuan untuk menambah baik perlindungan terhadap saksi kanak-kanak dengan menaikkan umur saksi kanak-kanak dari enam belas tahun kepada lapan belas tahun dengan memasukkan peruntukan berhubungan dengan pendengaran khas bagi saksi kanak-kanak memberikan keterangan dan dengan melarang soalan tidak wajar kepada saksi kanak-kanak.

Keadilan merupakan tujuan utama sistem kehakiman dan dalam Islam dinyatakan dengan jelas dengan firman Allah SWT dalam surah An-Nisa ayat 135 yang bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi yang menentang kebenaran kerana Allah sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang yang didakwa itu kaya atau miskin maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu- bertimbang rasa kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak*

menyeleweng daripada keadilan dan jika kamu memutarbalikkan keterangan ataupun enggan daripada menjadi saksi maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Keterangan daripada saksi mampu memberi kesan kepada keputusan kes yang dibicarakan di sesuatu mahkamah maka amat penting untuk memastikan kebenaran sesuatu kesaksian sebelum ia diterima. Definisi kanak-kanak menurut Akta Kanak-kanak 2001 adalah seorang yang berumur 18 tahun ke bawah. Manakala Islam menerima kesaksian kanak-kanak dengan syarat kanak-kanak itu telah baligh dan dapat menilai antara baik dan buruk sesuatu perkara. Manakala dalam kes-kes tertentu, ada kanak-kanak yang masih belum baligh terpaksa menjadi saksi dan perlu memberi keterangan.

Pandangan Ibn Qayyim yang dalam hal ini iaitu menerima keterangan kanak-kanak dalam kes-kes tertentu bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan selaras dengan kaedah fikah iaitu kesukaran menjadi sebab kepada kemudahan dan keringanan. Bagi tujuan menegakkan keadilan Islam mengiktiraf perubahan yang berlaku disebabkan perubahan masa tempat dan kebiasaan atau *uruf* masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini penting untuk melindungi kanak-kanak demi keadilan. Saya ada beberapa persoalan yang memerlukan penjelasan daripada pihak kementerian.

Pertama, bagaimanakah mahkamah menentukan atau menilai kelayakan kanak-kanak tersebut boleh memberi keterangan sebagai saksi?

Kedua, merujuk pada seksyen 2 memperluaskan pemakaian Akta 676 kepada kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah, adakah pindaan akta ini secara retrospektif? Jika tidak adakah, ia akan memberi impak kepada kes-kes berhubung saksi kanak-kanak antara 16 hingga 18 tahun yang masih sedang berlangsung di mahkamah.

Ketiga, merujuk kepada seksyen 6(A) pendengaran khas, izinkan saya membaca seksyen 6A(2) *“Semasa pendengaran khas itu, seorang saksi kanak-kanak hendaklah mula diperiksa secara utama oleh pihak kepada prosiding yang memanggilnya kemudiannya diperiksa balas jika ia dikehendaki sedemikian oleh pihak menentang, kemudiannya pula, diperiksa semula jika dikehendaki sedemikian oleh pihak yang telah memanggil saksi kanak-kanak itu.”*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Melihat kepada seksyen ini saya boleh membayangkan bagaimana kesan emosi, kesan psikologi dan trauma yang dirasai, yang terpaksa dihadapi oleh kanak-kanak yang terlibat. Oleh itu mengambil kira situasi yang dihadapi oleh kanak-kanak ini saya ingin bertanya adakah sesi ini dijalankan oleh seorang yang pakar dan yang terlatih dan adakah

bilangan pakar ini mencukupi untuk mengendalikan sesi pendengaran khas ini? Merujuk kepada seksyen 6A(3)(a) adakah keterangan rakaman video bagi pemeriksaan utama pemeriksaan balas dan pemeriksaan semua boleh diguna pakai supaya kanak-kanak ini tidak perlu memberi keterangan yang berulang kali?

■1440

Saya juga mohon penjelasan apakah usaha kerajaan untuk menambah baik kaedah pendengaran pra perbicaraan yang sedia ada? Bagaimanakah mahkamah memastikan tiada soalan tidak wajar ditanya kepada saksi kanak-kanak?

Seterusnya, soalan saya, adakah kerajaan juga bercadang memansuhkan keperluan sokongan mandatori dalam tempoh terdekat? Jika ya, mohon perincian dan bilakah ia disyorkan untuk dilaksanakan?

Saya berharap dengan kelulusan Akta ini dapat memberi perlindungan kepada kanak-kanak dan meletakkan hak kanak-kanak di tempat yang sewajarnya. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali, Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Sila Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

2.41 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang mencadangkan pindaan ini. Saya hanya hendak menumpukan kepada dua perkara iaitu berkenaan dengan seksyen 6A, "pendengaran khas".

Tuan Yang di-Pertua, saya lebih tumpukan kepada dua, subseksyen 6A dan 3B, di mana demi kepentingan keadilan untuk membenarkan pemeriksaan lanjut saksi kanak-kanak jika keterangan saksi kanak-kanak itu didapati oleh mahkamah penting untuk mencapai keputusan yang adil dalam kes ini.

Jadi, saya mencadangkan, kerana saya sendiri pun pernah terlibat dalam kes kanak-kanak ini, menjadi pemegang *dock brief* kepada SUHAKAM di mana kita merasakan ada sesuatu yang tidak sampai kepada pengertian kanak-kanak. Jadi, bolehkah kita mencadangkan supaya apabila kita mengadakan soalan kepada kanak-kanak ini, pastikan kanak-kanak itu betul-betul faham akan soalan kita? Jadi, inilah yang selalu dimanipulasikan oleh peguam bela.

Saya berharap supaya Pesuruhjaya Kanak-kanak atau pun yang mengambil berat tentang kanak-kanak ini seperti SUHAKAM juga supaya peguam yang dilantik oleh mereka dibenarkan untuk menyoal seperti pemahaman yang sebenar-benarnya kerana kadang-kadang pemahaman kanak-kanak ini tidak sampai. Hal ini yang menyebabkan ketidakadilan dan ada situasi di mana tertuduh itu akan terlepas.

Jadi, saya mencadangkan supaya peguam keluarga juga dibenarkan untuk berbincang dengan pendakwa raya kerana selalunya pendakwa raya ini akan menjalankan tugasnya. Mungkin kerana tugas hakiki, "*Oh, saya pendakwa raya. Saya menjalankan tugas saya, cukup*". Jadi, tidak ada inisiatif yang nampaknya mungkin *advance* atau berlebihan supaya kanak-kanak ini benar-benar dibela. Mangsa ini benar-benar dibela.

Jadi, di sinilah kita sebagai peguam keluarga akan betul-betul melakukan yang terbaik untuk keluarga ini. Biasanya, kalau kita diambil untuk menjadi pemegang *dock brief* kepada keluarga, dan kita akan melakukan yang terbaik untuk membela mereka juga. Akan tetapi, masalahnya apabila pendakwa raya hanya untuk melakukan tugasan semata-mata, maka keadilan tidak akan dapat dicapai untuk membela kanak-kanak ini tadi atau tertuduh boleh terlepas. Jadi, itu perkara dalam bahagian 3B yang saya maksudkan.

Begitu juga dengan soalan tidak wajar iaitu seksyen 6B. Jadi, memang peguam bela tugasnya hanya untuk melepaskan anak guamnya. Jadi, dia tidak pedulilah sama ada soalan itu mengelirukan, soalan itu akan memberi pemahaman yang tidak sampai kepada saksi kanak-kanak ini. Jadi, saya mencadangkan supaya soalan-soalan yang bakal ditanya kepada saksi kanak-kanak ini, bolehlah diberikan kepada pendakwa raya.

Biasanya, ini berlaku di dalam *civil court* tetapi di dalam ini- supaya, apa maksud soalan itu diterangkan dan akan sampai, biar kita bertanya dulu kepada anak-anak ini. Apakah yang kamu faham tentang soalan ini? Jadi, daripada segi undang-undangnya nanti, peguam keluarga atau pun Pesuruhjaya Kanak-kanak mungkin boleh menerangkan maksud soalan itu supaya pemahaman itu tidak salah oleh saksi kanak-kanak itu.

Jadi, saya berharap ini sahaja yang sangat diperlukan kerana kita adalah praktikal di dalam menjadi peguam keluarga selama ini. Justeru itu, saya berharap sesuatu pembaikan harus diberi dan pemahaman kepada saksi kanak-kanak itu betul-betul, seperti yang sepatutnya. Jangan dia salah faham, jangan dikelirukan. Jadi, saya tidak ada yang lain selain daripada ini. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit. Oleh sebab Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad tidak akan menyertai perbahasan, saya terus kepada Yang Berhormat Datuk Noraini binti Idris.

2.46 ptg.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga, perbahasan tidak akan panjang. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera.

Saya menyambut baik akan cadangan pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi, seperti yang dibentangkan sebentar tadi. Kita sedia maklum Akta 676 ini tidak pernah dipinda selama 16 tahun, sejak ia dikuatkuasakan. Sudah tentu selari dengan

peredaran masa banyak aspek penambahbaikan yang boleh dibuat Selaras dengan piawaian undang-undang semasa, dan yang paling penting perlindungan dan kesejahteraan kepada saksi kanak-kanak yang melibatkan perbicaraan di mahkamah.

Saya juga menyambut baik cadangan pindaan untuk meminda umur saksi kanak-kanak daripada di bawah 16 tahun kepada umur di bawah 18 tahun, bertujuan untuk memastikan takrif saksi kanak-kanak dan selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang telah diratifikasikan oleh Malaysia seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Malahan, definisi kanak-kanak yang diselaraskan ini juga membuktikan ia selari dengan Dasar Perlindungan Kanak-kanak yang bertujuan menggalakkan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama.

Cumanya, saya ada satu persoalan yang saya ingin kemukakan di sini, terutamanya mengenai definisi umur kanak-kanak. Oleh sebab kalau kita tengok dalam Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) [Akta 350] mendefinisikan kanak-kanak adalah orang yang belum mencapai umur 15 tahun, manakala umur 15 tahun ke atas hingga 18 tahun didefinisikan sebagai orang muda. Sedangkan dalam Akta 676 ini pula, kalau mengambil kira pindaan ini, mengklasifikasikan kanak-kanak sebagai yang berumur 18 tahun ke bawah. Jadi, Kenapakah ada definisi umur yang berbeza-beza untuk kanak-kanak dalam akta yang sedia ada dan tidak ada satu keseragaman atau pun standard umur untuk semua akta yang diguna pakai?

Pindaan seterusnya yang bertujuan meminda seksyen 3, Akta 676 untuk menyatakan, pendengaran khas sebagai salah satu cara bagi saksi kanak-kanak memberikan keterangan di bawah Akta 676. Saya turut sama menyokong pindaan yang melibatkan rakaman awal dan tanpa memerlukan kehadiran kanak-kanak dalam setiap perbicaraan kerana kita tahu bahawa proses perbicaraan memang memakan masa dan kadang-kadang ditunda. Sudah tentu, akan menimbulkan situasi yang tidak menyenangkan kepada saksi kanak-kanak di mana masa itu sepatutnya digunakan untuk pergi ke sekolah dan sebagainya.

Hal ini juga penting kerana seperti yang kita ketahui, suasana dalam mahkamah sangat tegang, terutamanya semasa sesi soal balas. Oleh yang demikian, adalah wajar agar aspek penjagaan mental dan emosi kanak-kanak menjadi keutamaan semua pihak. Mengambil kira kos yang diperlukan, masa yang perlu diluangkan oleh kanak-kanak serta penjaga yang sama-sama akan hadir semasa perbicaraan akan dapat dikurangkan melalui pindaan ini.

■1450

Malahan melalui rekod awal yang diambil juga, memori kanak-kanak masih lagi *fresh* dan tidak bercelaru. Hal ini juga akan di melancarkan proses mahkamah sesuatu kes,

perbicaraan sesuatu kes dan diharap agar kes-kes *pending* atas beberapa faktor dapat dikurangkan dengan penambahan kebaikan ini.

Jadi usaha bagi memendekkan masa kanak-kanak di kandang saksi ini penting agar kanak-kanak berkenaan boleh meneruskan hidup seperti biasa tanpa tertekan dan terus memikirkan sesi soal balas dan rutin baharu yang semestinya mengganggu kehidupan mereka seharian.

Jadi itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan-pindaan yang dibawakan bagi memudahkan daripada aspek perundangan serta dalam masa yang sama memelihara kesihatan mental kanak-kanak yang terlibat sebagai saksi. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, selesai urusan kita bagi perbahasan dan enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian. Perbahasan selesai.

Dijemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

2.51 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

[Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023 iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit dan Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris.

Pertama sekali sebelum saya mula Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan kepada semua orang bahawa Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak ini hanyalah untuk saksi sahaja. Kanak-kanak yang tertuduh ia tidak terpakai di bawah Akta Keterangan Saksi kanak-kanak. Ini hanya saksi kanak-kanak. Ini saya hendak tekankan dulu.

Keduanya Yang Berhormat banyak tanya soalan tentang umur. Ini sebab dalam Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak yang mengikat semua kanak-kanak dalam negara kita, definisi adalah di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Maknanya di bawah akta 2001 Tuan Yang di-Pertua, menyatakan bahawa dengan izin *child means a person under the age of eighteen years*. Maknanya pindaan adalah berikat kepada Akta Kanak-kanak 2001.

Sebenarnya apa yang berlaku di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak ini, yang saya sebut tadi 16 tahun tidak dibuat pindaan. Itu sebab kita buat pindaan kali ini, supaya selari dengan Akta Kanak-kanak 2001.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan tentang pendengaran khas. Sebenarnya pendengaran khas ini ialah pilihan bukan dilihat sebagai wajib. *It is not mandatory*. Dalam keadaan tertentu, hakim diberikan kuasa untuk membuat pendengaran khas yang mana ada juga pendakwa dan peguam bela. Maknanya soalan, *examination-in-chief*, dengan izin, *cross-examination*, *reexamination* dilakukan dalam pendengaran khas ini.

Syaratnya kalau pendengaran khas ini dilakukan dahulu, masa perbicaraan yang penuh, ia pakai- a *taping of* pendengaran khas sahaja. Maknanya kanak-kanak tidak payah pergi mahkamah banyak kali. Apa yang saya sebut tadi dalam mukadimah pembentangan saya iaitu dalam banyak kes jenayah seksual kanak-kanak, bila kanak-kanak pergi ke mahkamah banyak kali, daripada tarikh dia jadi mangsa mungkin umur dia enam, lapan, 10 tahun. Bila kes sudah selesai hendak dekat 20 tahun. Bila 20 tahun hendak jadi saksi pada mahkamah dia akan lupa atau dia buat-buat lupa.

Jadi kita hendak *fresh of the evidence* itu. Jadi itu sebab pindaan kepada Akta Keterangan Kanak-kanak ini dibuat supaya diberikan pilihan kepada mahkamah untuk mengambil keterangan itu lebih awal. Kadang-kadang bila kanak-kanak itu masih muda, masih kecil, ingatannya masih- ia tidak pudar. Itu sebab dilakukan. Akan tetapi, untuk menunjukkan keadilan yang ada hakim yang mengambil pendengaran khas akan juga menjadi hakim yang sama untuk perbicaraan. Kemudian peguam bela itu, *taping of the* peguam bela pun akan dibawa dalam perbicaraan penuh. Maknanya ini hanyalah pilihan yang diberi untuk kes-kes saksi kanak-kanak.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tentang pindaan kepada soalan yang tidak boleh ditanya. Di dalam Akta Keterangan yang saya sebut, seksyen 151 itu. Ia sudah ada Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Keterangan 1950 (*Evidence Act*) yang terpakai bagi kita- semua orang dewasa. Dalam seksyen 151, memang mahkamah boleh tahan kalau apa-apa soalan dilihat sebagai dalam bahasa Inggeris *it says indecent and scandalous* ataupun *questions intended to insult or annoy*.

Maknanya dalam Akta Keterangan bagi orang dewasa dan juga menyeluruh, hakim boleh terlibat kalau soalan itu dianggap dan dilihat sebagai tidak sepatutnya ditanya. Maknanya memang boleh. Jadi apa yang kita buat pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak ini kita memberikan senarai yang lebih khusus untuk membantu mana-mana hakim yang terlibat dalam kes saksi kanak-kanak itu ada.

Jadi kita letakkan dalam pindaan pada hari ini kuasa yang menyatakan secara khusus kepada mahkamah bahawa mahkamah boleh menghalang apa-apa soalan yang dikategorikan sebagai sedemikian dengan izin. Dalam seksyen 6B yang disebut sebagai soalan yang tidak wajar. Jadi maka dalam 6B itu dikatakan mahkamah hendaklah melarang apa-apa soalan yang tidak wajar pada saksi kanak-kanak yang didapati oleh mahkamah sebagai memperdaya ataupun mengelirukan, menghina, menakutkan, mengaibkan,

mengganggu, menggusar, menyinggung, menindas, menggulung secara tidak perlu, memperkecil-kecilkan dengan nada cara selainnya tidak sesuai, tidak berasas malah membuat tanggapan stereotaip berdasarkan jantina, ras, budaya, etnik, umur dan ketidakupayaan saksi kanak-kanak tersebut.

Jadi lebih menyeluruh. Jadi boleh dibaca Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak itu, panduan pula dapat daripada Akta Keterangan 1950. Jadi ini pengkhususan yang kita buat. Bagi saya, saya percaya ini merupakan sesuatu yang baik kerana hakim tidak payah teragak-agak. Bila saksi kanak-kanak terlibat dalam kes, hakim tahu dia boleh menjalankan tugas yang lebih sebagai *protector* kepada kanak-kanak tersebut.

Ini sebab kita tidak hendak bila kanak-kanak berdepan dengan peguam-peguam bela-selalunya peguam-peguam bela ini tanggungjawabnya hendak membela anak guam dia dan dia akan tanya soalan untuk menunjukkan bahawa kesaksian itu tidak begitu tepat atau bacaan itu pun salah. Antara nampak dan tidak nampak.

Akan tetapi, bagi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, pindaan ini menyatakan tidak boleh. Maksudnya hakim boleh terlibat untuk membantu supaya tidak ada soalan yang dianggap sebagai tidak wajar.

Jadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mana ada di sini, yang tidak ada saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa tidak ada tidak payah jawab.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Jadi Yang Berhormat Senator **Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair** menimbul tentang AI itu, saya dengar tadi AI itu. Saya rasa ini satu idea yang baiklah tetapi saya rasa dalam perkara ini bukan satu boleh dilakukan bukan begitu mudah. Ini mungkin akan berlaku pada teknologi yang akan datang.

Kemudian Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan, tidak ada? Ada Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat bercakap tentang saksi kanak-kanak, untuk merujuk kepada umur 16 tahun. Kemudian bawah 18 tahun yang saya terangkan tadilah. Bacaannya konsisten.

Saya faham Yang Berhormat, kita sebagai orang Melayu Islam berpegang kepada undang-undang Islam. Undang-undang Islam dalam elemen negara kita ini selalunya pada undang-undang keluarga Islam. Akan tetapi, ini bawah undang-undang jenayah dalam negara kita iaitu undang-undang jenayah yang terikat kepada Akta Kanak-kanak 2001.

Jadi itu merupakan standard antarabangsa yang dipakai Yang Berhormat Senator. Kalau kita hendak ubah itu, yang bertanggungjawab kepada Akta Kanak-kanak ialah Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi...

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Boleh saya menceleh sikit Yang Berhormat?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Silakan.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Saya kira soal yang agak penting soal falsafah dan juga premis budaya, apabila kita menentukan soal hukum. Falsafah hukum iaitu keadilan. Keadilan itu merupakan asas-asas falsafah kemasyarakatan sesuatu budaya.

Jadi saya kira perlu ditimbangkan. Kalau tidak segera pun tetapi dalam pemikiran penggubal undang-undang dan orang undang-undang, soal falsafah dan budaya setempat sangat penting sebagai satu- premis untuk kita menentukan suatu aturan. Itu pandangan, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu pandangan dan Yang Berhormat hak kepada pandangan Yang Berhormat. Akan tetapi, yang Menteri yang bertanggung jawab dalam isu Akta Kanak-kanak 2001. Mungkin Yang Berhormat boleh berjumpa kepada Menteri dan meminta supaya ia adanya konsistensi tetapi saya percaya mungkin Menteri akan menjawab bahawa kita memang terlibat dalam standard antarabangsa sebab hubungan Malaysia dengan negara-negara lain. Itu yang disebut-sebut dalam mukadimah saya tentang itu.

■1500

Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff bertanya pindaan yang kita buat ini, adakah bersifat kebelakangan. Yang Berhormat ada tidak..., tidak ada? Ha, ada, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Jawapannya tidak. Akan tetapi, mana-mana kes bermula dari kuat kuasa, akan merujuk kepada prosedur yang ada, yang ditawarkan.

Yang Berhormat, seksyen lagi itu, saya rasa saya hendak jawab soalan berkenaan isu Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit yang memberi cadangan supaya apabila mengajukan soalan kepada kanak-kanak, perlu pastikan kanak-kanak itu betul-betul faham soalan tersebut, membenarkan peguam keluarga atau mana-mana pihak memastikan kanak-kanak faham soalan yang ditanya.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam pendengaran khas, dalam pemindaan kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak ialah bagi memudahkan perbicaraan dijalankan mengikut kapasiti kanak-kanak tersebut dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.

Daripada segi masa yang kita benarkan kewujudan pendengaran khas adalah dalam beberapa keadaan tertentu, mungkin hakim merasakan lebih afdal kalau pendengaran khas untuk mengutip *evidences*, bukti itu dijalankan terdahulu. Itu sebabnya kita memberikan pindaan kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak supaya platform ini diwujudkan. Akan tetapi, seperti yang saya tekankan daripada awal tadi, ini bukan satu yang dianggap sebagai mandatori dan tidak dipaksa tetapi boleh dilakukan oleh mahkamah jika mahkamah merasakan ia perlu dilakukan untuk satu sesi pendengaran khas.

Yang Berhormat Noraini binti Idris, tidak ada? Eh, Yang Berhormat Noraini ada. Penetapan had umur yang berbeza. Berdasarkan pindaan ini, seorang saksi kanak-kanak adalah merujuk kepada seorang yang berumur di bawah 18 tahun yang dipanggil untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding. Penetapan had umur baharu ini ialah selaras dengan tafsiran kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001 yang merupakan ibu kepada undang-undang kanak-kanak. Bermakna, kita berkiblatkan Akta Kanak-kanak 2001.

Penetapan had umur baharu bagi saksi kanak-kanak ini adalah berbeza dengan penetapan had umur mengundi. Mengundi itu, Tuan Yang di-Pertua, dia 18 tahun, tetapi 18 tahun ke atas. Akta ini tidak boleh sampai pada 18 tahun.

Maknanya, 18 tahun itu *cut-off point*. Maknanya, dia tidak umur 18 tahun pun. Dia 18 tahun ke bawah. Itu beza dialah. Itu sebab kadang-kadang orang selalu tanya saya di Dewan Rakyat, dia kata kenapa mengundi boleh, tiba-tiba apabila dia punya penyaksian itu dilihat kepada elemen yang lain. Itu yang kita berikan penerangan tersebut, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya...

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Mohon penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Baik, silakan.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Okey, sebab tadi yang saya sebut itu ialah Akta 350, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) di mana mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang belum mencapai umur 15 tahun ke bawah. Sebab, kalau dikira, Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 ini, kalau sebelum pindaan pun, memang ia tidak sama dengan Akta Kanak-kanak 2001. *So, meaning to say*, ia tidak ada keseragaman daripada segi umur. Ada tiga akta yang berbeza.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Apa yang Yang Berhormat Senator menyebut tadi itu ialah di bawah beberapa seksyen-seksyen yang lain, di bawah undang-undang lain.

Sungguhpun sememangnya ada ketidaksegaraman had umur kanak-kanak di bawah beberapa undang-undang termasuklah Kanun Keseksaan, namun cadangan untuk menyelaraskan had umur kanak-kanak pada 18 tahun dalam semua undang-undang melibatkan satu kajian yang mendalam dan meneliti asas penetapan umur yang sedemikian dibuat sebelum ini, sebelum cadangan tersebut boleh dipertimbangkan. Ia adalah kerana untuk mengelakkan kesan-kesan yang tidak wajar sekiranya satu penyelarasan had umur kanak-kanak itu dibuat secara menyeluruh, *global change* dalam semua undang-undang tanpa memperhalus hasrat dan asas muktamad ia ditetapkan sedemikian dalam undang-undang yang berkenaan.

Dalam hal ini, rundingan hendaklah dibuat dengan pemegang taruh, *stakeholder*, dengan izin, yang berkenaan termasuklah pihak seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Majlis Peguam. Buat masa ini, penyelarasan ditumpukan pada tiga undang-undang terdahulu iaitu Akta Kanak-kanak 2001, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007.

Saya hendak maklum kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Pindaan yang kita buat pada Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 ini hanya dilihat pada fasal 1. Pada sesi akan datang, kita akan buat pindaan kepada fasal 2 terutama dalam elemen undang-undang, dengan izin, *collaboration*. Akan tetapi, ia memerlukan banyak perbincangan dan dialog dengan *stakeholder* seperti *Bar Council*. Sebab, bagi pihak Majlis Peguam Negara, ada beberapa elemen yang perlu mereka menekankan- kalau kita buat pindaan secara menyeluruhlah.

Jadi, saya setakat ini berakhir di sini. Jika saya tidak sempat menjawab, saya akan bagi jawapan secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Secara kesimpulannya, Kerajaan Perpaduan, Kerajaan Madani berharap bahawa dengan menjadikan sistem keadilan di Malaysia lebih mesra kanak-kanak, ia akan menggalakkan pelapor oleh kanak-kanak dan keluarganya di mana isu seperti stigma dan budaya malu dapat dibendung secara berperingkat. Setelah rang undang-undang ini diluluskan, kerajaan akan menyampaikan mesej kepada kanak-kanak kita bahawa sekiranya apa jua yang berlaku, kita sentiasa peka mengenai apa-apa isu yang melibatkan mereka serta memastikan sistem perundangan memberikan perlindungan yang holistik kepada mereka.

Saya juga amat berharap untuk bekerjasama dengan semua kementerian dan agensi-agensi kerajaan untuk memberikan dan membawa kepada mesej yang kerajaan mengambil berat pada isu generasi anak-anak kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak Pindaan (2023). Segala isu yang tidak sempat saya jawab dalam penggulungan, akan saya bagi secara bertulis.

Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Tiada perbahasan]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

■1510

3.10 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bantangkan iaitu Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023. Rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 29 Mac 2023 melibatkan peruntukan berhubung kesalahan mengendap ataupun *stalking*, dengan izin.

Perlakuan menghendap pada kebiasaannya melibatkan beberapa siri perbuatan seperti mengikut, mengekori seseorang atau melakukan suatu gangguan ataupun, dengan izin, *harassment* dengan secara berulang-ulang sama ada dalam kehidupan sebenar atau di alam maya sehingga menimbulkan ketakutan kepada mangsa terhadap kecederaan atau perlakuan yang mungkin mengakibatkan kematian.

Pada 30 Mei 2019, Mantan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang) telah menerima kertas cadangan daripada pertubuhan bukan kerajaan yang dikenali sebagai Pertubuhan Pertolongan Wanita atau *Women's Aid Organisation* (WAO) yang telah mencadangkan supaya undang-undang perlakuan mengganggu dan mengendap diperkenalkan di negara ini.

Dalam hal itu, pada 2 Julai 2019, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Kajian Dasar Mengenai Perlakuan Mengganggu dan Mengendap yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berhubung kesalahan mengendap dan mendapatkan keputusan dasar dalam penggubalan peruntukan undang-undang berhubung kesalahan menghendap. Ini melalui beberapa mesyuarat yang telah dijalankan oleh jawatankuasa ini.

Selain itu, beberapa siri perbincangan dan bengkel bersama-sama dengan pemegang taruh bagi membincangkan hala tuju serta penyediaan dasar dan cadangan perundangan perlakuan mengganggu dan mengendap juga telah diadakan. Antara pihak-pihak pemegang taruh yang terlibat dalam sesi mesyuarat bengkel dan libat urus adalah seperti yang berikut:

- (i) Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
- (v) Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (vi) Polis Diraja Malaysia;
- (vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (viii) Jabatan Penjara Malaysia;
- (ix) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
- (x) Majlis Peguam Malaysia; dan
- (xi) ahli akademik daripada UiTM;
- (xii) *Women's Aid Organisation*; dan
- (xiii) Lembaga Kaunselor Malaysia.

Dalam penyediaan dasar dan undang-undang antimenghendap, aspek-aspek penting yang diberi perhatian adalah seperti penentuan parameter yang khusus berhubung elemen bagi peruntukan kesalahan mengganggu dan menghendap yang telah dibangunkan berdasarkan faktor-faktor seperti kesesuaian dan senario sebenar di negara ini. Ini adalah bagi memastikan undang-undang berkenaan dibentuk mengikut acuan Malaysia bagi mengelakkan sebarang permasalahan atau komplikasi sekiranya ia dilaksanakan kelak.

Selain itu, aspek siasatan, pendakwaan, pembuktian dan hukuman serta perlindungan kepada mangsa, perlakuan mengganggu dan mengendap turut diteliti. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan ataupun Akta 574.

Tujuan pindaan ini adalah untuk memasukkan kesalahan baharu iaitu mengendap ke dalam Akta 574 tersebut seperti yang berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan memasukkan seksyen baharu 507A ke dalam Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan mengendap termasuk perbuatan yang dianggap sebagai kesalahan. Fasal 2 juga mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan mengendap iaitu pemenjaraan sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rasional bagi meminda Kanun Keseksaan untuk menjadikan perlakuan menghendap sebagai suatu kesalahan jenayah adalah seperti berikut. Pertamanya, perlakuan mengganggu dan menghendap boleh menimbulkan perasaan takut dan bimbang kepada mangsa. Perlakuan ini boleh mencapai ke tahap mangsa boleh dcederakan dan sehingga ada yang mengakibatkan kematian. Selain itu, perlakuan ini turut memberikan implikasi serius terhadap kesihatan mental mangsa akibat diganggu dan dihendapkan bagi jangka masa yang lama.

Kedua, hasil tinjauan, dengan izin *Understanding Malaysians Experiences of Stalking* oleh sebuah syarikat penyelidikan iaitu kerjasama bersama WAO mendapati senario perlakuan mengganggu dan menghendap di Malaysia adalah meluas iaitu 36 peratus rakyat Malaysia pernah dihendapkan, dan merasa ketakutan, 12 peratus mendapat ancaman, dan sebanyak 17 peratus telah mendapat kecederaan.

Hasil tinjauan juga mendapati perlakuan mengganggu dan menghendap memberi kesan negatif kepada kehidupan seharian rakyat Malaysia daripada segi aktiviti ekonomi, sosial, rekreasi dan hal ehwal penjagaan kanak-kanak. Manakala sebanyak 69 peratus daripada rakyat Malaysia percaya bahawa perlakuan mengganggu dan menghendap merupakan satu kesalahan.

Ketiga, negara-negara luar telah pun mengambil inisiatif lebih awal dalam mewujudkan undang-undang berkaitan perlakuan menghendap ini. Bagi tujuan pindaan ini, rujukan terhadap modal perundangan beberapa buah negara seperti Singapura, United Kingdom dan India telah dilaksanakan dengan tujuan mengenal pasti model perundangan yang sesuai sebagai penanda aras. Singapura telah memperuntukkan perbuatan mengganggu dan menghendap sebagai satu kesalahan jenayah di bawah, dengan izin, *The Protection from Harassment Act 2014*.

Negara India pada tahun 2013 pula telah melakukan pindaan ke atas *The Indian Penal Code*, dengan izin, dan memasukkan perlakuan mengendap di bawah seksyen 354D. Manakala *United Kingdom* telah menggubal undang-undang seperti *United Kingdom Protection from Harassment Act* pada tahun 1997 dan telah dipinda pada tahun 2012 bagi memasukkan undang-undang berkaitan kesalahan menghendap.

Keempat, pindaan kepada Akta 574 ini telah melibatkan dan mengambil kira pandangan setiap lapisan masyarakat melalui beberapa siri libat urus menerusi pelbagai platform terutamanya bersama dengan WAO termasuklah sesi yang turut melibatkan penyertaan beberapa orang mangsa perlakuan menghendap. Proses ini secara tidak langsung memberi hak kepada setiap individu untuk menyuarakan pandangan terhadap cadangan pindaan ini. Oleh itu, penetapan dasar dan perundangan antimenghendap dalam pindaan ini adalah berdasarkan kepada input dan maklum balas menyeluruh yang diterima oleh semua pihak.

Kelima, dimensi kelakuan menghendap pada masa kini semakin mencabar kerana tidak lagi terhad kepada kelakuan secara fizikal tetapi turut melibatkan kelakuan menghendap secara maya melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Pindaan kepada Akta 574 ini akan turut merangkumi kesalahan menghendap yang dilakukan menerusi platform media sosial dengan matlamat untuk menangani kesalahan menghendap secara menyeluruh.

Keenam, selain itu pindaan kepada Akta 574 turut memasukkan perbuatan *tracking* sebagai salah satu kategori kesalahan menghendap di bawah peruntukan baharu ini. *Tracking* merupakan perbuatan menjejaki seseorang atau mangsa tanpa elemen secara fizikal oleh mana-mana orang dengan menggunakan apa-apa peralatan atau, dengan izin, *device* atau apa-apa kaedah lain.

■1520

Contohnya, kamera tersembunyi atau GPS *tracker* bagi tujuan menghendap dan si pelaku juga tidak berada berdekatan dengan mangsa ketika melakukan perbuatan tersebut. Dengan demikian, kesalahan mengekori dan menjejaki mangsa untuk tujuan menghendap tidak terhad secara fizikal sahaja tetapi diperluas dengan turut mengambil kira perbuatan menjejaki dengan menggunakan apa-apa peralatan.

Ketujuh, rang undang-undang ini memperkenalkan hukuman penjara dan denda yang lebih berat bagi membendung kemudaratan yang boleh berlaku akibat daripada perlakuan mengganggu dan menghendap ini. Pindaan kepada Akta 574 ini juga antara satu bentuk pencegahan sebelum sesuatu jenayah berlaku kepada mana-mana mangsa yang mungkin telah diganggu dan dihendapkan beberapa kali, atau berbulan-bulan lamanya.

Kelapan, perlakuan menghendap adalah sukar untuk dibuktikan sebagai satu kesalahan jenayah di bawah seksyen 507 [Akta 574] yang sedia ada kerana peruntukan tersebut bersifat *general* ataupun umum. Sehubungan itu, pindaan kepada Akta 574 dengan memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 507A, berhubung perlakuan menghendap adalah lebih spesifik dan memudahkan siasatan pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rasional yang telah dinyatakan, menjadi hasrat kerajaan agar melalui peruntukan undang-undang yang jelas ini dapat melindungi mangsa

dan mampu mengurangkan risiko pelaku bertindak secara lebih agresif atau ganas. Pada masa yang sama, dengan wujudnya peruntukan undang-undang ini dapat membuktikan tindakan proaktif kerajaan untuk mengatasi masalah perlakuan menghendap dan meletakkan kedudukan Malaysia setaraf dengan negara-negara lain yang telah lama mewujudkan undang-undang berkaitan perlakuan menghendap ini.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali pada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita perlukan sokongan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sokongan diberi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis kini ialah suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya ada senarai yang menunjukkan lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat ingin membahaskannya. Jadi, dengan hormat dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

3.21 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam berbicara soal perundangan yang melibatkan jenayah menghendap atau yang selalu kita panggil *stalking*, negara kita agak terkebelakang berbanding dengan negara-negara luar.

Saya mengambil Australia sebagai contoh. Di negara tersebut, undang-undang khusus antimenghendap atau *antistalking law*, dengan izin, telah mula diwujudkan seawal tahun 1994 iaitu di negeri Queensland. Kebanyakan negeri di Australia mengenakan perintah perlindungan atau *restraining order*, dengan izin, terhadap tertuduh yang sekiranya perintah perlindungan tersebut dilanggar atau tidak dipatuhi oleh tertuduh, dia boleh dikenakan tindakan atas kesalahan jenayah. Begitu juga di negara Jepun. Undang-undang khas bagi menangani jenayah menghendap telah mula dikuatkuasakan pada tahun 2000, rentetan daripada kes pembunuhan pelajar berusia 21 tahun bernama Shiori Ino.

Di Jepun, menerusi undang-undang kesalahan ringan, menghendap disifatkan sebagai satu perbuatan yang mengganggu ketenteraman hidup seseorang. Saya menyambut baik pewujudan peruntukan khas dalam Akta Kanun Keseksaan bagi kesalahan menghendap. Namun begitu, saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini seharusnya bersifat definitif dan jelas memandangkan kesalahan menghendap merupakan satu perbuatan yang

sukar untuk ditafsirkan sebagai kesalahan jenayah, dan daripada perspektif umum. Pernah saya dengar ada beberapa orang selebriti tempatan yang pernah diekori oleh peminat mereka sehingga ke rumah. Ada juga yang menjadi paparazi secara senyap merakam gerak geri selebriti kesukaan mereka, termasuklah ketika selebriti itu melakukan aktiviti peribadi di tempat-tempat ber-*privacy*.

Berkaitan dengan contoh tersebut, persoalan yang saya ingin bangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sejauh manakah satu-satu perbuatan menghendap disifatkan sebagai mengganggu ketenteraman, *privacy* atau yang paling penting, keselamatan peribadi seseorang. Seperti yang pernah saya persoalkan mengenai kepincangan definisi “gangguan seksual” dalam Rang Undang-undang Antigangguan Seksual Ogos lalu, saya juga ingin menyatakan keraguan saya terhadap kekuatan definisi menghendap- *stalking* yang disebut dalam pindaan seksyen 507A rang undang-undang. Perkara tersebut merupakan satu kepincangan yang boleh dipersoalkan di mahkamah kelak. Ia juga boleh menjejaskan kredibiliti pendakwaan serta pembelaan yang sewajarnya membuktikan dengan jelas kewujudan unsur menghendap dalam tingkah laku seseorang tertuduh.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan menghendap ini boleh ditafsirkan dengan pelbagai maksud. Di luar perspektif undang-undang, menghendap juga disebut sebagai satu perbuatan memerhati dari jauh dengan niat untuk mencari peluang untuk berinteraksi atau mengikuti aktiviti harian yang dilakukan oleh orang yang dihendapkan. Perbuatan tersebut boleh dilakukan sama ada secara fizikal mahupun secara atas talian, iaitu media sosial.

Hakim yang mengadili di mahkamah juga memahami trend masa kini di mana individu-individu yang disukai dan diminati ramai termasuklah yang bergelar *crush* serta selebriti media sosial sering terdedah dengan jaringan komunikasi tanpa sempadan antara mereka dan peminat-peminat mereka. Bagaimana pula dengan pengguna media sosial yang tergulung dalam segmen selebriti media sosial, yang sering menerima mesej daripada individu-individu yang tidak dikenali yang juga merupakan pengikut atau *follower* mereka?

Adakah individu yang menghantar mesej kepada selebriti media sosial tersebut boleh dituduh mengikut subseksyen 2(b) sekiranya selebriti tersebut melaporkan perkara itu dan kepada pihak polis? Bagaimanakah pihak polis dapat melakukan penilaian kes terhadap laporan tersebut dengan hanya mengambil kira kandungan mesej yang dihantar kepada selebriti tersebut?

Bagaimanakah satu-satu mesej yang berulang atau *repetitive* dihantar kepada selebriti tersebut dapat ditafsirkan sebagai satu kesalahan menghendap mengikut subseksyen 2(b) tersebut? Dengan kata lain, apa indikator yang boleh digunakan oleh pegawai penyiasat PDRM mahupun pihak pendakwa raya bagi memastikan elemen *distress*, *fear*, atau *alarmed* yang disebut dalam subseksyen 1 benar-benar wujud dalam mesej yang dihantar?

Sama juga seperti isu menghendap, kita juga sebagai *lawmaker* tidak boleh menolak sebarang andaian rasional serta hakikat bahawa seseorang yang pernah dianiaya, baik secara fizikal mahupun mental pada masa silam, juga boleh terdedah dengan risiko trauma yang boleh memberi kesan kepada individu di persekitaran mereka.

Bagi individu yang mempunyai trauma sebegitu, gangguan psikologi juga boleh menyebabkan individu tersebut berasa terlebih sensitif terhadap satu-satu perkara yang berlaku kepada dirinya. Seperti yang disebutkan tadi, takrif *stalking* atau hendap tidak dinyatakan secara konkrit. Mana-mana individu yang merasakan dirinya diperlakukan dengan perbuatan menghendap boleh sewenang-wenangnya menuduh tanpa asas- *accuse without basis*, Tuan Yang di-Pertua- mana-mana individu yang secara berulang menghantar mesej di sosial media kepadanya.

■1530

Apakah sandaran atau bukti yang boleh dijadikan sebagai hujah pendakwaan di mahkamah sekiranya menuduh hanya menyatakan bahawa tertuduh telah menghantar *private message* kepada saya hampir setiap hari dan mesej-mesej itu membuatkan saya berasa tidak selesa dan tertekan? Persoalan besar yang harus Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab ialah bagaimana satu-satu mesej atau komunikasi itu dikira sebagai gangguan yang bersifat mengganggu ketenteraman mental seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin menyentuh sedikit berkaitan sub seksyen 3, iaitu mengenai hukuman di bawah kesalahan menghendap. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah satu-satu hukuman pemenjaraan ditentukan? Bagaimana *degree of crime*, dengan izin, bagi setiap kesalahan yang disebut dalam sub seksyen 2 rang undang-undang ini, seperti di negara India berdasarkan pindaan *Indian Penal Code 2013...* [Melihat jam] Can Sir, satu minit?

Hal yang memasukkan peruntukan mengenai kesalahan menghendap tempoh pemenjaraan bagi sabitan pertama boleh mencecah tempoh tiga tahun maksimum atau denda atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan kedua yang disabit hukuman penjara bagi pesalah menghendap meningkat sehingga lima tahun maksimum atau didenda. Bagi pandangan saya, jika kesalahan menghendap itu melibatkan ketenteraman mangsa sehingga si penghendap kerap muncul di hadapan rumah mangsa perbuatan sebegitu lebih layak untuk dikenakan hukuman pemenjaraan yang melebihi tiga tahun, biarpun ia sabitan pertama.

Sejujurnya jika saya sendiri menjadi mangsa hendap sehinggakan saya diekori sampai kediaman saya, hampir setiap hari atau minggu emosi saya boleh terganggu. Mungkin hukuman pemenjaraan dapat diklasifikasikan mengikut *degree of crime*, dengan izin, bagi perbuatan yang disebut dalam (A), (B), (C) dan (D) dalam sub seksyen 2. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya. Saya menyokong rang undang-undang ini dengan harapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mempertimbangkan segala hujah serta pandangan yang saya nyatakan. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali.

Kita pergi kepada Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli.

3.32 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut sama berbahas dalam rang undang-undang yang ada di depan kita ini, yang mana memasukkan beberapa bahagian untuk membolehkan *stalking* ataupun menghendap ini menjadi satu jenayah apabila ia memberikan kesan terhadap orang yang dihendapkan sehingga menimbulkan ketakutan, kecederaan, emosi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada hari ini dengan teknologi yang sedia ada kita membuat *posting* di dalam Internet, *Facebook* dan sebagainya selepas itu kita minta orang komen, minta orang *like*, minta orang *share*. Jadi bila orang sudah berminat dengan *posting* tersebut dan orangnya maka ia akan keraplah. Dia akan kerap bagi komen, dia akan kerap *share* dan kalau boleh dia akan minta hendak jumpa dan sebagainya dan berterusan. Tidak ada siapa yang boleh hentikan dia dalam situ melainkan di *block* oleh- sedemikian.

Jadi perkara macam ini berlaku kerana teknologi dan cara hidup kita sudah berbeza. Kemudian selebriti, selebriti ini kalau dia tidak di-*celebrate*, tidak diraikan, tidak diangkat, dilambung tidak jadilah selebriti. Jadi bila orang minat pada dia erti dia hendak rapat dengan orang itu, hendak kenalkan, hendak bergambar dengan dia. Hari-hari hendak bergambar apa salahnya pada dia. Akan tetapi kepada orang yang hendak menjadi selebriti ini ia sudah menjadi satu bahagian *harrassment* atau kacau ganggu yang perlu ditahan dan diambil tindakan.

Jadi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Kesavadas tadi, ia memerlukan satu penelitian di pihak pendakwaan kalau hendak jadikan ia satu jenayah. Kalau dia menggunakan kamera berterusan, paparazi pun menggunakan keadaan sedemikian. Kalau paparazi boleh buat maka dia kata dia juga boleh buat mengikut selebriti itu di mana-mana, sampai di rumah pasang kamera kekal kerana dia hendak mengambil gambar, kerana dia selebriti tetapi bagi si mangsa ia menjadi satu keadaan yang menyulitkan kehidupan dia.

Jadi maksud di sini Tuan Yang di-Pertua ialah ia memerlukan penelitian bersungguh-sungguh kerana kita tidak mahu, oleh sebab kita digalakkan untuk '*stalking*', dengan izin, kita pula menjadi mangsa. Di sini hukuman-hukuman yang dikenakan itu agak berat. Pemenjaraan dua tahun dan sebagainya. Jadi kita hendak pastikan kalau kes itu benar-benar sahih, *real* yang itu boleh menyebabkan emosi yang berat sampaikan memerlukan rawatan perubatan,

tidak boleh keluar rumah, fobia yang melampau yang ini mungkin kita boleh kategorikan sebagai suatu kerja jenayah yang mesti diambil tindakan.

Untuk ini, kita perlu memastikan bahawa tindakan-tindakan untuk menjauhkan, menjarakkan ataupun menghalang yang dituduh ini daripada merapat dan berterusan menghendap mesti dikuatkuasakan. Saya yakin dalam rang undang-undang seterusnya, perkara ini akan disentuh dan dimasukkan sebagai usaha untuk tindakan diambil terhadap penghendap-penhendap ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga sesetengah pihak penguat kuasa kerjanya menghendap, dia menghendap. Pihak Berkuasa Agama misalnya, dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memerhatikan jenayah-jenayah syarie daripada berlaku kena menghendap. Jadi kita tidak mahu pula orang yang dihendapkan ini kerana telah melanggar undang-undang syarak ini menuduh bahawa mereka ini dihendapkan, dan membuat laporan. Susah juga penguat kuasa kita hendak melaksanakan tanggungjawab ini bagi mencegah kemungkaran ini daripada berleluasa.

Jadi sekali lagi saya mengharapkan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan pengecualian-pengecualian yang boleh diberikan kepada penghendap-penhendap rasmi. Ini kerana tanggungjawab mereka itu juga memerlukan mereka *spying*, dengan izin, ke atas orang-orang tertentu.

Teknologi pemakaian *closed circuit tv* ini Tuan Yang di-Pertua merupakan suatu kebiasaan hari ini kos pun tidak tinggi. Jadi kawasan rumah kita ada sebahagiannya di tempat-tempat yang terbuka tetapi kesalahan berlaku kalau orang memasang kamera ini di tempat-tempat yang tertutup yang sepatutnya ada kebebasan bergerak bagi mana-mana orang. Jadi adakah ini juga termasuk dalam takrifan menghendap yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pengenalan rang undang-undang ini dapat melengkapkan Kanun Jenayah kita ini, lengkap dengan isu-isu yang semasa dan kita tidak harus *apologetic* kerana kita lambat membuatnya kerana teknologi berubah. Dahulu benda ini tidak berlaku kerana suasana berbeza. Jadi hari ini kita hendak melengkapkannya dan kita akan mempunyai *advantage* pula kalau kita buat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dahulu Yang Berhormat Dr. Hatta orang menghendap fizikal, sekarang pakai *remote control*, pengawasan dari jauh... [Ketawa] Jadi perkembangan itu kita fahamlah.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Itulah dia nya. Pada saya ialah Tuan Yang di-Pertua, penghedapan fizikal ini rasanya lebih bahaya kerana kita nampak orang itu menghendap jadi *fearful*. Kalau kita orang laki-laki pun dia menghendap begitu kerana kita juga orang politik contohnya, kalau dia menghendap risau juga. Salam dengan orang, orang hendak tengok ada *envelope*, susah juga ya.

Jadi sepatutnya undang-undang ini ada daripada dahulu tetapi sekarang ini lagilah diperlukan kerana cara menghendapnya sudah canggih dan Tuan Yang di-Pertua pun tahu kamera-kamera yang digunakan untuk menghendap ini *very high resolution* Tuan Yang di-Pertua.

■1540

Nampak jelas, dari jauh boleh kenal, boleh nampak senyum orang itu. Nampak jelingan mata. Jadi perkara-perkara ini saya rasa merupakan sesuatu yang *lively* daripada segi pembentukan atau pembuatan undang-undang. Jadi, saya jangka undang-undang ini akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh mencelah sedikit Dr?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan yang ada sekarang, sebenarnya adakah benar menghendap fizikal itu lebih berbahaya daripada menghendap media sebab menghendap media ini lebih canggih dan orang boleh dapat seluruh episod yang sebahagian besarnya ahli politik jatuh kerana program ini. Minta komen Dr.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya, saya tadi mengulas pandangan yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua. Kalau menghendap fizikal itu, kita memang nampak dia. Jadi, apabila kita nampak hari-hari, nampak depan rumah kita, tentulah kita akan khuatir, kita buat laporan. Akan tetapi yang ini kita tidak nampak tetapi lebih berkesan seperti yang Yang Berhormat Senator Cikgu Hussin sebut tadi. Memang lebih bahaya lagi.

Jadi pengajaran bagi kita, orang kita ini juga selebriti *in our own sense*, harus berhati-hati. Jangan buka diri kita kepada peluang-peluang untuk dihendapkan dengan secara yang negatif. Kalau orang hendak hendak hendak tengok prestasi kita dalam kerja, itu menghendap juga itu tetapi menghendap yang bagus dan mendapat laporan yang baik oleh bos-bos kita, tidak apalah kalau bos kita hendak menghendap, ya? Akan tetapi kalau negatif, silap sedikit, silap cakap kita akan dianiaya, itu mungkin salah kita sendiri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

3.42 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya menyertai perbahasan pindaan terhadap Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023.

Seperti kita sedia maklum, pindaan ini adalah berkaitan perlakuan menghendap dan pemerincian tindakan ini sebagai satu kesalahan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada

pihak kementerian. Pindaan ini, dengan izin, *is long overdue*. Para kaum wanita sering kali mengalami situasi ini. Berdasarkan kajian Women's Aid Organisation, 36 peratus orang Malaysia perempuan dan juga lelaki telah mengalami situasi dihendapkan, atau *stalking*, dengan izin.

Bayangkan satu dari tiga orang di Malaysia mengalami situasi seumpama ini. Oleh itu, saya sangat menyambut baik bahawa pemerincian kesalahan perlakuan menghendap ini juga melindungi kaum lelaki dan bukan sahaja kaum wanita. Secara amnya, saya sememangnya menyokong RUU ini namun saya mempunyai satu persoalan pendek yang memerlukan penjelasan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sefahaman saya definisi perlakuan menghendap di bawah seksyen 507A mampu mengambil kira situasi di talian dan secara fizikal. Ini sangat bagus. Akan tetapi untuk mengambil tindakan terhadap pelaku atau pesalah, mereka perlu melakukan perkara ini sekurang-kurangnya dua kali. Barulah kita boleh mengambil tindakan undang-undang. Ini bagi saya macam tidak logik. Buat sekali okey tetapi buat kali kedua kita ambil tindakan. Ini saya rasa tidak logik.

Sebagai contoh, baru-baru ini sosial media tergempar dengan perkongsian seorang wanita. Beliau mendakwa bahawa beliau dihubungi oleh seorang lelaki yang telah mengambil gambar beliau sewaktu beliau sedang berjalan di bazar Ramadan. Lelaki itu mengeluarkan kata-kata yang amat kesat berkaitan badan beliau yang mana beliau ini seorang yang bertudung.

Jadi jikalau mengikut definisi sedia ada, perkara ini tidak boleh diambil tindakan di bawah seksyen 507A. Bolehkah perkara ini dikaji untuk melindungi mangsa dalam situasi tersebut atau adakah terdapat cara yang lain atau seksyen yang lain dalam akta-akta berkaitan jenayah yang boleh diguna pakai supaya tindakan boleh diambil untuk membendung perlakuan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin bangkitkan. Pindaan ini merupakan pindaan yang sangat baik dan usaha kerajaan patut dipuji. Saya menunggu suatu masa nanti di mana masyarakat kita akan lebih peka kepada sensitiviti pergaulan jantina dan menjaga tindakan masing-masing. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang. Sekian, terima kasih. Masa yang lebih ada lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Sila Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

3.45 ptg.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023.

Sesi perbahasan rang undang-undang ini bagi saya amat menarik kerana kesalahan menghendap sehingga boleh dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Bermaknanya kesalahan menghendap ini semakin lama menjadi semakin serius. Kalau dahulu orang menghendap tidak masuk Dewan yang mulia ini. Hari ini isu menghendap ini dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh sebab kalau kita lihat isu menghendap ini telah menjadi satu perkara yang serius.

Jadi saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan untuk menyatakan statistik terkini kes menghendap ini yang telah dilaporkan supaya kita boleh sama-sama ambil iktibar dalam isu yang kita bahas pada hari ini dengan lebih berhati-hati.

Berkaitan kesalahan menghendap ini, dapat juga kita lihat daripada kesan teruk kepada mangsa. Walau tidak melibatkan kecederaan fizikal, tetapi ia menyebabkan kesan trauma dan juga gangguan emosi yang serius. Kalau kita tidak tangani isu ini dengan serius, kita risau berlakunya peningkatan kes-kes pembunuhan, bunuh diri, akibat kalangan mangsa mendapat tekanan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan pada tahun 2019, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Kajian Dasar Mengenai Perlakuan Mengganggu dan Menghendap serta telah menemui keputusan dasar dan menggubal undang-undang. Jadi kalau tidak keberatan, saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk kongsi bersama Ahli Dewan dan juga rakyat yang menonton hari ini berkenaan pendapatan jawatankuasa tersebut.

Mengikut satu kajian yang saya baca, 36 peratus daripada rakyat Malaysia hari ini pernah dihendapkan dan menghendap dan merasa ketakutan. Daripada jumlah ini, 12 peratus daripada ancaman dan bakinya 17 peratus telah mendapat kecederaan. Jumlah peratusan ini amat membimbangkan. Setakat ini, apakah tindakan yang telah diambil terhadap individu-individu yang terlibat dalam kesalahan menghendap ini? Kesalahan menghendap ini kalau kita lihat negara-negara lain, negara luar yang jauh lebih moden daripada negara kita meminda undang-undang yang berkaitan supaya keselamatan rakyat lebih terjamin.

Kegiatan menghendap pada zaman moden hari ini bukan sahaja kita lihat tengok mangsa daripada secara fizikal, tetapi pemangsa hari ini menggunakan teknologi moden, menggunakan kamera-kamera mini yang boleh didapati pada harga yang murah daripada aplikasi-aplikasi dalam *handphone* mereka. Mereka boleh beli kamera mini ini di *Shopee*, di *Lazada*, dan akhirnya menyalahgunakan kamera mini ini untuk menghendap.

Peralatan seperti ini saya rasa amat menyukarkan kepada pihak kerajaan untuk menjejaki pelaku ini kerana hal ini agak sukar kerana siapa yang meletakkan kamera tersebut terhadap mangsa lebih-lebih lagi jika kamera tersebut tidak disambungkan langsung kepada peranti pemangsa. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah cara dan mekanisme bagi mengawal perkara ini?

Soalan saya seterusnya dalam aspek penguatkuasaan. Kebiasaan pihak penguasa seperti polis atau SPRM yang menggunakan kamera dan mengambil gambar suspek secara sembunyi bagi mengumpulkan bukti ini. Jadi, adakah tindakan mereka ini akan dikira sebagai salah satu kesalahan sekiranya pindaan akta ini dikuatkuasakan?

Jadi, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam ini meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memperjelaskan hal ini daripada segi undang-undang kerana kalau hari ini SPRM atau polis menghendap suspek, adakah ia akan menjadi juga sebahagian daripada kesalahan akta ini? Dalam pindaan akta ini mengatakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“Whoever repeatedly by act of harassment attending to cause or knowing to ought or to know the act is likely to cause distress, fear or alarm to any person, person’s safety commits the offence of stalking”*, dengan izin.

■1550

Dengan pernyataan ini telah didapati berlakunya kesalahan ini berlaku kali kedua baru dikenakan hukuman oleh pihak mahkamah. Kalau kita tidak mahu perkara jenayah ini berulang, ada kemungkinan berlaku, penghendap ini tahu. Kali pertama tidak kena, kali kedua baru kena. Maknanya, mereka tidak takut melakukan kesalahan pertama melainkan kesalahan keduanya ditangkap. Jadi, kita minta pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan tentang isu ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkenaan mangsa-mangsa yang terlibat. Jika kita lihat kes penderaan ataupun masalah rumah tangga, ada Talian Nur 15999. Bagaimana pula mangsa yang terlibat dalam kes mengendap ini. Adakah cuma menggunakan Talian 999 sahaja ataupun Talian Nur ini diguna pakai? Masalah tekanan emosi juga saya lihat pasti akan dihadapi oleh mangsa lebih-lebih lagi sekiranya gambar atau video mereka dalam keadaan yang tidak sepatutnya disiarkan di media-media sosial.

Adakah ini juga akan diambil tindakan? Ini kerana apabila disiarkan kepada umum, tekanan mental akan terkena kepada mangsa yang terkena. Apakah kerajaan yang ada menyediakan sesi kaunseling atau sesi khas bagi mangsa-mangsa supaya mereka kembali menjalani hari-hari mereka dengan lebih baik tanpa ada rasa trauma dalam pemikiran mereka?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang supaya keamanan dan kesejahteraan rakyat kita dijamin. Saya berharap kepada mereka yang pernah menjadi mangsa ini seperti Yang Berhormat Senator Dato’

Kesavadas a/l A Achyuthan Nair tadi yang cakap, takut orang mengendap beliau, membuat laporan polis untuk segera dilakukan agar perbuatan tidak bermoral ini dapat dibendung. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Dato' sila.

3.51 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin menyokong rang undang-undang ini kerana sebagaimana rakan-rakan telah mengatakan tadi, kalau kita ambil statistik kes-kes mengendap yang berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia, setinggi 36 peratus iaitu satu peratusan yang tinggi.

Kalau mengikut *International Journal of Environment Research and Public Health*, ini dikeluarkan oleh Amerika Syarikat pada tahun 2022, kajian dibuat di Hong Kong, *Mainland China* dan juga Ghana. Purata keseluruhan kes-kes mengendap ini sebanyak 34.6 peratus iaitu sebanyak 22 peratus di Hong Kong dan sebanyak 32.3 peratus di China dan sebanyak 47.3 peratus di Ghana.

Jadi, kalau kita tengok lebih lanjut lagi kes-kes kajian yang dijalankan di USA, satu daripada lima kes mengendap ini melibatkan perempuan. Bukan yang mengendap, yang mangsanya iaitu perempuan. Akan tetapi, lelaki lebih rendah iaitu satu daripada 19. Begitu juga dengan UK, satu daripada lima bagi perempuan dan satu daripada 18 untuk lelaki. Begitu juga, satu daripada lima orang wanita dan satu daripada 12 orang lelaki di Australia.

Jadi, kalau kita tengok statistik-statistik ini menunjukkan bahawa kes-kes mengendap ini bukan sahaja berlaku di Malaysia. Ia berlaku di mana-mana saja. Akan tetapi, walaupun kita agak terlewat, tetapi saya rasa kita berada di landasan yang betul dan kita telah memulakan untuk mengadakan undang-undang ini kerana saya rasa kes-kes terdahulu yang sebahagian besarnya mungkin dibicarakan atas *Penal Code* 509 yang didenda dengan mungkin RM1,000 atau lebih dan selepas itu dilepas semula.

Ada satu kes itu, tidak silap saya mangsa itu telah dihendapkan selama lapan tahun. Akhirnya apabila dibicarakan, pelaku tersebut telah didenda sebanyak RM1,200 dan selepas itu dilepaskan. Jadi, bayangkan selama lapan tahun wanita ini berada dalam keadaan trauma tetapi dendanya cuma RM1,200 sahaja dan selepas itu dilepaskan.

Jadi, inilah antara perkara-perkara yang saya rasa yang perlu kita lakukan iaitu saya dengan inilah 100 peratus saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Selepas itu saya panggil Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

3.55 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini iaitu DR 5/2023. Jadi, saya membincangkan tentang undang-undang mengendap ini sesuatu yang baik kerana ini akan mencegah jenayah yang lebih besar boleh terjadi.

Jadi, justeru itu saya dengan ini menyokong dulu rang-undang ini kerana ia sesuatu yang boleh mengelak daripada jenayah yang lebih besar seperti mencederakan dan juga ada juga akhirnya terjadinya pembunuhan. Jadi, justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan satu persoalan di mana dalam keadaan kita menghadapi keadaan media sosial yang semakin canggih sekarang, ada keadaan di mana pemilik akaun atau orang kata akaun palsu- *fake account* yang dibina untuk mengendap kita secara media sosial baik Facebook, baik di *Instagram*, *TikTok* dan sebagainya.

Jadi, apabila kita menerima sesuatu akaun itu, ataupun *accept* kalau di dalam Facebook, maka orang itu akan dapat melihat aktiviti kita setiap hari. Jadi di mana kita kena ada juga media sosial ini yang akan menunjukkan kedudukan kita. Jadi, justeru itu apakah cara untuk kerajaan mengatasi *fake account* ini yang digunakan untuk mengendap kita? Ini di mana *fake account* ini banyak berlaku walaupun kadang-kadang kita suka apabila orang banyak *like* ataupun banyak *followers* kita.

Rupa-rupanya di dalam ribuan *followers* kita itu ada orang yang mahu memprejudiskan kehidupan kita. Justeru itu, saya berharap supaya dengan adanya undang-undang antimengendap ini, ini akan membantu menyelesaikan banyak perkara kerana ada perkara-perkara dan ada jenayah besar yang pernah berlaku di mana- di Miri di mana ada sahabat kita yang pernah dihendapkan. Saya percaya kerana beliau dihendapkan itulah, penjenayah ini dapat tahu di manakah kedudukan dia setiap hari, di mana laluan dia setiap hari dan sehingga pada suatu ketika, dia ditembak mati pada satu- persimpangan.

Jadi, inilah satu undang-undang yang bagi saya sangat saya sokong kerana ia pada akhirnya akan membantu mencegah jenayah yang lebih besar. Justeru itu, saya tidak banyak persoalan tentang perkara ini. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad..., tiada?

Dengan tiadanya beliau, maka dengan sukacita dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.59 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Terima kasih saya mengucapkan kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambi bahagian. Kesemuanya seramai enam orang pembahas dalam perbahasan berkenaan dengan undang-undang baharu mengendap ini.

■1600

Saya ingin menjawab satu persatu mengikut isu-isu yang telah pun ditimbulkan. Bukan secara senarai pembahas tetapi mengikut isu-isu.

Sebelum itu, perlu saya tekankan di sini, isu menghendap ini bukannya isu yang baharu. Seperti yang telah saya katakan tadi, banyak negara lain telah pun memperkenalkan undang-undang berkenaan dengan *stalking* ataupun menghendap untuk menangani masalah ini yang semakin menjadi satu masalah yang teruk. Seperti yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, isu ini bukan sahaja- dahulunya mungkin secara fizikal, tetapi sekarang isu menghendap ini telah pun *evolved over time*, dengan izin, dan telah pun menjadi satu isu yang lebih serius. Dengan latar belakang tersebut, kita perlu *appreciate* betapa pentingnya undang-undang yang baharu ini diperkenalkan.

[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kepada Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair..., minta maaf- yang juga merupakan Timbalan Speaker sekarang... *[Ketawa]* Yang Berhormat telah pun menimbulkan banyak soalan yang penting, dan ingin saya menjawab soalan-soalan tersebut.

Pertamanya, Yang Berhormat telah pun menimbulkan ataupun memberi beberapa contoh negara lain seperti Queensland di Australia yang telah pun memperkenalkan undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengeluarkan perintah-perintah *restraining order*, dengan izin. Itu juga merupakan salah satu daripada pindaan kami dalam rang undang-undang yang akan dikemukakan selepas ini di bawah Kanun Tatacara Jenayah di mana di dalam pindaan-pindaan tersebut, pindaan-pindaan kepada CPC tersebut, Kanun Tatacara Jenayah tersebut, akan memberi kuasa untuk mengeluarkan *protection order*, dengan izin, dalam kes-kes menghendap di mana *protection order* itu merupakan sama dengan seperti di Queensland yang dinyatakan tadi di mana *restraining order* telah pun dibenarkan di dalam *jurisdiction* tersebut. Jadi, itu juga kami akan memperkenalkan di negara ini melalui pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah tersebut.

Juga kepada soalan seterusnya oleh Yang Berhormat iaitu, sejauh mana menghendap boleh menjadi satu kesalahan. Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu meneliti elemen-elemen yang perlu dibuktikan di bawah seksyen 507A iaitu terdapat beberapa elemen.

Pertamanya, elemen *repeatedly*. Isu ini telah pun ditimbulkan oleh beberapa orang Yang Berhormat yang saya akan menjawab sebentar lagi. Elemen *repeatedly*, betul, *there has to be at least on two occasions*, dengan izin. *Yes, I'll come to that*, tetapi *at least on two occasions* baru boleh *qualify* sebagai satu *act of harassment* ataupun *stalking*.

Juga, terdapat elemen-elemen yang lain iaitu perlu adanya *harassment* yang juga telah pun diberi definisi, walaupun tidak secara *exhaustive*. *This is* seksyen seterusnya iaitu 507A(2). Dan juga yang penting merupakan mangsa itu perlu berada dalam keadaan *stress* atau *fear* dan sebagainya seperti yang dinyatakan dalam seksyen tersebut. Jadi, untuk sesuatu *act* itu atau tindakan itu menjadi satu tindakan menghendap, semua elemen ini perlu dibuktikan secara serentak.

Jadi, *the reason why*- untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa dan juga Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah, kedua-dua Yang Berhormat telah menimbulkan isu yang sama. *Why is it the word "Repeatedly" used*, dengan izin? Kenapakah perlu adanya sekurangnya-kurangnya dua insiden baru sahaja dia boleh dikatakan menghendap?

Jawapannya, Tuan Yang di-Pertua, adalah oleh sebab terdapat seksyen-seksyen lain ataupun kesalahan-kesalahan lain yang menangani *isolated incidents of intimidation*, dengan izin. *Not only intimidation* tetapi *intimidation of a sexual nature where it is isolated*. Ini merupakan insiden-insiden yang merupakan jenayah juga, tetapi jenayah di bawah seksyen yang lain, iaitu di bawah seksyen 503, dan 509 *Penal Code*.

Seksyen 503 tersebut adalah berkenaan dengan *criminal intimidation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang menyatakan, dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris. *"Whoever threatens another with any injury to his person, reputation or property, or to the person or reputation of any one in whom that person is interested, with intent to cause alarm to that person, or to cause that person to do any act which he is not legally bound to do, or to omit to do any act which that person is legally entitled to do so, as the means of avoiding the execution of such threat, commits criminal intimidation."*

Juga, seksyen 509 yang sedikit lain iaitu berkenaan dengan *insulting* ataupun *word or gestures*, bukan sahaja perkataan-perkataan, tetapi *gestures* juga yang boleh *insult the modesty of a person*.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah ya. Seksyen 503 *criminal*, seksyen 509 *insulting*, dengan izin. Yang ini adalah menghendap. Kenapakah menghendap itu perlu dua kali? Kalau dia menghendap sekali, kali kedua juga dia menghendap, baru kita boleh ambil tindakan. Bagi saya, *criminal* dan *insulting* ini berbeza daripada menghendap, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau boleh bagi sedikit penjelasan. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the act of stalking the, word "stalking" in itself implies*, dengan izin, *an act that has been continuously happening. Not an isolated incident.* Itulah rasional di sebalik seksyen tersebut. Itulah sebabnya kenapa "*Repeatedly*" tersebut dinyatakan dalam seksyen tersebut.

Sekiranya sesuatu insiden itu berlaku buat kali pertama, bukannya kita kata ia bukan satu kesalahan, *we are not saying it is not, but what we are saying is it does not qualify as an act of stalking*, oleh sebab terdapat seksyen-seksyen lain yang boleh menangani masalah *first time isolated incident*. Itu pendirian yang diambil oleh kerajaan daripada segi ini. Seperti mana juga diimplementasi di negara-negara lain, saya percaya Singapura juga mempunyai pentakrifan yang lebih kurang sama iaitu perlu adanya *repeated act*, iaitu lebih daripada *an isolated event*. Itulah rasional, Yang Berhormat, untuk perkataan "*Repeatedly*" tersebut.

Saya juga meneruskan dengan beberapa soalan lain yang ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Dato' Kesavadas. Yang Berhormat bertanya apakah indikator yang boleh digunakan oleh polis ataupun timbalan pendakwa raya untuk menentukan wujudnya stres dan ketakutan kepada seorang mangsa.

■ 1610

Yang Berhormat, ini merupakan satu persoalan fakta ataupun, dengan izin, *a question of fact*. Ini satu perkara yang bergantung banyaknya kepada siasatan yang akan diambil oleh pihak berkuasa iaitu pihak polis ataupun yang akan memberi keputusan siasatannya kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya. Daripada siasatan tersebut, *it is a subjective test whether a person*, dengan izin, *victim was put to stress and fear and so on*. Itu merupakan satu ujian subjektif.

Jadi, itu akan mengambil kira beberapa faktor yang tertentu yang unik kepada kes tersebut. Lebih baik kalau ada juga keterangan-keterangan sokongan yang menyokong ataupun *corroborative evident* yang menyokong bahawa seorang itu *was put into fear* ataupun *stress*. Akan tetapi itu bukan semestinya satu elemen. Lebih baik- *its desirable if there is corroborative evidence, but evidence of stress and fear from the victim himself or herself alone may qualified*, dengan izin, *as part of the element*.

So, it's all depended- semuanya bergantung pada siasatan yang akan dijalankan oleh pihak polis dalam setiap kes yang tertentu. Juga beberapa soalan telahpun ditimbulkan berkenaan dengan sosial media. Bagaimana kami akan menangani masalah-masalah seperti

fake account yang telah pun ditimbulkan tadi. *Fake account* itu kerap kali- ini telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit tadi berkenaan dengan pemilik *fake account* yang menciptakan *fake account* tersebut, *solely for the purpose of stalking* ataupun bagi tujuan menghendap. *Of course*, ini merupakan satu masalah yang serius.

Ini merupakan satu perkara iaitu kementerian perlu mendapat kerjasama dengan agensi-agensi lain yang seperti PDRM, MCMC, SKMM untuk bekerjasama dalam siasatan untuk menentukan siapa yang mengeluarkan ataupun mencipta *fake account* tersebut. Ini kerana, dalam dunia media sosial sekarang bukan sahaja untuk kes-kes menghendap tetap *fake account* memang itu merupakan satu perkara yang amat- *it's a very big trap* yang perlu kita menangani dan ini merupakan satu perkara *I think which is very much in the domain of the MCMC who must take*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *proactive steps* untuk mengenal pasti, siapa di belakang *fake-fake account* tersebut.

Akan tetapi itu tidak bermaksud bahawa siasatan terhadap *stalking* tersebut dalam kes yang *even if* terdapatnya *fake account*, tidak dapat dijalankan. *The investigation will certainly continue*. Tujuan 507A yang baharu ini adalah untuk memberi kuasa kepada pihak berkuasa dalam kes ini terutamanya PDRM untuk memulakan siasatan. Oleh sebab itulah, seperti yang saya katakan tadi, 507 itu adalah secara umum. Dengan 507 itu sendirinya adalah susah untuk memulakan siasatan terhadap- *at least the investigation will commence*. Itu satu perkara yang...

Tuan Abun Sui Anyit: Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Yes.

Tuan Abun Sui Anyit: Sekiranya kita ataupun pihak berkuasa dapat membantu kita mengenal pasti orang yang telah menggunakan *fake account*, bolehkah terus dituduh di bawah undang-undang ini.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Yes, yes. *Of course*, kalau identiti orang yang membuka *fake account* tersebut itu dapat ditentukan melalui siasatan, melalui SKMM dan pihak-pihak sebagainya, sudah tentu- *if he can be connected to this act of stalking* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *certainly* tindakan boleh diambil di bawah seksyen ini terhadap beliau.

Juga telah pun ditimbulkan oleh beberapa Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli berkenaan dengan isu penguat kuasa. Penguat kuasa juga ada kadang-kadang men-*stalk* dalam siasatan mereka. Akan tetapi kita perlu ingat di sini bahawa satu buah badan yang mengeluarkan ataupun yang menjalankan- minta maaf siasatan mereka itu merupakan satu justifikasi terhadap tindakan-tindakan mereka yang boleh ditakrifkan sebagai *stalking*.

Oleh sebab mereka perlu menjalankan siasatan, *that is something that they have to do in the cause of their duty*. Ada juga pihak-pihak lain seperti *private investigator*. Mereka mempunyai lesen contohnya *private investigator* mendapat lesen di bawah Akta Agensi

Persendirian 1971. *They are therefore justified.* Mereka mempunyai justifikasi untuk menjalankan siasatan dan sekiranya ia jatuh dalam elemen atau pun kategori *stalking* di bawah 507 ini, maka mereka akan mempunyai satu pembelaan dan tidak harusnya dituduh sekiranya mereka *the action can be justified.*

Juga telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Mohd Hatta tadi dan beberapa Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan *celebrities, paparazzi*, dan sebagainya. *I think the law does not discriminate*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sekiranya selebriti atau tidak kalau ada *act of* menghendap *it will apply whether to a celebrity or not. Of course*, ini seperti mana yang saya kata saya perlu menekankan di sini *it is very important*. Satu elemen yang penting dalam seksyen 507A ini merupakan elemen bahawa seorang itu adalah dalam keadaan ketakutan. *You can only be afraid if you know you're being stalked.*

Jadi, sekiranya seseorang itu mengintip *without the knowledge of the mangsa, it is unlikely that he would be afraid.* So, sekiranya seseorang itu *paparazzi* ataupun *reporter* dan sebagainya membuat siasatan ataupun tanpa pengetahuan mangsa itu tidak akan menyebabkan ketakutan. Oleh itu, elemen tersebut tidak dibuktikan. So, seperti yang saya stress dan menekankan pada permulaannya. *It is a very much a question of fact. It's very much a question of fact-* satu persoalan fakta semasa siasatan.

Isu yang penting di sini berkenaan dengan selebriti juga. *As long as he or she is put in fear on a repeated occasion more than once*, Dua kali dan lebih *whether he is a celebrity makes no difference. The act of stalking would be made out. But those elements* perlu dipenuhi dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi isu yang ditimbulkan adalah berhubung dengan isu *tracking*. *Tracking* itu seperti yang saya telah pun terangkan tadi juga masuk dalam seksyen ini. Ini akan merangkumi *because* dalam dunia sekarang kita ada banyak cara untuk menghendap seseorang. Bukan secara semestinya secara tradisional seperti dahulu secara fizikal. Jadi, itu sebabnya *tracking* itu telah pun di-*include* ataupun dimasukkan.

Oleh sebab ini akan merangkumi kebanyakan kes yang menggunakan sosial media dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan sahaja sosial media tetapi alat-alat ataupun *device* seperti GPS yang mampu mengikut seseorang itu dari jauh. *Remotely from a distant a person on this day of age can be followed by way tracking means.* Bukan seperti dahulu. Ini satu perkara saya percaya satu perkara yang perlu *it is a necessary element to be included* dalam seksyen ini untuk menjayakan seksyen ini ataupun untuk memberi kesan kepada pendakwaan-pendakwaan masa hadapan.

■1620

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Menteri, penggunaan dron pun, kalau ada elemen menghendap, juga salah *kan?* Dron.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Yes. Itu pun merupakan satu *device*. *It can be said to be a tracking device.*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Senang ke hendak kesan siapa *owner*-nya?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: *Sorry?*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Mudah ke untuk kesan *owner* dron di atas sana?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Itulah, seperti yang saya katalah. Kalau kita dapat mengesan, sama seperti pemilik *fake account* tadi. *As long as the person can be identified, then yes.* Akan tetapi, itu merupakan- saya terima satu cabaran untuk mengesan pemilik *fake account*, mengesan pemilik dron *and all that*. *It would be a challenge.*

Akan tetapi, apa yang perlu ditekankan di sini ialah *we are at least, we have head start now. We can commence investigations.* Itu yang penting. *Before this, we were not even able to commence investigations.*

Jadi, itulah merupakan penggulungan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas yang saya mendapati menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Boleh saya mencelah, Tuan Pengerusi?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Silakan, Yang Berhormat Senator.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Saya hendak membangkitkan soal ataupun isu berkaitan dengan teks sahih Akta Kanun Keseksaan dan Akta Kanun Tatacara Jenayah yang tampaknya masih dalam bahasa Inggeris. Kalau perhatikan, semua petikan yang dipinda itu masih dalam bahasa Inggeris.

Sewajarnya, lebih 65 tahun merdeka, sepatutnya ada upaya atau usaha untuk kita mula mengimarahkan Bahasa Kebangsaan kita, bahasa negara kita dalam pengisian Akta Kanun Keseksaan dan Akta Kanun Tatacara Jenayah itu.

Demikian juga, saya mengambil kesempatan juga menyebut soal Perlembagaan Persekutuan itu; teks sahihnya pun masih dalam bahasa Inggeris. Walaupun saya tahu, sebagai Pengerusi Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada dianggotai oleh wakil Peguam Negara, teks sudah siap. Akan tetapi, bagaimanakah proses itu tidak berlangsung untuk teks sahih Perlembagaan Persekutuan itu? Sepatutnya sudah dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi, ini isu yang saya ingin saya timbulkan dalam sidang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator, ini perkara yang juga telah pun dibangkitkan semasa isu ini dibahaskan di Dewan Rakyat. Seperti yang telah pun saya *pointed out* di Dewan Rakyat, *the authoritative text*, dengan izin, Tuan Pengerusi bagi *Penal Code* dan juga Kanun Tatacara Jenayah memangnya dalam bahasa Inggeris.

Ini memangnya satu amalan yang biasa. *In fact*, rang undang-undang ini telah pun dibawa ke Dewan oleh kerajaan Perikatan iaitu kerajaan dahulu, dan juga dalam bahasa Inggeris kerana itu merupakan amalan yang perlu kita laksanakan.

Jadi, itu sahaja sebabnya kenapa ia dibuat dalam bahasa Inggeris. *In fact, the next RUU* yang akan datang iaitu pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah selepas ini, juga dalam bahasa Inggeris atas sebab yang sama. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, minta sedikit tambahan. Seandainya kita meminda yang bahasa Inggeris itu, adakah ruang dalam Perlembagaan ataupun undang-undang kita pindaan yang baharu itu kita masukkan dalam bahasa Malaysia? Jadi, bercampurlah sedikit bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia. Akan tetapi, *like 507(a)* itu *suddenly* dalam akta yang akan datang, Bahasa Malaysia.

Adakah itu dibolehkan? Ini adalah kerana ini yang baharu, tidak ada kaitan dengan akta asal. Jadi, yang bahasa Malaysia itu yang akan menjadi *authoritative*. *That part of it*. Yes, thank you.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: *Now, at the moment, the authoritative text*, dengan izin, adalah dalam bahasa Inggeris bagi *Penal Code* dan juga Kanun Tatacara Jenayah.

Untuk beberapa undang-undang yang lain, yes. Itu oleh sebab terdapat pindaan kepada undang-undang dan sebagainya. Akan tetapi, bukannya untuk *Penal Code* dan CPC.

Itu sebabnya kalau terdapat apa-apa pindaan, *as long as* ia tiada terdapat pindaan kepada *authoritative texts* tersebut, ia akan dibuat dalam bahasa ini iaitu bahasa Inggeris. *There's no other reason for it.* Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]
[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair memepengerusikan Mesyuarat]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.28 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan ialah Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023 yang melibatkan peruntukan perlindungan kepada mangsa berhubung dengan perlakuan menghendap atau *stalking*, dengan izin. Rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 29 Mac 2023 bersama-sama dengan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023.

Rang undang-undang ini bakal melakar satu episod baharu kepada negara dalam memberi perlindungan undang-undang bagi menangani jenayah menghendap dan perkara-perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Dengan pindaan ini, kebimbangan mangsa jenayah menghendap di negara kita terutamanya wanita dapat dikurangkan. Kerajaan telah

bersetuju supaya peruntukan undang-undang perlu diwujudkan bagi memberikan perlindungan undang-undang yang lebih berkesan kepada mangsa perlakuan menghendap terutamanya wanita.

Usaha dan gerak kerja bagi mewujudkan peruntukan undang-undang untuk memberi perlindungan kepada mangsa menghendap telah dilaksanakan bersekali dengan cadangan menjadikan perlakuan menghendap sebagai satu kesalahan jenayah dengan meminda Kanun Keseksaan.

Usaha ini telah dimulakan semenjak tahun 2019 dan inisiatif ini telah mendapat sokongan padu daripada agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terutamanya *Women's Aid Organisation* (WAO) yang turut membantu memberikan input dan cadangan kepada undang-undang berkaitan kesalahan menghendap ini.

■1630

Sesi libat urus mesyuarat bengkel dan konsultasi secara menyeluruh telah dilaksanakan dan melibatkan pihak berkepentingan seperti bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat, Kementerian Komunikasi Dan Multimedia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penjara Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Majlis Peguam Malaysia, Ahli Akademik daripada UiTM, *Women's Aid Organisation* dan Lembaga Kaunselor Malaysia.

Pindaan kepada kanun tatacara jenayah ataupun Akta 593 dilaksanakan dengan matlamat untuk memberikan perlindungan undang-undang kepada mangsa jenayah menghendap melalui perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Pindaan ini juga diwujudkan berdasarkan falsafah untuk membendung jenayah menghendap dan pada masa yang sama akan dapat mengurangkan kebimbangan ketakutan dan trauma kepada mangsa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini undang-undang sedia ada hanya melindungi mangsa kepada perlakuan mengganggu dan menghendap yang terjadi kepada pasangan yang pernah mempunyai hubungan perkahwinan yang sah atau telah bercerai, *divorcees*.

Namun bagi perlakuan yang melibatkan pihak-pihak yang tidak pernah mempunyai hubungan perkahwinan yang sah tiada peruntukan undang-undang khusus dan jelas. Selain itu kita juga perlu ingat bahawa mangsa perlakuan menghendap ini boleh jadi sesiapa sahaja sama ada lelaki ataupun wanita dan tidak mengira mana-mana peringkat umur dan status. Berdasarkan statistik 1008 orang mangsa yang membuat laporan dan mendapat perlindungan dari NGO khususnya WAO menunjukkan sebanyak 88 peratus pernah dihendapkan, dan 60 peratus pernah dihendapkan secara berterusan oleh pelaku yang sama dalam insiden yang

direkodkan pada tahun lepas. Jenis-jenis kes perlakuan mengganggu dan menghendap mengikut statistik laporan daripada pihak WAO adalah melibatkan pelaku dari kalangan:

- (i) orang asing- *total strangers*;
- (ii) kenalan- *acquaintances*;
- (iii) teman lelaki ataupun teman wanita;
- (iv) mereka yang tinggal bersama sebagai pasangan;
- (v) saudara-mara ataupun *relative*;
- (vi) pasangan suami isteri; dan
- (vii) bekas pasangan suami isteri.

Sehubungan itu Perintah Perlindungan ataupun *Protection Order* untuk mangsa adalah sangat diperlukan bagi mengekang situasi perlakuan menghendap yang dilakukan oleh pelaku-pelaku sebagaimana yang telah dinyatakan sebentar tadi. Negara-negara lain seperti Singapura melalui *The Protection from Harassment Act 2014*, dan *United Kingdom* melalui *Stalking Protection Act 2019* telah memperuntukkan perlindungan kepada mangsa perlakuan penghendap melalui perintah perlindungan ataupun *Protection Order* oleh mahkamah. Tuan Yang di-Pertua secara amnya pindaan Akta 593 ini meliputi tiga fasal dan hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan baharu iaitu seksyen 507 Kanun keseksaan. Pindaan ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 tujuan untuk memasukkan bab baharu XA dan peruntukan baharu seksyen 98A ke dalam Akta 593 untuk memberi mahkamah kuasa atas permohonan untuk mengeluarkan satu perintah perlindungan terhadap seorang yang sedang disiasat bagi atau dipertuduh dengan kesalahan menghendap di bawah seksyen baharu 507A kanun keseksaan.

Fasal 3 juga memperuntukkan hukuman kepada mana-mana pihak yang mengingkari Perintah Perlindungan iaitu pemenjaraan sehingga satu tahun atau denda ataupun kedua-duanya. Fasal 3 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 593 berbangkit daripada kemasukan kesalahan baharu iaitu menghendap ke dalam kanun keseksaan.

Tujuan utama peruntukan ini adalah bagi memberi perlindungan yang mencukupi kepada mangsa terhadap perlakuan menghendap. Aspek perlindungan ini adalah untuk menjamin sesuatu persekitaran yang selamat bagi mangsa perlakuan mengganggu dan menghendap semasa kes disiasat oleh pihak berwajib ketika tempoh prosiding berjalan sehingga kes selesai dan pelaku dijatuhkan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian secara kesimpulannya keprihatinan terhadap perlindungan mangsa perlakuan menghendap di negara ini dijangka

akan membawa keharmonian dan kestabilan sosial dalam negara dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Cadangan pindaan kepada Akta 593 ini diyakini akan dapat memberi keadilan dan perlindungan kepada mangsa perlakuan menghendap dengan sewajarnya. Pihak kerajaan sedar bahawa pindaan kepada undang-undang hanyalah sebagai satu langkah pertama dalam usaha membendung perlakuan menghendap ini.

Kerjasama dan usaha yang lebih gigih yang diperlukan bagi memastikan penguatkuasaan kepada peruntukan undang-undang ini dilaksanakan dengan baik oleh agensi-agensi yang terlibat terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM). Semua pegawai yang terlibat dalam pengendalian kes-kes berkaitan kesalahan menghendap perlu diberi pengetahuan dan latihan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama terlibat dalam usaha untuk mewujudkan peruntukan undang-undang berhubung dengan perlakuan menghendap ini baik daripada agensi kerajaan mahupun daripada pihak-pihak NGO. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon untuk mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada tujuh orang Ahli Yang Berhormat untuk berbahas dan saya bagi masa selama lapan minit. Dipersilakan pembahas yang pertama Yang Berhormat dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan

4.38 ptg

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua oleh sebab Tuan Yang di-Pertua kita telah naik pangkat jadi saya pun dinaikkan pangkat menjadi pembahas nombor satu... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan perundangan mengenai jenayah menghendap atau *stalking* yang dimasukkan sebagai pindaan baharu dalam Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah amat kena pada masanya dan sudah pasti akan disambut baik oleh rakan-rakan Ahli Dewan Negara pada petang ini. saya berpendapat bahawa setiap wakil rakyat perlu menyediakan khidmat nasihat guaman di kawasan Parlimen mereka bagi memudahkan rakyat terutamanya kaum wanita mendapatkan nasihat dan pandangan mengenai undang-undang yang bersangkutan paut dengan realiti kehidupan

mereka. Seperti yang banyak dilaporkan di media massa kebanyakan mangsa gangguan seksual tidak berani tampil ke hadapan bagi membuat aduan kepada majikan, badan kaunseling mahupun ibu bapa mereka.

Keengganan tersebut tercetus disebabkan mangsa merasa segan atau takut diancam oleh si pelaku yang mungkin mempunyai pengaruh atau kuasa ke atas mangsa. Oleh sebab itu, saya berpandangan bahawa akses kepada nasihat guaman yang tepat dan profesional di setiap kawasan Parlimen mahupun kawasan DUN sebagai langkah terbaik bagi mengekang jenayah menghendap yang berlaku di sekitar kita. Khidmat nasihat guaman bukan sahaja boleh meredakan gangguan emosi seseorang mangsa malah ia juga boleh dimanfaatkan secara profesional bagi mewakili mangsa sebagai peguam bela di peringkat perbicaraan di mahkamah kelak.

■1640

Bagi sesetengah masyarakat, ilmu perundangan amat asing bagi mereka. Dalam dunia realiti, mereka tidak tahu apa yang sepatutnya dilakukan sekiranya mereka ingin melaporkan sesuatu kejadian jenayah atau gangguan yang mereka saksikan atau mengalami sendiri.

Cuba kita bayangkan, bagaimana keadaan seseorang mangsa jenayah hendap yang tinggal bersendirian dan dalam masa yang sama, tidak mempunyai *social circle*, dengan izin, atau kepompong sosial yang boleh dipercayai? Apakah cara mangsa tersebut untuk meluahkan masalahnya jika dia sendiri tidak mempunyai ahli keluarga terdekat yang boleh dia percaya dan selesa untuk mereka mengadu?

Sebab itu, peranan atau fungsi khidmat guaman penting untuk menyediakan ruang komunikasi buat mangsa hendap, untuk mendapatkan pembelaan undang-undang yang boleh melindunginya daripada individu yang melakukan gangguan. Selaku pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri seharusnya memikirkan aspek sokongan serta akses guaman, terutamanya bagi individu yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, di Itali umpamanya, si penghendap yang mempunyai pertalian rapat atau *keenship*, dengan izin, dengan mangsa boleh dihadapkan dengan hukuman pemenjaraan maksimum sehingga 6 tahun. Mengikut pindaan *Italian Penal Code* yang berkuat kuasa pada Februari 2009, hukuman pemenjaraan maksimum sehingga 6 tahun itu secara tegas dan konkrit diperuntukkan kepada;

- (i) pengendap yang mempunyai pertalian darah seperti abang kandung;
- (ii) pengendap yang pernah menjalin hubungan intim dengan mangsa, seperti bekas isteri atau tunang, dan;
- (iii) pengendap yang melakukan perbuatan hendap terhadap ibu yang mengandung, atau minor atau orang kurang upaya.

Dengan adanya klausa yang saya cadangkan itu, perlindungan yang diperuntukkan oleh mahkamah terhadap mangsa hendap yang tergolong dalam tiga segmen yang saya nyatakan tadi diyakini dapat melindungi mangsa secara total.

Perlindungan total atau *absolute protection*, dengan izin, terhadap seseorang mangsa hendap amat penting terutamanya mangsa yang pernah hidup bersama dengan tertuduh. Perintah perlindungan tanpa kompromi yang saya cadangkan tadi bukan sahaja boleh menghalang tertuduh daripada terus mengendap mangsa, malah ia juga boleh meredakan gangguan psikologi yang dialami oleh mangsa yang berupaya memudaratkan emosi, kesihatan serta kehidupan sehariannya.

Kita tidak boleh menafikan hakikat bahawa ada daripada kalangan individu yang bergelar duda atau janda yang masih tergila-gilakan bekas pasangan mereka. Akibat kegilaan tersebut, mereka sanggup mengendap bekas isteri atau suami secara kerap di mana perbuatan tersebut boleh mengundang rasa tidak tenteram oleh mangsa yang sudah tentu mempunyai ruang privasi yang tidak boleh dicerobohi. Ini selalu kita tengok dalam *Tamil movie*, selalu. So, kalau saudara tengok *movie* Tamil, ini memang ada. Kebiasaan.

Seperti yang pernah diungkapkan oleh Presiden Amerika Syarikat yang ke-21, Chester A. Arthur, dengan izin, Tan Sri Yang di-Pertua..., oh, Dato' Yang di-Pertua, tidak lama lagi Tan Sri, "*I maybe President of United States but my private life is nobody's damn business.*" Sehubungan itu, saya ingin menegaskan hujah saya bahawa tempoh pemenjaraan bagi kesalahan melanggar perintah perlindungan yang diperuntukkan dalam subseksyen 8 perlu dinaikkan kepada lima atau enam tahun maksimum. Tempoh tersebut amat diperlukan untuk melindungi seseorang mangsa daripada terus dihendap.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan atas perbahasan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Dipersilakan.

4.45 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga memberikan buah fikiran sedikit ya untuk menjelaskan lagi suasana yang ada ini ya. Dalam definisi menghendap tadi ini, ia berlaku paling tidak atau paling kurang dua kali. Itu kalau mangsa boleh *identify* lah ya atau boleh mengenal pasti penghendap itu yang bermakna orang yang dia mengenali ataupun dia, kerap berjumpa. Kita akan mempunyai suasana di

mana yang menghendap itu orang yang tidak dikenali oleh mangsa. Cuma, ada rasa syak pada mangsa itu bahawa dia telah diperhatikan oleh seseorang yang dia tidak kenal.

Jadi, dilemanya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana dia hendak mengidentifikasikan atau hendak mengenal pasti orang ini kerana dia, kerap melihat lebih daripada dua kali dalam keadaan yang mencurigakan? Jadi, apabila dia mahu membuat aduan untuk mendapatkan perintah *protection* ini dari mahkamah, sudah tentu ia akan menimbulkan masalah sama ada untuk mengenal pasti siapa orang itu, apatah lagi untuk mahkamah mengeluarkan perintah *protection* ini. Di manakah hendak dikesan orang yang disangka atau yang tersangka ini?

Jadi, adakah boleh si mangsa dalam masa yang sama apabila meragui suasana ataupun mengesan bahawa beliau sedang dihendapkan, boleh membuat *counter*, bukan *counter report*, *counter* ambil gambar.

Seorang Ahli: ...*Counter* hendap... [Ketawa]

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Counter* hendap. Macam mana Cikgu Hussin ya..., boleh? Kalau tidak macam mana, siapa...? Dulu saya tidak kenal.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Nanti glamor bahasa itu Dr.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: "*Counter* hendap" itu nanti glamor itu.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dia glamor tetapi yang menghendap itu kita tidak tahu kan? Nampak muka hendak *describe* semua itu saya rasa satu masalah. Jadi, apakah kaedah yang difikirkan oleh kerajaan untuk memastikan bila dia buat permintaan di mahkamah itu jelas? Kita hendak perkara ini untuk menghentikan penghendapan itu dalam masa yang segera.

Jadi, pihak berkuasa atau pihak penguat kuasa misalnya polis kah atau sebagainya harus bersedia dan harus mempunyai maklumat yang lengkap untuk melaksanakannya, *the Protection Order* ya. Ini kerana *Protection Order* ini nampaknya macam *is a passive order* Yang Berhormat Menteri ya. Ertinya orang itu jangan menghendap lagi tetapi siapa hendak monitor orang itu menghendap atau tidak melainkan mangsa. Jadi, apakah peranan pihak polis di sini?

Jadi, kalau kita mempunyai kecekapan, kita pula menghendap si penghendap untuk memastikan dia tidak menghendap lagi orang yang dia telah hendap tadi ya. Jadi, ini saya memerlukan penjelasan. Mungkin gurau-gurauan tetapi hendak menyampaikan perasaan betapa susahya untuk si mangsa ini mendapat *real protection*. Baru dapat order si mangsa sudah *pass the job* kepada kawan dia, *another one*. Order demi order.

Hendak siasat ini dan hendak bawa ke mahkamah sampai siap kes atau siap penyiasatan *disposable of the case* ini, ia akan mengambil masa. Manakala trauma yang telah berlaku tadi telah pun berlaku. Apa pun Yang Berhormat Menteri, tidak menjadi masalah kerana seperti yang disebut tadi kita memerlukan satu undang-undang. *We need head start*.

■1650

Akan tetapi, biarlah ia mempunyai suatu ketepatan ataupun lengkap. Mungkin kita perlu meneliti bagaimana UK membuatnya, Australia seperti disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi ataupun Singapura dan Jepun, semua telah di-*quote* tadi.

Apakah cara kita buat? Contohnya *distancing*. Berapa jauhkah dibenarkan pemangsa ini dekat dengan mangsa? Satu kilometer? Siapakah hendak mengukurnya itu? Atau mungkin agak-agak. Adakah ia *distance horizontal* ataupun *distance vertical*? Dron tadi *vertical*-lah.

Jadi perkara-perkara ini bagi memastikan undang-undang kita dilihat begitu tepat kerana kita ini terbelakang. Ertinya kita ada, *we have our own advantage of experience of other countries*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita manfaatkan. Tidak perlulah kita pula pergi kepada terlalu *basic* sampai kita tidak dapat melaksanakan dengan yang baik. Jadi saya hendak meminta penjelasan daripada Menteri apakah kaedah yang dibuat ataupun cara penentuan jarak contohnya yang dibenarkan ataupun boleh dibenarkan dua pihak ini daripada bertemu ataupun berselisih?

Jadi ini memerlukan seperti yang saya sebut tadi pihak penguat kuasa dan mahkamah bertindak cepat dan saya khuatir juga kalau kes ini betul-betul banyak ia akan mengambil masa mahkamah yang lengkap dan kemungkinan yang panjang, banyak- mungkin memerlukan satu buah mahkamah khas, ataupun menurunkan kuasa untuk memberikan arahan- *Protection Order* ini kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan misalnya. DO di peringkat daerah contohnya kerana perlukan kesegeraan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua itu sahaja sumbangan saya. Terima kasih dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah dipersilakan.

4.52 ptg.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sekali membenarkan saya mengambil dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023.

Seperti mana yang kita tahu rang undang-undang ini yang kita bahas sekarang ini merupakan lanjutan daripada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan yang kita bahas sebentar tadi. Menerusi pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini yang mengatakan pindaan ini kerana kebimbangan mangsa jenayah mengendap ini dapat dikurangkan terutama kepada mangsa wanita, kanak-kanak ataupun lelaki seperti saya.

Walau bagaimanapun, rang undang-undang dan tatacara ini adalah bersifat untuk melindungi mangsa. Saya amat bersetuju rang undang-undang ini dibahaskan dan diluluskan. Dalam undang-undang yang sedia ada aspek perlindungan hanya melindungi mangsa terhadap perlakuan mengganggu dan mengendap yang terjadi kepada pasangan yang mempunyai hubungan perkahwinan yang sah dan bercerai sahaja. Macam mana Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli bagi tahu tadi. Bagaimana bagi yang tidak bercerai, dan tidak ada hubungan?

Seperti mana yang berlaku dalam situasi yang berlaku dalam negara, hari ini yang kita sedia maklum rata-rata *warganet* amat cenderung membuat *live* di media sosial. Aplikasi-aplikasi media sosial seperti di *TikTok*, *Instagram*, *Facebook* dan sebagainya. Tidak mustahil pengendap-pengendap ini juga adalah di kalangan penonton-penonton *live*. Namun mereka tidak melakukan sebarang ancaman atau gangguan. Cuma sering mengikuti sesi *live* ini dan mengeluarkan komen-komen yang bersifat mengganggu minda yang melakukan *live* tersebut. Keadaan individu ini dapat dilakukan ancaman gangguan, ugutan terhadap pemilik akaun tersebut secara *live* di platform masing-masing.

Soalan hari ini berkenaan tentang *Protection Order* yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, yang kita tahu merupakan satu perlindungan daripada mangsa yang tidak diganggu oleh suspek. Namun saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah tatacara pelaksanaan perintah ini dapat dilaksanakan? Menerusi pembacaan saya juga sesiapa yang didapati melanggar perintah ini hendaklah dipenjarakan satu tahun ataupun didenda atau kedua-duanya sekali.

Namun begitu, apakah jaminan pihak kerajaan bahawa pesalah yang melanggar perintah ini tidak akan kembali mengganggu mangsa selepas tempoh hukumannya? Seterusnya dalam peruntukan 93A(3), ada menyatakan bahawa orang yang mendapat perintah ini boleh mempertikaikannya dan boleh membawa ke mahkamah untuk mengetepikan isu ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian sekiranya perkara ini terjadi, siapakah yang akan bertanggungjawab ke atas keselamatan mangsa yang terlibat?

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga berpandangan perlu ada penglibatan daripada jabatan kerajaan yang lain bagi membantu mangsa-mangsa ini. Contoh paling sesuai bagi saya Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jika ingin bertanya setelah pindaan ini diluluskan, adakah punca kuasa diberikan kepada jabatan-jabatan kerajaan ini sesuai turut untuk berganding bahu bagi menyelesaikan masalah dan melindungi mangsa-mangsa yang terlibat?

Dalam sesi ini juga, saya ingin juga memberi pandangan bahawa perlu adanya sokongan psikologi yang mantap untuk mangsa-mangsa yang terlibat. Ini kerana kalau tidak dijaga minda dan juga tekanan perasaan kepada mangsa-mangsa ini, kita risau perkara yang

tidak diingini berlaku akibat gangguan emosi yang teruk terhadap gangguan yang telah saya katakan tadi.

Satu lagi persoalan yang saya ingin ketengahkan, sekiranya mangsa yang terlibat ialah mangsa pengendap ini sudah tentu ada mengalami kemerosotan prestasi di tempat kerja apabila gangguan seksual dan sebagainya. Kita ingin tahu sama ada, ada cadangan kerjasama pihak kerajaan dan majikan untuk membantu pekerja-pekerja yang menjadi mangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini- pada pandangan saya, boleh juga diturut selesai dengan kalangan masyarakat. Kerjasama dengan kawasan-kawasan kejiranan seperti kawasan-kawasan perumahan dengan adanya Rukun Tetangga juga boleh diturut-sertakan dalam situasi perkara ini.

Saya rasa tidak salah jikalau pihak kerajaan juga lakukan sesi taklimat kepada mereka. Sekiranya terdapat kes-kes yang tidak diingini berlaku, mengendap ini berlaku dan sekurang-kurang mereka tahu perkara asas apa yang perlu dilakukan, jikalau ada perkara-perkara ini berlaku. Kita juga tidak boleh menganggap perkara ini bukan perkara yang serius. Semua lapisan masyarakat juga kerajaan perlu bersama-sama berganding bahu mengelakkan perkara ini terjadi dan seterusnya mangsa juga akan berasa selamat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan pindaan undang-undang ini satu perkara yang amat wajar kita sokong. Jadi saya dengan ini mohon menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit, dipersilakan.

4.58 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Selamat sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang DR6/2023.

Saya sangat menyokong rang undang-undang ini, ada beberapa perkara yang saya ingin sampaikan untuk diberi pertimbangan oleh kementerian. Pertama, undang-undang ini nampaknya macam boleh menghukum orang yang benar-benar mengadakan ataupun mengendap.

Akan tetapi, persoalan yang saya ingin sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah bagaimana pula dengan *mastermind* yang mengarahkan. Ini kerana dalam undang-undang ini tadi sekurang-kurangnya dua kali untuk memenuhi syarat mengendap.

Akan tetapi, *mastermind* boleh mengarahkan 'A' pada hari Isnin mengendap dan dengan canggih lagi mungkin dengan video dan kamera sekali. Kamera ini tadi di-pass kepada pada hari Selasa. Si 'B' pula pergi mengendap, dan seterusnya 'C' Rabu dan Khamis 'D'.

■1700

Jadi, maknanya mengendap orang yang sama diarahkan oleh *mastermind* empat kali. Bagaimanakah undang-undang ini untuk menangani masalah ini? Ini saya percaya boleh berlaku dengan keadaan orang yang lebih *intelligent* untuk mengendap. Jadi, ini persoalan pertama saya.

Kedua, hukuman yang dikatakan tadi adalah hanya apabila berlaku dua kali. Itu pun kalau didapati sabit kesalahan sekurang-kurangnya dua kali. Jadi, inilah yang boleh terjadi apabila arahan oleh seseorang yang mungkin ada wang untuk mengarahkan atau menggaji orang tertentu untuk mengendap setiap kali. Oleh sebab itu, satu kaedah yang sesuai perlu difikirkan juga untuk memasukkan unsur-unsur *mastermind* yang mengarahkan beberapa orang mengendap bagi pihak dia.

Ketiga, persoalan kita di sini ialah apakah niat kita Parlimen ini ataupun kerajaan? Kita sebagai penggubal undang-undang ini, apa niat kita untuk menyelesaikan ataupun menghukum atau mencari mereka yang benar-benar dengan keadaan mereka yang mampu menggaji orang, mengarahkan orang yang sangat patuh kepada mereka? Ini boleh berlaku kerana ada jenayah-jenayah tertentu yang dia mengarahkan orang bawahan untuk melakukan jenayah pembunuhan. Jadi, *mastermind* terlepas. Orang yang disuruh digantung sampai mati. Jadi, ini tidak mustahil boleh berlaku dalam keadaan kesalahan mengendap ini, *stalking* ini, dengan izin.

Walau bagaimanapun, ini ialah idea-idea yang saya ingin sampaikan kepada kementerian yang berkaitan supaya perkara ini boleh diperbaiki supaya tidak ada orang yang kaya raya boleh mempergunakan orang tertentu untuk mengendap bagi pihak dia.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit atas perbahasan tadi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

Oleh sebab beliau tidak ada dalam Dewan ini, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Amir bin Ghazali. Dipersilakan.

5.03 ptg.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Saya ingin menjurus kepada Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 2023 berhubung kesalahan mengendap.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas pada Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-undang) atas usaha melakukan *reform* terhadap sistem perundangan negara bagi mempercepatkan proses keadilan dapat ditegakkan dan memperkenalkan proses yang lebih efisien untuk kebaikan rakyat Malaysia dalam menikmati sistem perundangan yang adil.

Walau bagaimanapun, tidak dapat kita nafikan bahawa pengenalan beberapa pindaan RUU ini berlaku tatkala kita sedang berhadapan dengan kepincangan dan krisis keyakinan rakyat terhadap pelaksanaan undang-undang di negara kita. Selain itu, kita kerap berhadapan dengan kepincangan profesionalisme yang serius dalam institusi-institusi demokratik negara yang pernah dirasakan oleh pengamal undang-undang yang prihatin di negara kita tetapi juga pegawai atau penjawat awam yang menjalankan tindakan penguatkuasaan seperti tangkapan dan siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan ataupun *reform* yang sedang dilaksanakan ini sangat dialu-alukan serta dihargai memandangkan terdapat RUU yang dibentangkan semasa di Dewan Rakyat masih memerlukan kelulusan daripada Dewan Negara.

Sebagai contoh, Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 2023 berhubung peruntukan perlindungan mangsa menghendap, seksyen 507A dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan mengikut Akta 574 bagi kesalahan menghendap. Seksyen itu menyebut, sesiapa berulang kali dengan apa-apa tindakan gangguan, berniat untuk menyebabkan, atau mengetahui, atau sepatutnya mengetahui bahawa perbuatan itu berkemungkinan menyebabkan, merisaukan, menakutkan atau mencemaskan akan keselamatan orang itu, si mangsa, maka diklasifikasikan sebagai kesalahan mengendap.

Tuan Yang di-Pertua, menurut satu kajian yang pernah dijalankan oleh syarikat penyelidikan Vase.ai, dengan kerjasama Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) serta dilakukan advokasi yang bermula sejak tahun 2004 membabitkan seramai 1,008 orang responden rakyat Malaysia, statistik menunjukkan 36 peratus daripada jumlah responden rakyat Malaysia pernah menjadi mangsa hendap. Daripada bilangan 1,008 orang responden itu, 12 peratus responden pernah menerima ancaman untuk dicerderakan. Saya syorkan tingkatkan perlindungan dan juga penguatkuasaan harus ditingkatkan.

Manakala 17 peratus pula menjadi mangsa penghendap yang melibatkan kecederaan serius. Jadi, penyelesaiannya menerusi pindaan kepada Akta 574 Kanun Keseksaan dengan memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 507A berhubung perlakuan mengendap adalah lebih spesifik dan memudahkan siasatan pihak berkuasa.

Rasionalnya pindaan ini wajar dilakukan atas beberapa sebab iaitu menimbulkan rasa takut, bimbang serta mencapai tahap yang mana mangsa boleh dicerderakan sehingga ada yang menyebabkan kematian mangsa. Makanya, berdasarkan rasional yang telah dinyatakan menerusi seksyen 507A dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] bagi kesalahan

menghendap, ia akan dapat melindungi mangsa-mangsa dan dapat mengurangkan risiko pelaku bertindak ganas.

Pindaan tahun 2023 adalah bertujuan memasukkan seksyen baharu 507A ke dalam Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan mengendap penjara maksimum tiga tahun atau denda dan kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan seramai 69 peratus rakyat bersetuju perbuatan mengendap merupakan satu kesalahan jenayah dengan mengambil kira pandangan setiap lapisan masyarakat dan sesi libat urus termasuk penyertaan beberapa orang mangsa hendap. Saya mencadangkan supaya libat urus ataupun *townhall* diperbanyakkan di kawasan-kawasan bandar dan juga kawasan-kawasan *urban* supaya masyarakat dapat memahami isu ini dan juga dapat membantu kerajaan di segi undang-undang yang akan dilibatkan.

Jadi, saya memohon pindaan Kanun Keseksaan ini disokong dan diluluskan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Amir bin Ghazali.

Sekarang saya menjemput pembahas yang terakhir untuk hari ini, Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

5.08 ptg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuhi.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023.

Peringat awalnya saya menyambut baik pindaan ke atas Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 2023 yang secara rasminya akan mengisytiharkan perbuatan mengendap, atau lebih dikenali dengan istilah "*stalking*", kini dikategorikan sebagai kesalahan jenayah. Ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan kecil kerana setelah hampir empat tahun usaha untuk memastikan perbuatan mengendap ini diklasifikasikan sebagai jenayah menerusi penubuhan Jawatankuasa *Antistalking* sejak tahun 2019, akhirnya pada tahun 2023, ia dapat direalisasikan.

Selari dengan itu, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023 bakal meminda Jadual Pertama kepada Akta 593 yang berbangkit daripada kemasukan kesalahan baharu mengendap ke dalam Kanun Keseksaan iaitu memberikan perlindungan undang-undang kepada mangsa jenayah mengendap melalui perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah.

Perbuatan intip dan hendap ini bukanlah satu perkara kecil yang boleh dipandang enteng. Ini kerana implikasi daripada perbuatan ini boleh mengundang kepada pelbagai isu, malahan juga terutamanya kepada mangsa.

■1710

Antaranya ialah gangguan emosi dan juga memberi kesan kepada kesihatan mental seperti serangan panik dan kemurungan akibat daripada kerisauan dan ketakutan apabila setiap gerak geri mereka diintip, dan dihendap oleh pelaku. Sudah banyak kes melibatkan jenayah *stalking* berlaku di Malaysia. Namun tiada tindakan lanjut ataupun hukuman berat yang boleh dikenakan kerana perbuatan ini tidak dianggap sebagai jenayah.

Ini menyebabkan undang-undang sedia ada tidak memihak kepada mangsa dan pelaku jenayah ini juga akhirnya bebas tanpa sebarang hukuman berat. Selain itu, perbuatan menghendap juga menyebabkan kebimbangan yang berterusan kerana apabila pelaku dibebaskan mereka berpotensi tinggi melakukan kembali perbuatan itu dan mengancam mangsa dengan perlakuan yang lebih buruk. Saya ingin menimbulkan beberapa persoalan untuk dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama ialah, perbuatan intip atau hendap oleh penyiasat persendirian. Yang pertamanya perbuatan mengintip dan mengendap boleh dikatakan dilakukan secara haram dan tanpa pengetahuan mangsa. Kita faham jika pelaku melakukannya dengan niat yang tidak baik dan mengancam mangsa. Namun begitu, bagaimana pula dengan perlakuan mengintip yang dilakukan individu seperti penyiasat atau detektif persendirian yang berdaftar. Kebiasaannya mereka ini diupah oleh seseorang untuk mematikan tingkah laku orang yang dihendap.

Kedua ialah berhubung dengan penggunaan alat pengesanan atau kamera tersembunyi. Persoalan kedua ialah bagaimana penggunaan peralatan pengesan ataupun *tracking device*, dengan izin, seperti kamera atau alat sistem pengesan global (GPS) pada kenderaan bagi tujuan mengendap dan mengetahui lokasi kenderaan mangsa. Adakah perbuatan sebegini juga dikira sebagai satu jenayah dan akan dikenakan tindakan. Bagaimana pula perbuatan memasang kamera tersembunyi di lokasi tertentu seperti tandas dan bilik persalinan dengan tujuan mengintip.

Adakah perlakuan ini boleh dikategorikan sebagai jenayah mengintip dan mengendap di bawah akta ini yang layak dikenakan hukuman. Persoalan yang ketiga, hukuman bagi kesalahan ini iaitu penjara sehingga tiga tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali. Saya merasakan hukuman ini agak ringan dan kurang wajar berbandingkan kesalahan yang dilakukan. Jadi adakah kementerian mempunyai cadangan untuk mengenakan hukuman kepada yang lebih berat kepada pelaku.

Jika pelaku mengingkari arahan perlindungan oleh mahkamah adakah bentuk hukuman yang lebih berat juga boleh dikenakan. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, dipersilakan.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kesemua enam orang pembahas yang telah pun mengambil bahagian di mana saya mendapati ke semua mereka menyokong kelulusan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini yang penting seperti yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan tersebut, ada banyak kisah berkenaan bekas *boyfriend* yang mengendap bekas *girlfriend* dalam gambar-gambar Tamil ataupun *Tamil movies*.

Saya ingin menjawab, ia bukannya terhad hanya kepada *Tamil movies* tetapi kepada semua jenis *movies*. Oleh sebab itu, kita memperkenalkan undang-undang ini. Kejadian menghendap itu merupakan satu kejadian yang lazim berlaku. *Whether it's in the Chinese, Indians, Malays* ini berlaku secara lazimnya. Itu sebabnya adalah perlu untuk kita mengadakan bukan sahaja undang-undang yang baharu yang diperkenalkan di bawah seksyen 507A yang telah pun dibahaskan tadi. Akan tetapi sebagai *consequence* kepada seksyen 507A tersebut perlu ada *protection order* iaitu di bawah rang undang-undang ini.

Now, protection order ini yang satu perkara yang telah pun di- *interesting point* yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit berkenaan dengan *mastermind*. Ini merupakan satu isu iaitu memang *mastermind* diambil sebagai bahagian di bawah satu kesalahan. Bukan sahaja untuk kesalahan *stalking* ini tetapi untuk kesalahan lain seperti juga bunuh dan sebagainya.

Dalam kes-kes seperti itu, iaitu terdapat seorang yang mengarahkan ataupun menjadi *mastermind* di sebalik suatu jenayah, secara kebiasaannya orang itu sekiranya dapat dikesan akan dituduh bersama dengan orang melakukan *the primary offence*. Ini dilakukan melalui seksyen 34, *Penal Code* iaitu seksyen yang merangkumi isu *common intention*. Jadi sekiranya siasatan menunjukkan bahawa *stalker* dalam kes ini dimotivasikan untuk melakukan penghendapan tersebut atas arahan seorang lain iaitu *mastermind* orang itu juga boleh menjadi seorang yang dituduh bersama dengan *stalker* tersebut di bawah seksyen 34.

Jadi, *in every principal of offence, if there is, dengan izin, mastermind behind it he can be charge with the common intention in committing that primary offence*. Jadi ini merupakan

bukan sahaja untuk kesalahan ini tetapi untuk ke semua kesalahan *primary offence* itu seorang itu boleh dituduh dengan seorang yang lain.

Saya beralih Tuan Yang di-Pertua kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan berkenaan dengan *legal aid*. *I think* sokongan khidmat guaman untuk kes-kes sebegini. Saya mengambil maklum berkenaan isu yang agak cukup penting ini. *We agreed* bahawa isu *legal aid* atau sokongan khidmat guaman merupakan satu perkara yang penting dan kami akan mengambil maklum dan mengkaji isu ini dengan lebih mendalam pada masa depan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli menimbulkan soalan bahawa nampaknya perintah- *Protection Order* ini macam, *it is the passive order*. Daripada apa yang saya faham daripada perbincangan Yang Berhormat tersebut adalah bahawa- apakah kuasa- *what is the extent of the power under prohibition act order or Protection Order*.

Untuk menjawab persoalan ini *I think* apa yang penting adalah untuk kita mengamati bahawa apabila sesuatu *Protection Order* itu dikeluarkan oleh mahkamah, mahkamah akan menentukan apakah yang dinyatakan dalam *Protection Order* itu.

The orders- adakah perintah-perintah yang dikeluarkan contohnya sekiranya sesuatu perintah itu memerintahkan pesalah itu tidak boleh dalam suatu jarak yang tertentu- *maybe say a two mile radius*, dan sebagainya, itu boleh ditentukan oleh mahkamah. Sekiranya terdapat apa-apa pengingkaran perintah tersebut, maka mahkamah juga boleh memerintahkan agar tindakan diambil *obviously* oleh pihak dalam kes ini polis. Oleh sebab pihak polislah yang boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat apa-apa pengingkaran *Protection Order* tersebut.

■1720

Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator tadi, ini *the scope of the order*. *The scope of the* perintah tersebut *largely will depend on the* perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah. Jenis perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah dan perintah itu akan berdasarkan kepada aduan yang dibuat oleh mangsa dalam permohonannya. Kita perlu ingat di sini, permohonan ini ialah jenis *ex parte*. Maksudnya, mangsa itu boleh pergi ke mahkamah secara sendiri pada masa itu tanpa kehadiran pesalah untuk mendapatkan perintah tersebut.

In that application, dia akan memberi alasan-alasan untuk *application* tersebut yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah dan boleh diperintahkan oleh mahkamah. Sekiranya ada apa-apa pengingkaran, maka polis boleh mengambil tindakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah telah pun bertanya sekiranya mahkamah boleh membuat satu perintah untuk melibatkan pihak polis. Ini sudah tentu boleh dilakukan oleh sebab seperti yang telah saya jelaskan tadi, pihak polis merupakan pihak yang berkuasa yang boleh ataupun berkemampuan untuk *enforce* ataupun melaksanakan perintah oleh mahkamah tersebut, sekiranya terdapat apa-apa pengingkaran perintah tersebut.

Juga ditanya sama ada pihak kerajaan akan mempertimbangkan, memberi ataupun mempertimbangkan sokongan *psychological support* kepada mangsa-mangsa yang dalam kes-kes sebegini. Ini merupakan satu perkara yang juga diambil maklum. Kami akan mengkaji lebih mendalam sama ada ini boleh dilakukan pada masa depan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan telah pun tanya sama ada beberapa soalan yang ditanya terdahulunya oleh Yang Berhormat Senator lebih berkenaan dengan seksyen 507A tersebut yang baru telah pun dibahaskan sebelum ini, sama ada apa yang terjumlah kepada satu tindakan menghendap dan sebagainya. Akan tetapi, satu soalan yang telah pun ditimbulkan di sini adalah berkenaan dengan penyiasat *private investigators*, sama ada mereka juga akan – Sama ada undang-undang menghendap ini terpakai terhadap mereka.

Seperti yang saya jelaskan tadi, ada sesetengah daripada mereka yang terkecuali kerana mereka mempunyai *license, for example. Private Investigator* boleh mendapatkan *license* di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 yang membolehkan ia melaksanakan tugas-tugasnya. Sama juga dengan pihak-pihak berkuasa seperti polis dan sebagainya; sekiranya mereka menjalankan tugas-tugas mereka, maka mereka mempunyai justifikasi terhadap tindakan-tindakan mereka yang boleh dikatakan terjumlah kepada satu tindakan menghendap.

Juga ditanya oleh Yang Berhormat Senator ada sekiranya terdapat pengingkaran terhadap perintah atau PO tersebut, sama ada hukuman yang lebih berat boleh dikenakan terhadap pesalah. Ya, memang sudah tentu. Sekiranya terdapat pengingkaran, maka itu akan merupakan satu, dengan izin, *aggravated factor* yang akan diambil kira sekiranya satu lagi permohonan *Protection Order* dibuat oleh mangsa pada masa depan.

So, mahkamah boleh mengambil kira bahawa pada masa lepas, pesalah yang sama telah pun mengingkari satu perintah PO tersebut dan boleh mengenakan perintah-perintah yang sewajarnya, *as a result of those aggravating factors*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan beberapa isu yang ditanya tadi. Berkenaan dengan hukuman; sama ada hukuman dalam kes-kes menghendap ini adalah memadai. Untuk menjawab soalan ini, boleh kita membuat perbandingan dengan negara-negara lain yang mengenakan hukuman, contohnya di United Kingdom untuk kes-kes sebegini, di mana penjara maksimum di sana ialah 51 minggu atau denda dan kedua-duanya. Di Singapura iaitu maksimum 12 bulan, atau denda tidak melebihi SGD5,000. Di sini, hukumannya agak lebih tinggi, di mana hukuman maksimumnya ialah tiga tahun.

Jadi, saya percaya bahawa hukuman-hukuman yang ditetapkan dalam undang-undang ini adalah memang memadai untuk menangani masalah *stalking* ini. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab semua soalan yang ditimbulkan oleh kesemua

Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada sokongan penuh daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) atas jawapan kepada semua pertanyaan yang timbul dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Tiada perbahasan]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan) dan diluluskan]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 10 April 2023.

Juga, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berbuka puasa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan pegawai-pegawai- penjawat awam yang beragama Islam. Sekian.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]